

AL-HIKMAH

Jilid	8	ISSN 1985-6822	2016
No.	2		1438

- SEJARAH DAN LATAR BELAKANG MASYARAKAT KADAYAN ...3-18
Normala Othman
- ARAB HADHRAMI DAN ARAB PERANAKAN DI MALAYSIA ...19-37
Latifah Abdul Latiff, Siti Nor Baya Yacob, Anita Ismail, Adibah Sulaiman, Mashitah Sulaiman & Azmir Mohd Nizah
- PERSEPSI PELAJAR UKM TERHADAP HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA ...38-59
Nazri Muslim, Fazilah Idris, Rozita Ibrahim, Rozmel Abdul Latiff, Nasruddin Yunos, Ahmad Zamri Mansor & Hasanah Abd. Khafidz
- METOD DAKWAH MOHD FADLI YUSOF DALAM PENGISLAMAN SUKU KAUM MASYARAKAT MURUT ...60-80
Abd Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdulllah, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim & Muhammad Akramin Kamaruzaman
- PESAN ABADI BUMI DAN LANGIT KEPADA MANUSIA: ANALISIS KOMUNIKASI DAKWAH DALAM TRADISI PEMBACAAN KITTA TULKIYAMAT DALAM MASYARAKAT MAKASSAR ...81-96
Nur Setiawati Mappaselleng & Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri
- NILAI PENCAPAIAN DAN ORIENTASI MASA HADAPAN REMAJA ORANG ASLI DI NEGERI PAHANG DAN PERAK, MALAYSIA ...97-109
Azlina Mohd Khir, Ma'rof Redzuan, Hanina H. Hamsan & Mohd Ibrani Shahrimin
- PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP AKTIVITI RUKUN TETANGGA MENGIKUT JANTINA ...110-127
Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri & Nur Syafiqah Huda Mohd Rashidi
- MAQASID SYARIAH DALAM PEMBINAAN FATWA BERKAITAN AMALAN RENTAS AGAMA DAN RENTAS BUDAYA DI MALAYSIA ...128-147
Wan Zulkifli Wan Hassan, Nabilah Abdullah, Jamsari Alias, Azizi Umar & Nazri Muslim
- ADAB IKHTILAF DALAM DAKWAH ISLAMIYAH ...148-165
Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Abdul Ghafar Don, Adawiyah Ismail & Abu Dardaa Mohamad
- SISTEM KAD PERAKAM WAKTU (KPW) ERA KEPIMPINAN TUN DR MAHATHIR MOHAMAD DI MALAYSIA ...166-183
Muniroh Abdul Rohman, Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri
- ANTI-MUSLIM CAMPAIGN IN SRI LANKA AND RESPONSES OF THE BUDDHISTS ...184-201
Ahamed Sarjoon Razick, Khaidzir Hj Ismail, Ahmad Sunawari Long & Kamarudin Salleh
- BOOK REVIEW: PRESENTING ISLAM IN THE WEST ...202-204
Abdul Ghafar Don



Sejarah dan Latar belakang Masyarakat Kadayan

History and Background of the Kadayan Community

NORMALA OTHMAN*

ABSTRAK

Masyarakat Kadayan merupakan salah satu suku kaum peribumi yang terdapat di sebahagian besar Kepulauan Borneo iaitu di Sabah, W.P Labuan, Sarawak dan Negara Brunei. Petempatan utama mereka di Sabah tertumpu di daerah Sipitang dan Papar manakala di Sarawak pula masyarakat Kadayan boleh ditemui di Limbang, Lawas, Miri, Sibuti dan Bintulu. Masyarakat Kadayan dikatakan merupakan antara penduduk asal di negara Brunei. Ketika di bawah pemerintahan Sultan Bolkiah (1485-1524), Brunei mempunyai jajahan takluk amat luas meliputi Pulau Borneo hingga ke kepulauan Sulu. Kekuatan dan keluasan empayar Brunei pada ketika itu memungkinkan berlakunya penghijrahan penduduk Brunei ke wilayah-wilayah yang ditakluki. Masyarakat Kadayan memiliki ciri fizikal yang sama seperti Melayu-Brunei. Mereka bertutur dalam dialek Kadayan yang berada di bawah rumpun bahasa Melayu. Kehidupan tradisi masyarakat Kadayan adalah berkait rapat dengan pertanian dan penanaman padi merupakan aktiviti ekonomi utama mereka. Justeru, kertas ini akan membincangkan mengenai keunikan warisan tradisi masyarakat Kadayan dan sejauhmanakan mereka mampu mempertahankan warisan tersebut sehingga ke hari ini.

Kata kunci: *sejarah, masyarakat Kadayan, warisan*

ABSTRACT

The Kadayan community is one of the indigenous communities that can be found in the larger parts of Borneo Island; in Sabah, W.P Labuan, Sarawak and Brunei. Their major settlements in Sabah are concentrated in Sipitang and Papar while in Sarawak, the Kadayan community can be found in Limbang, Lawas, Miri, Sibuti and Bintulu. The Kadayan are said to be amongst the earliest inhabitants in Brunei. During the reign of Sultan Bolkiah (1485-1524), Brunei had vast colonies that spread between the Island of Borneo to the Sulu Archipelago. The greatness of the Brunei empire allowed the migration of people from Brunei to their territories. The Kadayan community have the same physical characteristics as the Brunei-Malays. They converse in the Kadayan dialect which is under the Malay language family. The traditional life of the Kadayan community is closely related

to agriculture and cultivation of rice is their main economic activity. Thus, this article will discuss their unique traditional heritage and how far they have preserved their heritage to this day.

Keywords: *history, Kadayan community, heritage*

PENGENALAN

Memandangkan masyarakat Kadayan merupakan suku kaum minoriti di Kepulauan Borneo, maka tidak ramai yang mengetahui mengenai latar belakang masyarakat Kadayan. Tambahan pula, pada hari ini sebahagian keturunan Kadayan, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan bandar lebih senang memperkenalkan diri mereka sebagai Melayu. Masyarakat Kadayan memiliki banyak keistimewaan yang dapat ditonjolkan. Namun keunikian tersebut semakin hari semakin dilupakan dan nescaya akan lenyap suatu hari nanti jika tiada sebarang usaha dilakukan untuk mempertahankannya. Maka tidak hairanlah suatu hari nanti keakraban sistem kekeluargaan masyarakat Kadayan ini akan hilang ditelah arus zaman seperti dalam peribahasa lama masyarakat Afrika: When a knowledgeable old person dies, a whole library disappears (Grenier 1998). Dalam kehidupan masyarakat peribumi, warisan tradisi masyarakatnya termasuklah susur galur sistem kekeluargaan dirakamkan dalam minda anggota masyarakatnya. Jika tidak diwarisi oleh generasi seterusnya, maka warisan yang tidak bernilai tersebut akan lenyap.

LATAR BELAKANG SEJARAH MASYARAKAT KADAYAN

Secara umumnya, masyarakat Kadayan dilihat sebagai mempunyai ciri-ciri fizikal dan kebudayaan yang amat dekat dengan masyarakat Melayu-Brunei. Kedekatan ini boleh dikaitkan dengan sejarah asal-usul masyarakat Kadayan di Sabah dan Sarawak yang dikatakan bermula di Brunei. Dari segi sejarahnya, Brunei turut dikaitkan dengan pengaruh Hindu sebelum kedatangan Islam (King 1993). Ini berikutan penemuan ukiran batu dewa Hindu Ganesa yang berbentuk kepala gajah di Limbang, daerah yang kini di bawah pentadbiran negeri Sarawak dan bersempadan dengan Brunei. Penemuan tersebut dikatakan dari era Majapahit “....A fourteenth-century dependency of Majapahit, referred to in a Javanese document as Buruneng, presumably Brunei, again indicates some Javanese influence there” (King 1993: 110). Penemuan ini juga membuktikan adanya hubungan langsung antara kerajaan Brunei dengan Jawa dan

seterusnya dapat pula dikaitkan dengan teori kedatangan orang Kadayan di Brunei dari Jawa.

Brunei merupakan sebuah empayar agung di bawah pemerintahan Sultan Bolkiah (1485-1524) yang mempunyai jajahan takluk amat luas meliputi Pulau Borneo hingga ke kepulauan Sulu (Baszlee Bee, Sabihah Osman, Nordin Sakke 2009). Ketika di bawah pemerintahan Sultan Bolkiah, Brunei dikatakan mula meluaskan empayarnya (Ranjit Singh 1991). Keluasan jajahan Brunei turut disebut di dalam Salasilah Raja-Raja Brunei iaitu digambarkan ketika pemerintahan Sultan Muhammad Hassan (1582-1598) bahawa:

Sepenggal ke hulu di sebelah barat dari Brunei menuju Sarawak hingga Tanjung Datu dan terus ke Tanjung Berpayung dan sepenggal di sebelah Sabah sebelah timur dari Brunei mengikutkan rantau menuju Sandakan sampai ke Tawau, Lahad Datu hingga Sibuku, Tanjung Kinungan serta sekelian pulau-pulau dan laut-lautnya dipunyai oleh Raja-Raja Brunei... (Dipetik dari Baszlee Bee, Sabihah Osman, Nordin Sakke 2009).

Berdasarkan gambaran tersebut, ternyata empayar jajahan Kesultanan Brunei amat luas meliputi negeri Sarawak sehingga ke pantai timur negeri Sabah. Malahan pada era kegemilangannya, dicatatkan bahawa Kesultanan Brunei memiliki jajahan yang amat luas sehingga meliputi kepulauan Indonesia dan Sulu. Kekuasaan dan pengaruh empayar Brunei digambarkan seperti berikut:

This was the Golden Age of Brunei. Her sovereignty extended over the whole island of Borneo, the Sultanates of Sambas, Pontianak, Banjarmasin, Pasir, Kotei and Bolongan being her vassal, as well as over the Sulu archipelago and over the islands of Balabec, Banggi, Balambangan and Palawan. (E.Hahn, James Brooke of Sarawak, Arthur Barker Ltd., London, 1953, pp.41-2, dipetik dari Ranjit Singh 1991)

Kegemilangan empayar ini dikaitkan dengan tiga faktor utama iaitu hubungan perdagangan dengan China, kedatangan Islam dan kejatuhan Melaka ke tangan Portugis. Kejatuhan Melaka telah memberikan laluan kepada Brunei menjadi pusat tumpuan perdagangan dan penyebaran Islam. Seperti Melaka sebelumnya, hubungan yang dijalin dengan China memberikan suatu bentuk perlindungan kepada Brunei selain dari urusan jual beli dan tukaran barang (Ranjit Singh 1991). Kekuatan dan keluasan empayar Brunei pada ketika itu memungkinkan berlakunya penghijrahan penduduk Brunei diantara wilayah-wilayah yang ditakluki. Ia turut dapat dikaitkan dengan kisah asal usul masyarakat Kadayan yang dikatakan berhijrah ke Brunei ketika era kegemilangan

kerajaan Brunei tersebut. Sejarah latar belakang masyarakat Kadayan didapati berkait rapat dengan sejarah Brunei memandangkan Brunei merupakan negara asal masyarakat Kadayan sebelum mereka berhijrah ke wilayah lain. Oleh itu, perbincangan mengenai sejarah awal masyarakat ini seringkali merujuk kepada masyarakat Kadayan yang berada di Brunei.

KISAH ASAL USUL MASYARAKAT KADAYAN

Secara tradisinya, masyarakat Kadayan membuka petempatan di kawasan pedalaman dan corak petempatan ini telah membawa kepada munculnya gelaran ‘orang darat’ yang diberikan kepada masyarakat Kadayan. Ranjit Singh (1991) turut menemukan istilah tersebut ketika menyentuh mengenai masyarakat Kadayan di Brunei berhubung dengan konflik pemilikan tanah antara rakyat dengan pemerintah “...The land reforms therefore met with much opposition, especially from the Kadayans who called themselves raja darat and boasted that no-one could touch their ancestral lands so long as they paid poll-tax” (Ranjit Singh 1991: 116). Jelas dapat dilihat gelaran “raja darat” tersebut mempunyai hubung kait yang rapat dengan gelaran “orang darat” itu sendiri dan menggambarkan penguasaan masyarakat Kadayan terhadap pemilikan tanah di kawasan pedalaman atau “darat”. Oleh itu, masyarakat Kadayan yang merupakan “orang darat” mempunyai sistem pentadbirannya sendiri dengan diketuai oleh “raja darat”. Seterusnya konflik bertambah tegang pada tahun 1909 apabila land code diperkenalkan dalam memberikan titles dan tanah tanpa pemilik dikategorikan sebagai tanah kerajaan (Leake, D 1950:40). Langkah tersebut bertentangan dengan konsep pemilikan masyarakat peribumi, khususnya masyarakat Kadayan yang mewarisi tanah mereka secara turun temurun menerusi konsep ‘siapa yang membuka kawasan tersebut’. Jalan penyelesaian berdiplomasi yang ditemukan adalah dengan pemberian hak milik ‘Kadayan Reserves’ di beberapa kawasan tertentu kepada masyarakat Kadayan (Ranjit Singh 1991). Pemberian status tersebut membuktikan penguasaan masyarakat Kadayan terhadap tanah yang mereka warisi dan miliki secara turun temurun ternyata diperakui dan dalam masa yang sama dinafikan haknya di Brunei.

Menyentuh mengenai tempat asal usul masyarakat Kadayan sebelum membuka petempatan di Brunei, terdapat beberapa percanggahan cerita berhubung cerita asal usul masyarakat ini. Misalnya Leake (1989:97) yang lebih cenderung mengatakan bahawa masyarakat Kadayan sebenarnya merupakan kaum Murut yang memang berasal dari Pulau

Borneo dan seterusnya memeluk Islam bagi membezakannya dengan bangsa Murut. Brown (1970) juga sependapat dengan Leake, turut mengatakan bahawa masyarakat Kadayan berasal dari keturunan kaum Murut. Maxwell (1980) pula dengan berdasarkan maklumat daripada kajian lapangan yang dijalankan di Brunei menegaskan bahawa masyarakat Kadayan berasal dari Pulau Borneo iaitu Kalimantan dan bukannya berhijrah dari kawasan lain.

Namun demikian, ramai pengkaji berpandangan bahawa sebelum berhijrah ke Brunei, tempat asal sebenar masyarakat Kadayan adalah Tanah Jawa. Antaranya King (1993: 110) memetik bahawa "...The Kedayans of Brunei are said, in some popular reports, to have originated from Javanese immigration (Lebar 1972)..." dan Hewitt (1984) yang menyatakan bahawa "The Kedayans originated from Java and were brought to Brunei 500 years ago to grow wet rice". Julayhi Tani (1991) turut memetik dari Gordon Well (1963) bahawa: "...The Kedayans are an agricultural people, probably of Javanese origin..." dan dari buku Perkhidmatan Penerangan Sarawak pula dipetik bahawa "...The Kedayans are an interesting people who are said to be descended from followers of a Javanese princess called Chanai Lela, who married a Sultan of Brunei". Walau bagaimanapun, tidak ditemukan bukti sejarah yang dapat mengaitkan asal masyarakat Kadayan dari Pulau Jawa (Julayhi Tani 1991). Memandangkan sejarah awal masyarakat Kadayan berkait rapat dengan sejarah negara Brunei ini maka kajian terdahulu banyak berkisar mengenai kehidupan masyarakat Kadayan di Brunei. Hubungan antara masyarakat Kadayan di Brunei dengan masyarakat Kadayan yang telah berhijrah ke wilayah lain mencerminkan hubungan mereka yang rapat kerana berasal dari satu rumpun keluarga Kadayan.

CIRI FIZIKAL

Dari segi perawakan, masyarakat Kadayan sebagaimana digambarkan P.M. Shariffuddin (1969) mempunyai bentuk badan rendah serta bersaiz sederhana dan memperlihatkan persamaan dengan kaum Melayu Brunei. Namun kebiasaan apa yang membezakan mereka adalah daripada segi warna kulit kerana dikatakan warna kulit masyarakat Kadayan 'dark and pale' berbanding Melayu Brunei yang 'brownish red or brownish yellow'. Masyarakat Kadayan seterusnya diberikan gambaran berikut:
The Kedayan's hair is usually straight, the face slightly rounded, the nose rather flat. He has a big mouth with broad, sometimes thick lips. The eyes

are small and narrow, usually dark brown in colour. The ears are big and the neck short (P.M. Shariffuddin 1969: 18).

Masyarakat Kadayan telah diberikan gambaran sebagai mempunyai rambut yang lurus, raut muka yang agak bulat, hidung yang pesek, mulut yang lebar dan ada kalanya memiliki bibir tebal. Selain itu masyarakat Kadayan digambarkan memiliki mata yang bersaiz kecil dan sepet serta lazimnya berwarna coklat gelap, telinga pula bersaiz besar serta mempunyai leher yang pendek. Demikianlah gambaran yang diberikan terhadap masyarakat ini yang tidak menunjukkan sebarang keistimewaan dari segi fizikal.

Selain itu, masyarakat Kadayan dikatakan tidak peramah ataupun reserved dan hanya akan berkomunikasi dengan orang yang mereka kenali (Amde Sidik 2007). Malahan menurut Amde Sidik lagi mereka tidak akan memandang tepat ke wajah apabila sedang berkomunikasi. Namun ini tidak bermakna masyarakat Kadayan sompong dan dipercayai ia hanyalah satu sikap berhati-hati mereka terhadap orang luar yang tidak dikenali. Sifat tidak peramah masyarakat Kadayan ini bukan bermaksud mereka sompong namun ia disebabkan sifat pemalu yang menebal dalam diri masyarakat in. Oleh kerana itu jugalah didapati masyarakat Kadayan kebiasaannya jarang untuk memandang tepat ke mata apabila sedang bercakap. Masyarakat Kadayan pada masa kini sudah semakin ramai berkahwin dengan bangsa lain menyebabkan rupa fizikal sudah tidak dapat dikenal pasti berdasarkan suku kaum. Namun sikap reserved didapati masih menebal dalam diri anggota masyarakatnya. Masyarakat Kadayan amat berhati-hati jika berkomunikasi dengan seseorang yang baru dikenali. Walau bagaimanapun, persepsi terhadap masyarakat Kadayan akan berubah jika berpeluang bergaul dengan lebih mesra bersama mereka.

DIALEK KADAYAN

Dialek Kadayan memiliki keunikannya tersendiri dan menjadi identiti utama bagi masyarakat Kadayan. Walau bagaimanapun, dialek Kadayan didapati mempunyai persamaan dengan dialek Melayu Brunei dan penutur kedua-dua dialek tersebut saling memahami antara satu sama lain (Amde Sidik 2007). Namun demikian, masih terdapat beberapa perbezaan ketara yang menjadikan dialek Kadayan unik. Walau bagaimanapun, terdapat pengkaji yang telah mengkategorikan dialek Kadayan di bawah kategori bahasa Melayu bersama-sama dengan dialek bahasa Melayu Brunei. Kajian Jaludin Chuchu (2003) mendapati bahawa di sekitar Teluk Brunei

meliputi meliputi Brunei Darussalam, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan hingga pantai utara Pulau Borneo, terdapat berpuluhan ribu orang yang menggunakan bahasa Melayu yang beliau namakan dalam kajiannya sebagai dialek Melayu Teluk Brunei. Penduduk di sekitar Teluk Brunei dihuni oleh penduduk yang menuturkan dialek Melayu yang sama dan tahap kefahaman yang sangat tinggi antara satu sama lain (Jaludin Chuchu 2003). Menurut kajian Nothofer (1991) di dalam Jaludin Chuchu (2003), dialek bahasa Melayu Brunei yang dituturkan di Brunei Darussalam merangkumi bahasa Melayu standard, bahasa Melayu Brunei, dialek Kampung Ayer dan dialek Kedayan. Misalnya di daerah Brunei Muara yang merupakan daerah terbesar di Brunei, penutur yang paling dominan ialah penutur dialek Melayu Brunei dan dialek Melayu Kedayan. Kebanyakkan penutur dialek Melayu Kedayan juga secara tradisionalnya tinggal di kawasan daratan dan ada kalanya sesebuah mukim dan kampung diduduki oleh puak Kedayan (Jaludin Chuchu 2003).

Oleh kerana terdapatnya persamaan di antara dialek Kedayan dengan bahasa Melayu Brunei, ada yang berpandangan bahawa dialek Kedayan adalah subdialek kepada dialek bahasa Melayu Brunei. Namun Asmah (1988) berpendapat bahawa dialek Kedayan merupakan dialek yang tersendiri dan bukan subdialek dari dialek Brunei. Oleh kerana dialek Kedayan turut tergolong dalam rumpun bahasa Melayu (Asmah 1988), maka didapati terdapat banyak persamaan yang boleh ditemukan dalam dialek Kedayan di dalam bahasa Melayu. Namun demikian, perbezaan yang paling ketara antara dialek Kedayan dengan bahasa Melayu adalah tiadanya penggunaan huruf ‘r’ dalam dialek Kedayan. Menurut Awang Muhammad Jambol (1995: 73) dialek Kedayan mempunyai tiga fonem vokal panjang iaitu [i:], [a:] dan [u:] dan vokal-vokal ini ditemukan dalam perkataan-perkataan yang mengalami pengguguran /r/ yang menghasilkan ciri-ciri perpanjangan.

Jadual Contoh Dialek Kedayan dan Melayu (ada persamaan)

Dialek Kedayan	Bahasa Melayu
ba:a	bara
bu:ung	burung
u:ut	urut
a:ang	arang
si:ih	sirih
umah	rumah

Contoh daripada perkataan dalam dialek Kadayan di atas jelas memperlihatkan persamaan dengan bahasa Melayu namun telah digugurkan huruf ‘r’ dan dipanjangkan sebutan pada perkataan tertentu. Selain itu, terdapat juga perkataan dalam dialek Kadayan yang tidak ada persamaan langsung dengan bahasa Melayu seperti contoh jadual di bawah:

Jadual Contoh dialek Kadayan dan Melayu (tiada persamaan)

Dialek Kadayan	Bahasa Melayu
ambuk	monyet
bahata	bekal
sigup	rokok
jalama	orang
sambat	pagi
mahat	menoreh

Menurut P.M. Shariffudin (1969), tiada penemuan bahan bertulis mengenai masyarakat Kadayan dalam bahasa Kadayan kerana didapati tidak ada hasil penulisan yang diterbitkan dalam dialek Kadayan sepenuhnya. Hikayat Awang Kamaruddin misalnya merupakan sebuah sastera hikayat masyarakat Kadayan yang telah dibukukan, namun sebahagian besar perkataan asal dalam dialek Kadayan telah dipindah ke ejaan Melayu baku. Kajian Low Kok On (2009) tentang tradisi lisan keramat dilihat sebagai satu usaha menghimpun tradisi lisan masyarakat Kadayan di Labuan dengan memaparkan teks dalam dialek Kadayan. Meskipun bahan bertulis dalam dialek Kadayan amat terhad, namun dialek ini didapati masih dituturkan oleh sebahagian besar anggota masyarakatnya. Dialek Kadayan merupakan salah satu ciri unik warisan masyarakat Kadayan yang masih mampu bertahan sehingga ke hari ini.

AKTIVITI SOSIOEKONOMI

Menurut Maxwell (1980), keseluruhan bukti berbentuk etnografi, sejarah dan etno-sejarah menunjukkan bahawa masyarakat Kadayan secara tradisinya adalah petani yang mengusahakan penanaman padi dan juga hasil pertanian lain. Padi tugal dan padi paya merupakan dua jenis penanaman padi yang diperlakukan masyarakat Kadayan. Malahan masyarakat Kadayan sendiri mengakui bahawa mereka merupakan penanam padi utama di Brunei dan menjadi pembekal beras kepada penduduk di negara tersebut. Selain itu, memancing juga merupakan aktiviti yang dijalankan masyarakat Kadayan yang telah secara

tradisionalnya membekalkan sumber protein sehari-hari (Maxwell 1980). Penanaman pokok buah-buahan juga merupakan salah satu aktiviti ekonomi masyarakat Kadayan dan Maxwell merekodkan sebanyak 18 jenis buah-buahan tempatan yang terdapat di Kampung Pyasawpyasaw (Piasau-Piasau). Hasil buah-buahan ada kalanya diborong oleh peniaga Melayu Brunei yang datang dari kawasan lain dan akan menjual semula buah-buahan tersebut tersebut di bandar. Namun menjual kepada orang tengah bukanlah satu idea yang disukai oleh masyarakat Kadayan kerana orang tengah dilihat sebagai golongan yang meraih keuntungan yang banyak hasil usaha para petani. Bagi mengelakkan perkara tersebut berlaku, masyarakat Kadayan akan menjual sendiri hasil dusun mereka di tamu atau di Bandar Seri Begawan yang menjadi tumpuan peniaga buah-buahan tempatan bukan sahaja dari Brunei malahan juga Trusan dan Lawas di Sarawak serta Sipitang di Sabah. Selain itu, menurut Maxwell (1980), pokok buah-buahan juga merupakan suatu tanda simbolik dalam kalangan masyarakat Kadayan kerana mereka percaya bahawa kewujudannya turut menandakan adanya petempatan manusia yang terletak berhampiran sama ada pada masa kini ataupun masa lampau.

Terdapat banyak kajian yang mengaitkan masyarakat Kadayan dengan aktiviti pertanian. Antaranya adalah kajian Hewitt (1972) mengenai sistem pertanian di daerah Temburong, Brunei yang mendapati masyarakat Kadayan sebagai penduduk paling ramai mendiami di daerah tersebut iaitu seramai 1,745 orang. Masyarakat Kadayan di daerah Temburong yang diakui sebagai penanam padi yang terbaik di Brunei didapati mengekalkan kaedah penanaman padi secara setempat (permanent), berbeza dengan kaum lain di daerah itu seperti kaum Iban yang mengamalkan corak pertanian pindah. Sather dan Hatta Solhee (1974) telah menyentuh secara terperinci corak sosial dan ekonomi masyarakat Kadayan di Kampong Selanyau yang menjadikan penanaman padi sebagai aktiviti utamanya. Kawasan petempatan masyarakat ini biasanya jauh dari pantai mahupun sungai-sungai besar manakala kawasan yang subur bagi tujuan penanaman padi seperti berhampiran dengan anak sungai. Sather (1981) turut menyentuh secara mendalam tentang aspek sosial dan ekonomi masyarakat Kadayan dalam kajian yang telah beliau laksanakan di Kampong Selanyau pada tahun 1972 itu.

Julayhi Tani (1991) pula membincangkan keseluruhan aspek sosio dan ekonomi masyarakat Kadayan dalam kajian kes yang telah beliau dijalankan di Kampung Satap dalam daerah Sibuti di Sarawak. Beliau turut menyentuh mengenai sejarah latar belakang masyarakat Kadayan secara umum dan masyarakat Kadayan di Kampung Satap itu sendiri.

Aspek sosial memperlihatkan sistem kekeluargaan yang erat dalam kalangan masyarakat Kadayan di samping memamerkan keunikan adat istiadat perkahwinan tradisi masyarakat ini. Dalam aspek ekonomi pula disentuh mengenai aktiviti ekonomi yang menjadi nadi masyarakat ini iaitu penanaman padi di samping aktiviti pertanian lain yang turut membuktikan kepandaian masyarakat Kadayan bercucuk tanam. Namun beliau turut mengakui perubahan yang berlaku tidak dapat dielakkan dan turut mengubah sama bentuk sosioekonomi masyarakat Kadayan di kampung tersebut. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama masyarakat ini masih cuba untuk mengekalkan unsur-unsur tradisi yang membawa kebaikan dalam kehidupan masyarakat Kadayan.

Wanita didapati turut memainkan peranan penting dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Kadayan. Kajian Julayhi Tani (1991) mendapati pembahagian tugas mengikut jantina adalah tidak jelas dalam kalangan masyarakat Kadayan. Dalam aktiviti penanaman padi contohnya, wanita bersama-sama berganding bahu dengan kaum lelaki terutamanya melaksanakan tugas-tugas yang kurang berat seperti menebas, membakar, menyemai, merumput dan menuai manakala kaum lelaki khususnya akan melakukan tugas berat iaitu menebang bagi membuka kawasan (Maxwell 1980). Pemerhatian Maxwell (1980) juga mendapati kaum wanita turut berperanan mengumpul hasil-hasil hutan untuk dijadikan sumber makanan seperti rebung, kulat (cendawan) dan buah-buahan serta memancing yang biasanya dilakukan di anak-anak sungai.

Anak-anak pula biasanya sudah diajar melakukan pekerjaan pada usia yang awal lagi dan akan turut serta dalam aktiviti orang dewasa seperti memancing ikan atau mencari hasil hutan sebagai suatu proses pembelajaran peranan sosial yang bakal dipikul apabila dewasa kelak. Ketika padi di sawah sedang menguning pula, kanak-kanak biasanya ditugaskan menghalau burung dengan menggunakan telinting (tali yang diikat merentasi kawasan sawah padi dan digantungkan tin yang akan mengeluarkan bunyi bising apabila ditarik) serta akan turut membantu ketika musim menuai. Anak perempuan berusia sekitar 5 hingga 10 tahun pada kebiasaannya sudah diberikan tanggungjawab menjaga adik-adik yang lebih kecil ketika ibu bapa keluar bekerja (Maxwell 1980). Corak kehidupan masyarakat Kadayan yang rapat dengan alam sekeliling mereka masih dapat dilihat sehingga ke hari ini. Aktiviti ekonomi yang berkait rapat dengan pertanian khususnya mengusahakan dusun buah-buahan masih lagi diteruskan oleh generasi muda. Kaum wanita Kadayan juga didapati masih lagi memainkan peranan penting dalam aktiviti sosioekonomi.

KEUNIKAN WARISAN MASYARAKAT KADAYAN

Dalam masyarakat Kadayan tradisional, pakaian diperbuat daripada sejenis kain yang dinamakan “kayn siabun” berwarna putih, kelabu atau hitam. Namun cara berpakaian masyarakat ini kemudiannya telah banyak terpengaruh dengan cara berpakaian dari Barat, terutamanya dalam kalangan kaum lelaki dan kanak-kanak manakala kaum wanita kebiasaannya memakai baju kebaya ataupun baju kurung (Maxwell 1980). Maxwell (1980) juga menyatakan dalam majlis-majlis istimewa, kaum wanita Kadayan biasanya akan memakai kerongsang yang unik bentuknya. Kerongsang tersebut merupakan sekeping atau beberapa keping syiling emas yang dipateri, dan dilekatkan dengan pin di bahagian belakangnya. Selain itu, butang yang dinamakan “kubamban” juga merupakan suatu keunikan bagi perhiasan kaum wanita Kadayan. Maxwell (1980: 147) menggambarkan:

...are hollow buttons made of highly embossed and punch-decorated thin silver, about two to three centimeters in diameter. They are usually constructed in three pieces: a curved loop, which is soldered to the slightly upwardly curving back, which in turn is soldered to a protruding top. They sometimes contain a few small hard objects, causing the kubamban to act as small rattles when shaken.

Bantong Antaran (1995) dalam kajiannya mendapati pakaian tradisional bagi kaum wanita Kadayan adalah baju kurung dari kain kapas berwarna hitam yang dikenali sebagai baju bekubamban butang enak. Baju kurung tersebut biasanya dilengkapi dengan kerosang manakala pada hujung lengan baju akan dipasang giring-giring iaitu sejenis loceng yang diperbuat daripada tembaga ataupun perak yang akan mengeluarkan bunyi setiap kali pergerakan tangan dilakukan (P.M. Shariffuddin 1969). Kaum lelaki pula sering memakai sepasang baju Melayu tanpa kolar, seluar yang agak ketat separas betis dan dilengkapi dengan dastar (Bantong Antaran 1995). Menjadi kebiasaan bagi masyarakat Kadayan untuk membawa parang yang akan diikat dipinggang bagi kaum lelaki manakala kaum wanita akan menyandangnya di bahu (P.M. Shariffuddin 1969). Namun Bantong Antaran (1995) berpendapat pakaian tradisional masyarakat Kadayan ini sukar untuk dikomersilkan serta turut mengakui kesukaran untuk melihat pakaian tradisi masyarakat Kadayan pada hari ini. Ini kerana reka bentuknya yang tradisi dan bahannya yang berkualiti rendah. Walau bagaimanapun, pakaian tradisional masyarakat Kadayan didapati masih

lagi dipakai pada hari ini namun terhad pada hari keramaian tertentu sahaja seperti ketika sambutan Tamu Besar GATA di daerah Sipitang, Sabah. Meskipun didapati terdapat sedikit pengubahsuaiannya khususnya dari segi jenis kain yang digunakan, namun rupa asal pakaian tradisional tersebut tidak berubah iaitu masih mengekalkan penggunaan kain berwarna hitam.

Masyarakat Kadayan terkenal sebagai pemain dan pembuat gasing yang handal (Amde Sidik, 2007). Dalam kalangan masyarakat Kadayan, permainan gasing bukanlah sejenis permainan untuk kanak-kanak (Leake 1989: 100). Permainan ini merupakan sejenis permainan tradisional yang dipercayai berasal dari Semenanjung Malaysia dan pertandingan gasing turut dicatatkan dalam Syair Awang Semaun "...between two mythic characters (one of whom wielded a top as big as a mountain) who lived at the time of Brunei's first Muslim Sultan" (Leake 1989: 100). Menurut Pg Ismail (1982), permainan gasing amat digemari oleh masyarakat Kadayan. Bentuk gasing masyarakat Kadayan agak berbeza sedikit bentuknya dengan gasing yang biasa dilihat dan dikatakan berupa seperti 'piring terbang' (Amde Sidik, 2007). Permainan gasing ini secara tradisinya dilakukan selepas selesai aktiviti menuai padi bagi tujuan hiburan dan menghilangkan rasa penat lelah (Pg Ismail 1982). Selain itu, permainan ini turut berfungsi sebagai merapatkan lagi hubungan sosial dalam kalangan seluruh anggota masyarakat Kadayan. Namun demikian, lama kelamaan permainan gasing dijadikan suatu bentuk pertandingan. Pertandingan gasing juga merupakan aktiviti sampingan yang ditunggu seluruh anggota masyarakat Kadayan ketika acara makan tahun diadakan. Ini kerana ketika itu, mereka yang handal bermain gasing akan berkumpul dan saling menunjukkan kehebatan kepada pihak lawan. Menurut kepercayaan masyarakat Kadayan, pertandingan gasing ada hubung kaitnya dengan kuasa spiritual dan kejayaan mengadakan pertandingan ini dianggap sebagai usaha supaya hasil tanaman yang menjadi pada musim akan datang (Leake 1989: 100). Terdapat beberapa cara pertandingan ini dilakukan, namun yang paling popular adalah dengan pertandingan memangkah gasing pihak lawan. Selain itu terdapat juga pertandingan gasing paling lama berputar yang kebiasaannya boleh mengambil masa sehingga 40 minit. Gasing tersebut biasanya berukuran diameter 30 inci dan seberat kira-kira 8 paun. Namun pada hari ini, gasing kerap kali dilihat dalam saiz yang lebih kecil iaitu berdiameter antara enam hingga lapan inci dan bertahan berputar sekitar 15 hingga 20 minit sahaja. Perubahan ini juga menandakan hilangnya signifikan antara pembuatan dan fungsi gasing dengan sistem kepercayaan masyarakat Kadayan (Leake 1989) memandangkan pembuatan gasing secara tradisinya dikaitkan dengan

acara makan tahun dan terdapat pelbagai pantang larang yang perlu dipatuhi. Permainan gasing pada masa kini seringkali dapat disaksikan ketika penganjuran pertandingan gasing ketika musim perayaan tertentu seperti Tamu GATA di daerah Sipitang. Sebahagian anggota masyarakat Kadayan didapati masih menguasai kemahiran bermain gasing ini dan mereka masih dikenali sebagai pemain gasing yang handal.

Makan tahun merupakan acara tahunan dalam kalangan masyarakat Kadayan yang mempunyai perkaitan yang rapat dengan aktiviti musim penanaman padi (P.M. Shariffudin 1970). Dipercayai bahawa aktiviti ini sudah menjadi amalan sejak sebelum kedatangan Islam lagi dan pada peringkat awalnya acara ini turut diiringi dengan persesembahan makanan kepada dewa-dewa sebagai ucapan terima kasih di atas hasil yang telah diperolehi dan agar mendapat restu untuk musim yang akan datang (Leake 1989: 99). Selain itu makan tahun juga dikatakan merupakan suatu upacara sebagai memperingati ahli keluarga yang sudah meninggal dunia yang dipercayai rohnya turut hadir dalam upacara tersebut dan sama-sama meraikannya (Leake 1989) sebagaimana dinyatakan oleh P.M. Shariffudin (1970: 62) :

Expression of gratitude by the display aspects of the feast contribute to the characteristics of Makan Tahun. Thus, everyone thanks God and all the spirit world for rendering them a good harvest. On the other hand, the feast such as these in effect seeks good conditions for the crops in the future, all the more so if production has not been satisfactory previously. All such feast, as acts, express the joy of community, the sense of greater value of food.

Aktiviti tersebut juga dipercayai mempunyai kaitan dengan amalan mengadakan makan arwah yang masih menjadi amalan masyarakat Kadayan sehingga ke hari ini namun diadakan secara kecil-kecilan berbanding makan tahun (Leake 1989). Namun kenyataan tersebut dinafikan oleh masyarakat Kadayan terkemudian kerana selain bertentangan dengan ajaran Islam yang menjadi pegangan, ia dianggap hanya merupakan sebahagian daripada adat resam yang diwarisi daripada nenek moyang (P.M. Shariffudin 1970). Berbeza dengan makan arwah yang lebih terhad bilangan tetamunya, makan tahun kebiasaannya menerima penyertaan seluruh anggota masyarakat tanpa had. Seluruh anggota masyarakat dalam sesebuah kampung dan kampung yang berhampiran akan turut serta dalam aktiviti ini menggambarkan betapa meriahnya aktiviti makan tahun. Makan tahun merupakan acara tahunan yang unik dan dilihat mampu mengeratkan hubungan anggota masyarakat Kadayan namun didapati sudah tidak lagi diteruskan pada masa kini. Ini

memandangkan aktiviti penanaman padi yang berkait rapat dengan acara makan tahun sudah semakin ditinggalkan. Namun demikian, masyarakat Kadayan pada masa kini masih meneruskan tradisi makan arwah atau kenduri arwah yang turut dilaksanakan secara bergotong royong. Kenduri sedemikian juga adalah lebih bersesuaian dengan ajaran Islam berbanding makan tahun.

KESIMPULAN

Masyarakat Kadayan seperti juga mana-mana masyarakat peribumi akan berdepan dengan pelbagai cabaran pembangunan yang akan turut membawa cabaran ke atas adat warisan yang mereka amalkan. Shanthi Thambiah (1995) dalam kajian menyebut mengenai culture dynamism; “Culture is constantly changing and developing ; in this study it has been also described as ‘emerging’. Individuals within the culture select, reject and accept cultural influences besides constructing and maintaining their culture...”. Perubahan yang berlaku merupakan suatu perkara yang tidak mampu untuk dielakkan melainkan perlu seiringan dengan pembangunan agar tidak ketinggalan. Masyarakat Kadayan juga turut mengalami proses culture dynamism tersebut dengan meninggalkan warisan tradisi yang dirasakan sudah tidak relevan contohnya seperti aktiviti makan tahun. Namun demikian, didapati masyarakat Kadayan masih kekal dengan kebolehan dalam aktiviti pertanian sehingga ke hari ini meskipun bilangannya sudah semakin berkurangan. Dari segi dialek pertuturan, didapati dialek Kadayan masih kekal dituturkan dalam kalangan anggota masyarakat ini tanpa mengira pangkat dan usia.

RUJUKAN

- Amde Sidik. 2007. *The Mystic of Borneo*. Kota Kinabalu: Borneo Publisher.
- Asmah Hj.Omar. 1988. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Muhammad Jambol. 1995. *Fonologi Bahasa Kedayan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bantong Antaran. 1995. Brunei Dress: Tradition and Adaptation. *The Brunei Museum Journal*, Volume 10: 1-13.

- Baszley Bee, Sabihah Osman, Nordin Sakke. 2009. Asas Kajian Persempadanan Negeri Sabah. Kota Kinabalu, Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Binchin, P. 1992. Masalah Pengkajian Etnik di Borneo dan Pengajarannya bagi Negara Brunei Darussalam. *The Brunei Museum Journal* Vol. 7, No. 4: 49-55.
- Brown, D.E. 1970. Brunei : the structure and history of a Bornean Malay Sultanate. Brunei: Brunei Museum.
- Grenier, L. 1998. Working With Indigenous Knowledge : A Guide For Researchers. Canada: International Development Research Centre.
- Jaludin Chuchu. 2003. Dialek Melayu Brunei Dalam Salasilah Bahasa Melayu Purba. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Julayhi Tani. 1991. Sosioekonomi Komuniti Kadayan: Satu Kajian Kes. Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- King, V.T. 1993. The Peoples of Borneo. Cambridge, Mass: Blackwell Publishers.
- Leake, D. 1989. Brunei: The Modern Southeast-Asian Islamic Sultanate. North Carolina: McFarland & Co.
- Low Kok On. 2009. Tradisi Lisan Keramat Tuanku Syarif Kedah di Pulau Labuan. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Malinowski, B. 1927. Sex and Repression in a Savage Society. London: Routledge & Kegan Paul.
- Maxwell, Allen Richmond, JR. 1980. Urang Darat: an ethnographic study of the Kadayan of Labu Valley, Brunei. Disertasi Ph.D.Yale University, United States – Connecticut. Retrieved December 28, 2009, from Dissertations & Theses: Full Text. (Publication No. AAT 8109805).
- P.M. Shariffuddin. 1969. The Kedayans. *The Brunei Museum Journal* Vol.1, No.1: 15-23.
- P.M. Shariffuddin. 1970. ‘Makan Tahun’, The Annual Feast of the Kedayans. *The Brunei Museum Journal* Vol. 2, No, 1: 61-66.
- Pg Ismail Pg Ibrahim. 1982. Permainan Gasing (Top Playing). *The Brunei Museum Journal* Vol.5, No.2: 105-118.
- Ranjit Singh, D.S. 1991. Brunei 1839 – 1983, The Problems of Political Survival. Singapore: Oxford University Press.
- Sather, C.A & Hatta Solhee. 1974. Kampung Selanyau Social and Economic Organization of a Kedayan Rice-growing Village in Sarawak. *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XXII, No.43: 249-266.

Shanti Thambiah. 1995. Culture as adaptation: change among the Bhuket of Sarawak, Malaysia. Tesis Ph.D. Hull University.

* Normala Othman
Universiti Putra Malaysia
Mel-e: normala_o@upm.edu.my

Arab Hadhrami dan Arab Peranakan di Malaysia

Hadhrami Arabs and Arab Peranakan in Malaysia

LATIFAH ABDUL LATIFF*
SITI NOR BAYA YACOB
ANITA ISMAIL
ADIBAH SULAIMAN
MASHITAH SULAIMAN
AZMIR MOHD NIZAH

ABSTRAK

Kepelbagaiannya etnik adalah sesuatu yang unik. Malah ia merupakan satu fitrah alam yang mewarnai kehidupan manusia. Dalam Islam tiada satu istilah atau konsep yang mengatakan bahawa sesuatu etnik itu lebih baik daripada etnik yang lain kerana manusia adalah sama sahaja. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kelangsungan sesuatu etnik dalam masyarakat di mana setiap etnik mempunyai peranan dan penglibatan mereka yang tersendiri. Makalah ini membincangkan secara ringkas sejarah penghijrahan orang Arab Hadhrami ke Malaysia dan penglibatan mereka dalam masyarakat Melayu yang berbeza dari segi etnik, bahasa dan budaya serta penerimaan masyarakat Melayu terhadap orang Arab secara amnya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara analisis kandungan sumber primer seperti bahan arkib, dokumen dan rekod rasmi. Selain itu, sumber sekunder seperti artikel ilmiah, buku dan majalah turut dirujuk. Temu bual juga dijalankan. Namun, makalah ini tidak berniat untuk mengkaji semula semua kajian yang telah dijalankan setakat ini. Sebaliknya ia bertujuan untuk meneliti bagaimana masyarakat Arab khususnya keturunan Sayyid menyesuaikan diri dalam masyarakat multi etnik di Malaysia serta penglibatan mereka dalam masyarakat. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa orang Arab Hadhrami khususnya keturunan sayyid berjaya menyesuaikan diri dengan budaya dan cara hidup masyarakat Melayu melalui perkahwinan campur. Bahkan mereka juga telah menjadi sebahagian daripada masyarakat Melayu dan dianggap sebagai Melayu. Walau bagaimanapun, ada dalam kalangan mereka yang masih mengekalkan tradisi dan cara eksklusif hidup orang Arab.

Kata kunci: *Arab Hadhrami, Arab peranakan, etnik, Malaysia*

ABSTRACT

Ethnic diversity is something unique. In fact, it is a natural tendency that colours the lives of human nature. In Islam, there is no one term or concept that says that an ethnic group is better than other ethnic groups. There are many factors that affect the survival of an ethnic society in which every ethnic group has their own role in the society. This paper discusses briefly the history of the Hadhrami Arab migration to Malaysia and their involvement in the Malay community that differs from ethnicity, language and culture as well as the acceptance of the Arabs in the Malay community. This study used a qualitative method of content analysis of primary sources such as archives, documents, and official records. In addition, secondary sources such as scholarly articles, books, and magazines were also referred to. Interviews were also conducted. It is important to note that this paper does not intend to examine all studies that have been conducted so far. Instead, it aims to review how the Arab community in particular the Sayyid descents adapt to a multi-ethnic community in Malaysia as well as their involvement in the society. Research findings showed that the Hadhrami Arabs of Sayyid descents managed to adapt to the Malay culture and way of life through mixed marriage with local women. They have also become part of the community and considered as Malays. However, some of them still maintain the tradition and exclusive way of life of the Arabs.

Keywords: *Hadhrami Arab, Arab peranakan, ethnic, Malaysia.*

PENGENALAN

Kepelbagaian etnik atau bangsa adalah sesuatu yang unik dalam sebuah masyarakat yang berbilang kaum. Kepelbagaian ini adalah lumrah alam dan ia turut mewarnai kehidupan sehari-hari sebuah masyarakat. Setiap etnik atau bangsa yang wujud mempunyai peranan mereka yang tersendiri dalam masyarakat. Orang Arab Hadhrami merupakan salah satu etnik minoriti yang terdapat di Malaysia. Walaupun mereka adalah bangsa Arab yang berhijrah ke Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu, namun pada hari ini mereka telah menjadi sebahagian daripada masyarakat Melayu dan rakyat Malaysia. Pada peringkat awal kedatangan orang Arab ke Tanah Melayu, orang Melayu memandang tinggi terhadap golongan ulama Arab. Orang Melayu menghormati semua orang Arab tanpa mengira asal usul mereka sebagai pendakwah menyebarluaskan syiar Islam. Orang Arab keturunan sayyid secara khususnya dianggap sebagai keturunan Nabi Muhammad SAW dan mereka dipercayai memiliki ilmu pengetahuan yang mendalam tentang agama Islam serta terkenal dengan kewarakan mereka.

Mereka menjadi rujukan orang Melayu dalam hal berkaitan dengan agama Islam. Dengan ilmu dan pengetahuan agama yang dimiliki ramai dalam kalangan mereka mendapat kepercayaan masyarakat Melayu dan dilantik memegang jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran agama Islam di negeri-negeri Melayu seperti syaikh al-Islam,¹ mufti, qadi serta guru-guru agama atau ustaz. Pelantikan para sarjana dan ilmuwan Islam dalam pentadbiran agama di negeri-negeri Melayu di Tanah Melayu pada abad ke-19 memberi impak besar terhadap perkembangan agama Islam di Tanah Melayu dalam mengukuhkan kedudukan Islam sebagai agama rasmi Malaysia pada hari ini (Latifah, 2016).


Orang Arab Hadhrami merujuk kepada orang Arab yang berasal dari Hadhramaut, Yaman. Orang Arab yang berhijrah ke Tanah Melayu dari Hadhramaut, Yaman khususnya keturunan Sayyid diterima baik oleh masyarakat Melayu. Orang Arab keturunan Sayyid mendakwa berasal daripada berasal daripada ahlul bait iaitu keturunan Nabi Muhammad SAW. Salasilah keturunan orang Arab Hadhrami khususnya Sayyid yang bersambung kepada Hussain iaitu cucu Nabi Muhammad SAW menguatkan lagi faktor ini. Di Hadhramaut, Yaman, orang Arab Hadhrami keturunan Sayyid merupakan golongan agama atau 'ulama' yang dihormati oleh masyarakat Arab. Kehadiran orang Arab Hadhrami menyampaikan dakwah Islam di Tanah Melayu sememangnya dinanti-nantikan oleh orang Melayu yang masih mencari-cari model untuk diikuti. Orang Melayu menghormati orang Arab sebagaimana mereka menghormati golongan bangsawan dan raja-raja Melayu. Pengiktirafan ini secara tidak langsung memberi impak positif dalam hubungan orang Arab Hadhrami dengan golongan bangsawan dan pemerintah yang turut mempengaruhi penglibatan mereka dalam pelbagai aktiviti sosial termasuklah aktiviti dakwah, pendidikan agama dan politik tempatan. Hubungan mereka dengan orang Melayu dieratkan lagi dengan ikatan perkahwinan di mana ada antara mereka yang berkahwin dengan kerabat diraja dan golongan bangsawan Melayu. Melalui ikatan perkahwinan, mereka menjadi sebahagian daripada keluarga diraja dan ada yang mewarisi tumpuk

¹ Syaikh al-Islam adalah satu gelaran yang diwujudkan bagi merujuk kepada ketua agama sesebuah negara atau tempat. Gelaran ini digunakan semasa era Buyid. Semasa pemerintahan Khalifah Ottomaniyah syaikh al-Islam mempunyai peranan yang penting dalam masyarakat. Khalifah bertanggungjawab memilih individu yang layak bagi jawatan ini. Jawatan syaikh al-Islam turut dihapuskan apabila sistem khalifah dihapuskan pada tahun 1912 (Gibb, 2008, Cyril, 1989).

pemerintahan seperti di Perlis, Terengganu dan Johor Lama (Latifah, 2014).

Di Hadhramaut, golongan Sayyid (Sadah) memegang jawatan penting agama dan mereka merupakan ulama yang mempunyai pengaruh besar dalam masyarakat dalam memelihara undang-undang shariah dan ajaran Islam. Tarim merupakan salah sebuah pusat pengajian agama Islam yang terpenting di Hadhramaut. Ramai dalam ulama terkenal Arab Hadhrami merupakan lulusan Tarim. Kebanyakan orang Arab Hadhrami keturunan Sadah yang menetap di Hadhramaut, Yaman mendakwa berasal daripada keturunan Nabi Muhammad SAW (Ingrams, 1936: 36-38).

Salasilah Arab Hadhrami keturunan Sayyid Alawi @ Alawiyyah melalui Hussain bin Ali R.A. iaitu cucu Nabi Muhammad SAW. (Winstedt, 1918, Mahayudin, 1980)



Dalam masyarakat Melayu, terdapat gelaran tertentu yang digunakan untuk menyapa orang kehormat dalam masyarakat. Orang Arab keturunan Sayyid khususnya dalam kalangan tokoh ulama dipanggil dengan gelaran khas. Sebagai contoh di Kuala Tekal, Pahang orang Melayu memanggil mereka dengan gelaran 'engku'. Manakala di Pekan dan daerah-daerah lain mereka dipanggil 'habib', 'tuan' atau 'tuan sayyid'. Keturunan Sultan dan Bendahara Pahang juga berasal daripada keturunan Tun Habib Abdul Majid, Bendahara Seri Maharaja Johor yang berasal dari Hadhramaut, Yaman yang merupakan keturunan *ahlu al-bait* serta mempunyai pertalian darah dan dikaitkan dengan keturunan Nabi Muhammad SAW (Linehan, 1936:55, Tun Suzana, 2009). Mereka dipanggil dengan gelaran Wan atau Tun pada pangkal nama seperti Tun Ali atau Wan Ali dan Wan Mutahir (Tun Suzana, 2009: 201,219). Gelaran Wan juga digunakan merujuk kepada keturunan *ahlul bait* di Aceh dan Jakarta (Tun Suzana, 2009:201,219). Di Terengganu, mereka dipanggil *Tukku* atau *Tokku*. Namun, apabila berada dalam kalangan mereka, mereka akan menggunakan perkataan *ana* dan *anta* yang bermaksud saya dan awak (kamu). Selain gelaran Sayyid mereka juga dipanggil dengan gelaran *Sharif* dan *habib* (Mahayudin, 1984: 88).

SEJARAH KEDATANGAN ORANG ARAB HADHRAMI DI MALAYSIA

Orang Arab Hadhrami merupakan antara bangsa Arab yang berhijrah ke Asia Tenggara. Kedatangan orang Arab Hadhrami ke Asia Tenggara khasnya Alam Melayu berkait rapat dengan faktor perdagangan dan penyebaran agama Islam di rantau ini (Fatimi, 1963). Hubungan perdagangan ini telah lama bermula sejak sebelum kedatangan Islam. Orang Arab menguasai perdagangan dan pelabuhan Aden dan Sacutra atau Socotra. Bangsa Arab khususnya Arab Hadhrami di bahagian selatan Semenanjung Arab terlibat dalam aktiviti perniagaan di mana mereka berdagang sehingga ke Semenanjung India bertukar-tukar barang dagangan. Ada antara mereka mengembara jauh ke timur menyeberangi Laut Andaman dan menyusuri Selat Melaka menuju ke kepulauan rempah. Ada dalam kalangan mereka yang meneruskan perjalanan belayar terus ke timur menuju ke negara China (Seljuq, 1989).

Selepas kedatangan Islam hubungan perdagangan maritim ini masih lagi diteruskan. Orang Arab tidak hanya datang berdagang malah mereka datang sebagai da'ie menyebarkan dakwah Islam. Melalui

perdagangan orang Arab membina jaringan perniagaan dan hubungan sosial dengan masyarakat tempatan di Kepulauan Melayu. Penempatan orang Arab Hadhrami berserakan di bandar-bandar utama di Kepulauan Melayu seperti di Indonesia, Filipina, Borneo, Sulu, dan Tanah Melayu (Morley, 1949:143).

Perjalanan pergi dan balik dalam menjalankan perdagangan maritim antara timur dan barat merentasi Kepulauan Melayu menjadikan para pedagang Arab sudah biasa dengan selok belok Kepulauan Melayu serta peka dengan perkembangan yang berlaku di rantau ini. Pada peringkat awal orang Arab tertumpu di pelabuhan perdagangan seperti di Aceh dan Melaka. Mereka menguasai perdagangan antara negara Arab di Timur Tengah dan kepulauan rempah di Timur. Namun, pada abad ke-16, penguasaan orang Arab ke atas perdagangan di Timur mulai merosot apabila kuasa-kuasa Eropah seperti Portugis dan Belanda mendominasi perdagangan maritim di rantau ini. Keadaan ini secara tidak langsung menjelaskan hubungan antara orang Arab dengan Kepulauan Melayu, khasnya Tanah Melayu (Mahayuddin, 1984)

Apabila Francis Light mengambil alih Pulau Pinang pada tahun 1786, dan mengisytiharkannya sebagai tanah jajahan British, secara tidak langsung ia telah menarik minat pedagang asing untuk datang berdagang di pulau tersebut termasuklah pedagang Arab yang kebanyakannya datang dari Indonesia seperti Aceh. Pembukaan Singapura oleh British sebagai sebuah pelabuhan bebas pada tahun 1819 telah menarik minat ramai pedagang asing termasuklah orang Arab Hadhrami. (Winstedt, 1962, Roff, 1967, Omar 1978) Mohammed bin Harun AlJunied dan anak saudara beliau Sayid Omar bin Ali Al-Junied merupakan antara pedagang Arab yang datang ke Singapura dari Palembang, Sumatra. Pembukaan Singapura menjadi penghubung kepada hubungan Arab-Melayu (Ameen,1997). Sejak itu hubungan perdagangan maritim antara orang Arab dan Tanah Melayu kembali terjalin.

Diaspora Arab khasnya Arab Hadhrami berserakan di beberapa buah negara seperti di Afrika Timur, India dan Kepulauan Melayu di Asia Tenggara. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada penghijrahan mereka ke luar negara khususnya Kepulauan Melayu seperti keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan dan suasana politik yang tidak stabil di Hadhramaut. Konflik dalaman dan pemberontakan menentang tentera Turki telah memburukkan lagi keadaan. Hadhramaut juga seringkali dilanda kemarau yang teruk ditambah dengan perperangan antara puak yang telah lama berlarutan menyebabkan keadaan di negara tersebut amat berisiko. Keadaan politik yang tidak stabil memberi kesan

terhadap ekonomi Hadhramaut di mana rakyat tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap untuk menyara kehidupan. Hal ini menyebabkan ramai orang Arab bertekad untuk berhijrah keluar dari tanah air mereka (Ingrams, 1936:29-36).

Ramai dalam kalangan orang Arab Hadhrami yang berjaya membina kehidupan baru di Kepulauan Melayu seperti di Malaysia, Singapura dan Indonesia. Mereka tidak membawa harta benda serta tidak mempunyai apa-apa pada peringkat awal kedatangan mereka ke Tanah Melayu. Namun, ramai dalam kalangan mereka akhirnya telah berjaya dan mempunyai kehidupan baru. Ada yang menjadi usahawan dan ahli perniagaan yang berjaya. Ada dalam kalangan mereka yang mengahwini wanita tempatan. Sungguh pun begitu mereka masih lagi berhubung dengan keluarga di Yaman. Mereka mengirim wang kepada ahli keluarga dan saudara mara di Hadhramaut, Yaman bagi menampung keperluan mereka di sana. Keadaan ini berterusan sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua. (Ingrams, 1936: 29-36).

Menurut Serjeant (1981), sekitar abad ke-12 hingga abad ke-15 Masihi, terdapat koloni-koloni orang Arab yang tinggal di beberapa bandar pelabuhan di India seperti Gujarat, Malabar, Bijapur dan Surat. Mahayudin dan Omar berpendapat bahawa kedatangan orang Arab keturunan Sayyid Alawi ke Asia Tenggara berlaku dalam beberapa peringkat; yang pertama berlaku sekitar abad ke-16, diikuti fasa kedua dan ketiga pada abad ke-17 atau abad ke-18 Masihi seterusnya pada abad ke-19 dan ke-20 Masihi. Penghijrahan ini berlaku secara langsung dan juga tidak langsung dari Hadhramaut, Yaman. Namun, kebanyakan daripada mereka mengikuti laluan tidak langsung ke Asia Tenggara, iaitu ada yang datang dari India dan Indo-China sebelum sampai ke Kepulauan Melayu. Kebanyakan orang Arab keturunan Sayyid di Tanah Melayu berasal dari Hadhramaut, Yaman. Mereka menetap di negeri-negeri Selat seperti Singapura, Pulau Pinang dan negeri-negeri Melayu lain dan kebanyakannya datang dari Indonesia (East Indies) seperti Jawa, Palembang dan Aceh dalam abad ke-18 dan abad ke-19 Masihi. Mereka terdiri daripada para ‘ulama’ atau ahli agama, ahli politik dan para pedagang (CO 273/551/16, Mahayudin, 1984:27, Omar Farouk, 1978:2)

AKULTURASI, ASIMILASI ATAU AMALGAMASI?

Integrasi atau penyatuhan orang Arab ke dalam masyarakat Melayu melalui hubungan sosial iaitu perkahwinan campur bukan suatu perkara yang sukar

bagi orang Arab Hadhrami. Orang Arab Hadhrami mudah menyesuaikan diri dengan penduduk tempatan. Bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan antara orang Arab dengan orang Melayu serta masyarakat tempatan yang lain. Bahasa Melayu pernah menjadi *lingua franca* di Kepulauan Melayu dan dipertuturkan oleh ramai orang serta menjadi bahasa perantaraan dalam dunia perdagangan di Asia Tenggara. Bahasa Melayu mudah dipelajari dan ia menjadi bahasa pertuturan generasi kedua dan generasi seterusnya orang Arab Hadhrami atau Arab Peranakan di mana mereka bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik berbanding bahasa Arab. Ini kerana bahasa ibunda mereka adalah bahasa Melayu. Dari aspek pakaian dan adat resam ia juga tidak sukar untuk diamalkan. Manakala dari segi amalan agama, mereka juga turut berkongsi fahaman atau mazhab yang sama iaitu mazhab Shafi'i.(Freitag, 2002).

Dalam konteks masyarakat Arab Peranakan Hadhrami di Malaysia, boleh dikatakan bahawa orang Arab telah mengalami beberapa proses hubungan sosial dengan masyarakat tempatan khasnya orang Melayu. Proses ini secara tidak langsung telah membelanjakan orang Arab dan keturunan mereka di mana sedikit demi sedikit mereka kehilangan kearaban mereka atas beberapa faktor seperti persekitaran iaitu kehidupan dalam suasana Melayu dan cara mereka dibesarkan. Boleh dikatakan bahawa orang Arab Peranakan telah mengalami dan melalui proses asimilasi ialah satu proses sosial yang berlaku secara semulajadi dan bukan dengan paksaan. Ia wujud hasil daripada interaksi yang erat antara ahli kumpulan etnik yang berbeza budaya bagi suatu tempoh yang lama. Asimilasi yang bersifat budaya ini berlaku apabila kumpulan minoriti mempelajari ciri kebudayaan masyarakat tuan rumah, seperti bahasa, pakaian dan adat resam untuk diamalkan dalam kehidupan sehari-hari masyarakat. Proses asimilasi sebegini tidak bermakna bahawa kumpulan minoriti akan kehilangan identiti etniknya (Shamsul Amri, 2012).

Pada peringkat awal mungkin boleh dikatakan bahawa Arab Hadhrami yang berhijrah ke Tanah Melayu seawal abad ke-16 Masihi² kebanyakannya terdiri daripada golongan lelaki telah mengalami proses menyesuaikan diri dengan masyarakat tempatan. Namun, lama kelamaan

² Menurut Mahayaudin Haji Yahaya (1984), penghijrahan orang Arab Hadhrami keturunan Sayyid berlaku dalam beberapa peringkat dan agak lewat berbanding orang Arab yang lain iaitu seawal abad ke-16 Masihi diikuti pada abad ke-17 dan abad ke-18 dan abad ke-19 dan abad ke-20 Masihi. Lihat juga Omar Farouk(1978).

ada antara mereka secara tidak langsung mengamalkan budaya masyarakat tempatan hasil daripada perkahwinan campur dengan wanita tempatan. Harasha (1996) kurang bersetuju dengan idea asimilasi. Menurut beliau asimilasi akan menyebabkan orang Arab kehilangan identiti dan jati diri mereka terutama masyarakat Arab yang berada di Singapura.

Namun, asimilasi yang dalam kalangan masyarakat Arab dengan orang Melayu bukanlah asimilasi mutlak atau sempurna. Kerana asimilasi mutlak atau sempurna menyebabkan berlakunya penghapusan penuh perbezaan dari segi kebudayaan dan identiti. Sebagai contoh masyarakat Melayu di Thailand telah mengalami proses asimilasi yang menyebabkan nama, bahasa dan hampir semua aspek kehidupan mereka (kecuali agama) telah disatukan dengan cara hidup orang Thai. Di Malaysia, masyarakat baba dan nyonya di Melaka dan etnik Cina di Kelantan juga mengalami proses asimilasi, namun ia hanya berlaku dalam konteks budaya tanpa melibatkan agama. Dalam proses asimilasi, ia bergantung kepada kesanggupan etnik minoriti menghilangkan identiti mereka dan menerima identiti kumpulan etnik majoriti. Namun, asimilasi budaya tidak semestinya membawa kepada kehilangan identiti etnik minoriti. (Shamsul, 2012:61).

Pada dasarnya masyarakat Arab peranakan dan masyarakat Melayu menganuti agama dan kepercayaan yang sama iaitu Islam. Apa yang dialami oleh masyarakat Arab peranakan di Malaysia dan Singapura lebih kepada bersifat asimilasi budaya. Generasi muda Arab peranakan khasnya yang lahir daripada hasil perkahwinan campur antara orang Arab Hadhrami dengan wanita Melayu mengalami perubahan dan berasimilasi dalam budaya masyarakat Melayu sejak mereka dilahirkan kerana kebanyakan mereka dibesarkan dalam suasana Melayu dari segi makanan, pakaian dan adat resam. Jadi apa yang membimbangkan Harasha mungkin ada logiknya kerana kemungkinan besar generasi Arab peranakan akan kehilangan identiti mereka sebagai orang Arab.

ARAB PERANAKAN DAN MASYARAKAT MELAYU

Masyarakat Arab mudah menyesuaikan diri dalam masyarakat multi etnik di Malaysia. Sebagai contoh orang Arab keturunan Sayyid di Terengganu dipandang mulia dan dihormati oleh masyarakat Melayu. Orang Melayu menganggap mereka sama taraf dengan pemimpin Melayu dan golongan bangsawan. Orang Arab keturunan Sayyid mempunyai hubungan rapat dengan keluarga pemerintah. Hubungan ini diperkuatkan lagi dengan

ikatan perkahwinan apabila ada antara mereka yang mengahwini kerabat diraja. Ulama Arab Hadhrami keturunan Sayyid mendapat pengiktirafan dan penghormatan daripada sultan Terengganu apabila ada antara mereka dilantik sebagai orang penting membantu dalam urusan hal ehwal agama Islam orang Melayu. Menurut Shahril (1977) golongan ulama' Terengganu mendapat pengiktirafan yang sewajarnya daripada pemerintah Terengganu dan mereka dihormati oleh golongan bangsawan, pemerintah serta masyarakat. Orang Arab Hadhrami kususnya keturunan Sayyid mendapat pengiktirafan istimewa dalam masyarakat kerana hubungan nasab mereka dengan Nabi Muhammad SAW (Mahayudin, 1980: 64-66, Ingram, 1936). Pada hakikatnya ia merupakan satu penghormatan kepada orang Melayu khususnya golongan pemerintah dengan mengambil orang Arab Hadhrami sebagai menantu mereka bagi tujuan menjalin hubungan dengan keturunan Nabi Muhammad SAW.

Sebagai contoh, keluarga Sayyid al-Aidarus atau Al-Idrus merupakan antara keturunan Arab Hadhrami yang berpengaruh di Terengganu. Sayyid Muhammad (Tukku Tuan Besar) merupakan antara ahli keluarga Sayyid al-Idrus yang memegang jawatan Syaikh al-Ulama' semasa pemerintahan Sultan Baginda Omar (1831, 1839-1876) (Abdullah, 1982). Beliau juga dilantik sebagai *mufti* dan memegang jawatan tersebut dari tahun 1860 sehingga 1878) (Muhammad 1991). Sayyid Muhammad al-Idrus juga memegang jawatan pentadbiran negeri Terengganu sebagai menteri dengan gelaran *Paduka Raja Indera* semasa pemerintahan Sultan Baginda Omar (Shahril, 1977). Sayyid Abdul Rahman bin Sayyid Muhammad al-Idrus (1817-1917) atau lebih dikenali dengan panggilan Tok Ku Paluh telah dilantik sebagai Syaikh al-Ulama' semasa zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III. Beliau juga merupakan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Terengganu (Mohamad Abu Bakar, 1991).

Di negeri Johor, orang Arab Hadhrami turut terlibat dalam pentadbiran agama negeri sebagai mufti, qadi dan guru agama. Keluarga al-Attas merupakan antara keluarga Arab Hadhrami yang disegani di Johor dalam urusan berkaitan dengan agama negeri Johor. Mereka mendapat keutamaan dalam hal ehwal agama negeri serta diberi jawatan tertinggi dalam urusan agama sebagai mufti dan syaikh al-Islam. Sayyid Ahmad al-Attas dilantik sebagai *mufti* Johor pada tahun 1873. Manakala Sayyid Salim al-Attas dilantik sebagai Ahli Dewan Negeri oleh Maharaja Johor dan dianugerahkan Darjah Mahkota Kelas Pertama iaitu *Seri Paduka Mahkota Johor* (SPMJ) dengan membawa gelaran Datuk (Straits Calendar and Directory, 1873).

Orang Arab Hadhrami yang kaya turut menyumbang kepada kerja-kerja sosial dan kebajikan seperti mendirikan sekolah-sekolah agama atau madrasah, rumah-rumah anak yatim dan masjid bagi kegunaan masyarakat Islam (Roff, 1994, Mohammad, 2011). Antara pedagang dan usahawan Arab Hadhrami berjaya yang turut berperanan penting dalam pendidikan madrasah ialah Sayyid Hassan al-Attas, Sayyid Shaykh al-Hadi, Sayyid Mohamed al-Saqqaf and Sayyid Abdul Rahman al-Junied. Melalui usaha mereka awal abad ke-20 telah menyaksikan beberapa buah sekolah agama atau madrasah telah dibina di Tanah Melayu dengan menggunakan kekayaan dan wang ringgit mereka. Mereka juga turut menubuhkan wakaf, dan hasil daripada wang wakaf tersebut digunakan untuk membayar gaji tenaga pengajar dan juga untuk menyelenggara madrasah-madrasah ini. Sebagai contoh Madrasah al-Iqbal al-Islamiyyah (1908), Madrasah al-Hadi(1917), Madrasah al-Masyhur(1916), Madrasah Al-Attas Ketapang di Pekan, Pahang(1923), Madrasah al-Attas al-Arabiyyah(1913) dan Madrasah al-Junied al-Islamiyyah(1927) (Alsaggof, 1963, Jasa, 1929:199, Rahim, 1980).

Sehingga abad ke-20 Masihi, majoriti orang Arab Hadhrami yang berhijrah keluar dari Yaman adalah lelaki. Atas sebab keselamatan dan kewajaran tertentu wanita Arab Hadhrami tidak berhijrah keluar negara. Ramai dalam kalangan Arab Hadhrami berkahwin dengan wanita asing di perantauan di samping mempunyai keluarga di Yaman. Perkahwinan campur adalah perkara biasa bagi generasi-generasi awal Arab Hadhrami. Persoalan jodoh tidak menjadi satu isu yang besar bagi orang lelaki Arab keturunan Sayyid kerana mereka boleh mencari calon isteri selain daripada keturunan Sadah. Ini adalah kerana orang Arab keturunan Sayyid mementingkan nasab sebelah lelaki. Poligami juga bukanlah perkara asing bagi lelaki Arab. Berkahwin melebihi seorang isteri adalah perkara biasa. Malah ada yang memiliki empat orang isteri yang tinggal di bawah satu bumbung. Perkahwinan seperti ini turut melibatkan wanita bukan Arab iaitu perkahwinan antara etnik di mana selepas mengahwini wanita Arab, kebanyakannya lelaki Arab yang berkemampuan yang terdiri daripada kalangan ahli perniagaan akan mengahwini wanita lain utk kali kedua, ketiga dan keempat yang terdiri daripada bangsa yang berbeza (Sharifah, 1996).

Namun, bagi kalangan wanita berketurunan Sadah iaitu Syarifah, mereka perlu mengahwini lelaki daripada keturunan Sadah bagi mengekalkan salasilah keturunan keluarga mereka. Oleh itu, terdapat dalam kalangan keluarga Sadah di perantauan yang menjemput lelaki Arab dari keturunan Sadah dari Hadhramaut, Yaman datang ke Tanah Melayu

(Malaysia dan Singapura) untuk menjadi calon suami kepada anak perempuan mereka. Sebagai contoh Sayyid Umar ibn Ali al-Junied meminta anak saudaranya Abd Rahman di Tarim, Yaman untuk mengahwini salah seorang daripada anak perempuan beliau (Freitag, 2002: 114). Tujuannya antara lain untuk mengekalkan keturunan Arab dan Sadah dalam salasilah keluarga al-Junied.

Generasi awal Arab Hadhrami mempunyai penyelesaian kepada persoalan jodoh anak gadis mereka. Mereka mengahwinkan anak gadis mereka dengan lelaki Arab yang datang dari Yaman. Ramai dalam kalangan pemuda Arab Hadhrami berhijrah ke Tanah Melayu untuk mencuba nasib mencari rezeki sama seperti bapa-bapa mereka yang telah berhijrah lebih awal. Pemuda-pemuda Arab ini bekerja dengan saudagar Arab Hadhrami di Singapura dan juga di Malaysia. Kebanyakan pemuda-pemuda Arab ini mendapat pendidikan awal mereka di Hadhramaut sebelum mereka berhijrah ke luar negara. Menurut Freitag (2002:132), kebanyakan pemuda Arab ini tidak hanya datang untuk bekerja, pada masa yang sama mereka juga datang untuk berkahwin dengan anak-anak gadis keluarga Arab Hadhrami yang kaya raya dan menjalankan perniagaan keluarga. Orang Arab Hadhrami yang sangat prihatin mengenai salasilah keturunan mereka kebiasaannya menghadapi masalah sukar untuk mencari calon suami buat anak gadis mereka. Majlis perkahwinan atau keraian yang dianjurkan oleh golongan Arab Hadhrami menjadi tempat pertemuan orang Arab Hadhrami bagi mengeratkan hubungan sosial sesama mereka.

Tidak seperti lelaki Arab Hadhrami keturunan sayyid wanita Arab Hadhrami keturunan Sayyid iaitu sharifah hanya dibenarkan untuk berkahwin dengan lelaki Arab keturunan Sadah sahaja. Isu kafaah atau sekufu telah lama dibincangkan dalam masyarakat Arab dan ia turut menjadi satu isu hangat pada awal abad ke-20 dalam kalangan Arab Hadhrami di Indonesia (Natalie, 1999:94). Soal *kafaah* dalam pemilihan calon suami kepada wanita keturunan Sadah diamalkan dalam masyarakat Islam di Hadhramaut di mana ia berdasarkan kepada prinsip Islam yang menekankan kepada konsep sekufu di mana pasangan bagi seorang wanita iaitu bakal suami harus sama taraf dengan wanita tersebut dari segi sosialnya iaitu dia tidak boleh kurang daripada taraf dan kedudukan sosial bakal isterinya. Namun, terdapat dalam kalangan masyarakat Arab Hadhrami tradisional yang mentafsirkan bahawa *kafaah* atau sekufu merujuk kepada kesetaraan pada keturunan di mana seseorang wanita dilarang mengahwini lelaki daripada kumpulan keturunan yang lebih rendah daripadanya. Oleh itu anak gadis daripada keturunan Sadah hanya berkahwin dengan keturunan Sayyid atau Sadah sahaja (Natalie, 1999).

Ibu bapa keturunan Sadah tradisional yang begitu kuat berpegang kepada *kafa'ah* iaitu sekufu dalam hal jodoh menghadapi kesukaran untuk mencari pasangan yang sesuai untuk anak perempuan mereka. Oleh kerana ketegasan tradisi Sadah yang dipegang untuk memelihara keturunan sebelah bapa iaitu untuk mengekalkan keturunan Sadah dalam keluarga mereka, maka ada antara ibu bapa keturunan Sadah ini yang lebih rela melihat anak perempuan mereka tidak berkahwin (menjadi anak dara tua) daripada berkahwin dengan lelaki bukan daripada keturunan Sadah "... lifelong spinsters rather than lose them in matrimony to non-Arabs". Ada ketikanya anak gadis Arab peranakan lebih konservatif dan memilih dalam hal berkaitan dengan perkahwinan berbanding dengan gadis Muslim yang lain (Omar 1978: 3). Menurut Omar lagi bagi gadis Arab keturunan Sadah iaitu Syarifah, perkahwinan campur dan perkahwinan antara etnik adalah sesuatu yang mustahil.

Pemilihan jodoh (*kafaah*) yang sekufu dalam kalangan wanita Arab keturunan Sayyid di Indonesia juga menjadi satu isu bagi komuniti tersebut. Di Indonesia perkahwinan campur juga adalah perkara biasa. Namun, mereka yang berpegang kepada *kafaah* turut menghadapi kesukaran mencari jodoh yang sekufu. *Derita Putri-putri Nabi: Studi Historis Kafa'ah syarifah* yang dikarang oleh M. Hasyim Assaqaf (2000) turut membincarkan isu berkenaan *kafaah* dalam kalangan wanita Arab Peranakan di Indonesia. Dalam temubual yang dibuat dengan wanita, gadis dan pemuda Arab peranakan keturunan Sayyid disebuah insitusi pengajian tinggi awam mendapati bahawa amalan *kafaah* ini masih lagi diamalkan pada hari ini. Ada antara mereka yang mengakui bahawa keluarga mereka masih lagi mengamalkan *kafaah* dalam pemilihan calon isteri dan suami. Ibu bapa keturunan Sadah lebih menekankan persoalan *kafaah* atau sekufu dalam memilih calon suami kepada anak gadis mereka. Menurut Sharifah Meriam Syed Akil, seorang Profesor Madya, beliau berkata pernah berlaku perkahwinan antara gadis dari keturunan syarifah dengan lelaki bukan dari keturunan Sadah yang tidak mendapat persetujuan keluarga sebelah perempuan di mana perkahwinan mereka dipulaukan oleh keluarga sebelah perempuan.

Orang Arab Hadhrami secara umumnya boleh dikategorikan kepada dua kumpulan; Arab tulen dan Arab Peranakan. Perkahwinan campur melibatkan lelaki Arab dengan wanita bukan Arab tidak menjadi satu masalah besar kepada Arab Hadhrami keturunan Sayyid. Ini kerana menjadi tradisi orang Arab untuk memelihara keturunan mereka melalui nasab sebelah bapa (patrilineal). Anak yang lahir hasil daripada perkahwinan lelaki dan wanita Arab dianggap sebagai Arab tulen.

Manakala anak yang lahir dari perkahwinan seorang lelaki Arab dengan wanita bukan Arab dikenali sebagai Arab peranakan. Oleh kerana kebanyakan orang Arab yang hijrah ke Tanah Melayu adalah lelaki, ramai dalam kalangan mereka mengahwini wanita tempatan (Roff, 1967:40-41). Hal ini turut menjelaskan rasional kepada peningkatan bilangan orang Arab di Tanah Melayu pada abad ke-19 dan ke-20 Masihi.

Perkahwinan campur boleh menjadi salah satu sebab orang Arab Hadhrami kehilangan identiti Arab mereka. Perkahwinan campur dengan wanita-wanita tempatan dan pergaulan dengan orang tempatan telah secara beransur-ansur mengurangkan dan menghilangkan identiti budaya dan bahasa asal nenek moyang mereka. Fenomena ini turut dirasai oleh generasi kedua dan ketiga orang Arab di Tanah Melayu yang lahir daripada perkahwinan campur antara orang Arab dan wanita tempatan yang tidak bertutur dalam bahasa Arab. Walau bagaimanapun, terdapat Arab Hadhrami yang berjaya mengekalkan sebahagian daripada budaya Arab mereka seperti majlis perkahwinan dan upacara keagamaan seperti ratib dan doa. Majlis perkahwinan masyarakat Arab sedikit berbeza daripada majlis perkahwinan orang Melayu. Selain daripada itu, orang-orang Arab Hadhrami keturunan Sayyid juga masih mengamalkan tradisi kafa'ah dalam hal perkahwinan (Abdullah 1991).

Disebabkan oleh proses asimilasi dengan penduduk tempatan melalui hubungan perkahwinan, bilangan penduduk Arab hadhrami di Tanah Melayu yang berdarah Arab tulen semakin berkurangan. Namun, satu generasi baru Arab peranakan yang berdarah kacukan antara Arab dan Melayu telah lahir. Generasi baru ini tidak banyak beza daripada orang Melayu kerana ibu mereka rata-rata adalah kebanyakannya wanita Melayu tempatan. Mereka bertutur dan belajar bahasa Melayu dan bahasa Inggeris secara tidak langsung daripada ibu mereka dan juga di sekolah. Mereka jarang bercakap dalam bahasa Arab walaupun nenek moyang mereka adalah orang Arab. Menurut Abdullah (1991) yang mengkaji masyarakat Arab di Muar, Johor didapati bahawa masyarakat Arab di Muar menggunakan bahasa Melayu-Arab dan bahasa Arab pasar dalam komunikasi harian mereka dengan penduduk tempatan khususnya orang Melayu. Kebanyakan orang Arab yang berkahwin dengan wanita Melayu tidak bercakap bahasa Arab formal atau tidak bertutur dalam bahasa Arab sama sekali. Bahasa pertuturan di rumah adalah bahasa Melayu-Arab pasar. Malah mereka juga tidak memberi penekanan kepada anak-anak mereka untuk mempelajari bahasa Arab. Mereka hanya mengajar anak-anak mereka membaca al-Quran di rumah. Ini merupakan antara salah satu sebab mengapa generasi muda Arab peranakan di Malaysia pada hari ini

tidak boleh bertutur dalam bahasa Arab. Namun begitu, faktor politik negara (host country) turut memberi kesan terhadap identiti kumpulan etnik minoriti Arab Hadhrami. Lama kelamaan akhirnya ramai dalam kalangan orang Arab menjadi Melayu.

KRISIS IDENTITI

Di Malaysia isu mengenai identiti dan kewarganegaraan masyarakat Arab peranakan tidak begitu ketara. Hal ini kerana majoriti generasi muda keturunan Arab di Malaysia lahir sebagai Arab peranakan hasil daripada perkahwinan campur antara lelaki Arab dengan wanita tempatan. Melalui perkahwinan campur secara tidak langsung anak-anak yang dilahirkan layak dianggap sebagai orang Melayu. Malah dari segi sosial dan budaya, mereka adalah Melayu dan beragama Islam (AlJunied, 2007). Dari segi biologi, mereka memiliki darah Arab. Namun, di Singapura isu identiti dan kewarganegaraan adalah antara perkara yang menjadi kebimbangan masyarakat Arab di negara itu. Isu ini hangat diperkatakan khususnya apabila Singapura berpisah daripada Malaysia menjadi sebuah entiti politik yang berbeza pada tahun 1965. Hal ini kerana orang Arab Hadhrami merupakan kumpulan etnik minoriti di sebuah negara yang mempunyai majoriti populasi penduduk berketurunan Cina.

Isu identiti turut menyumbang kepada kemerosotan bilangan orang Arab Hadhrami keturunan Sayyid pada abad ke-20 khususnya selepas Perang Dunia Kedua di mana ramai dalam kalangan mereka dikenali sebagai orang Melayu. Hal ini berlaku kerana terdapat perubahan politik di Tanah Melayu yang kemudiannya dikenali sebagai Malaysia berkaitan isu kewarganegaraan. Perkara ini telah memaksa orang Arab Hadhrami keturunan Sayyid dan keturunan mereka mengikuti dasar negara berhubung dengan taraf kerakyatan. Walaupun ramai dalam kalangan mereka telah menjadi sebahagian daripada masyarakat Melayu dari segi sosial dan budaya, namun terdapat sebilangan daripada mereka yang masih mengekalkan identiti Arab seperti dalam aspek perkahwinan. Namun, pada masa yang sama mereka tetap mengekalkan identiti baru mereka sebagai orang Melayu. Mengenai istilah 'bangsa', ramai orang Arab Hadhrami memilih untuk dikenali sebagai orang Melayu, terutama generasi muda Arab peranakan. Dari segi praktikal, orang Melayu dan Arab peranakan berkongsi agama, adat resam dan cara hidup yang sama. (AlJunied, 2007). Menurut Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 160 (2) takrifan Melayu ialah; orang Melayu itu mestilah beragama Islam,

mengamalkan adat budaya Melayu, bertutur menggunakan bahasa Melayu dan lahir sebelum hari Merdeka sama ada di Persekutuan atau Singapura, atau pada hari merdeka telah bermastautin di Persekutuan atau Singapura.

Terdapat ramai dalam kalangan Arab peranakan generasi baharu tidak pandai dan tidak fasih berbahasa Arab malah ada yang tidak tahu langsung berbahasa Arab. Ini kerana bahasa pertuturan sehari-hari mereka adalah bahasa Melayu di mana ibu mereka bertutur dalam bahasa Melayu. Orang lelaki Arab yang berkahwin dengan wanita Melayu tidak kisah tentang bahasa malah mereka juga tidak menekankan kepentingan berbahasa Arab kepada anak-anak mereka. Mereka sendiri bercakap bahasa Melayu dicampur dengan bahasa Arab. Perkara ini telah disebut oleh Nathan (1922) dalam bincangan yang dijalankan di Tanah Melayu pada tahun 1921. “In the real test, that of language, they fail in their claim to be Arabs. None of the older people speak Arabic habitually in their homes, though many can, and in the case of the younger generations any knowledge of the Arabic is non-existent”.

Manakala di Singapura keturunan Arab Hadhrami atau Arab peranakan di negara tersebut tidak mempunyai pilihan di mana mereka terpaksa memilih bangsa Melayu dalam kad pengenalan diri menggantikan Arab kerana bangsa Arab dianggap sebagai warga asing. Dengan memilih menjadi bangsa Melayu, mereka boleh menikmati kemudahan dan keistimewaan yang diperuntukkan khas kepada orang Melayu Singapura seperti pendidikan dan biasiswa pendidikan. (AlJunied, 2007).

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, orang Arab Hadhrami dan keturunan mereka iaitu Arab peranakan khususnya keturunan Sayyid berjaya menyesuaikan diri dengan masyarakat Melayu dan masyarakat Malaysia amnya yang terdiri daripada pelbagai etnik. Hubungan sosial yang terjalin antara orang Arab dan masyarakat Melayu khasnya melalui ikatan perkahwinan dengan wanita tempatan telah mengeratkan lagi hubungan sosial ini. Lama kelamaan mereka menjadi sebahagian daripada masyarakat Melayu dan dianggap sebagai orang Melayu. Walau bagaimanapun, ada dalam kalangan mereka yang masih mengekalkan tradisi dan cara eksklusif hidup orang Arab khususnya dalam hal berkaitan dengan perkahwinan dan aktiviti agama seperti majlis haul dan bacaan ratib. Orang Arab peranakan perlu kuat dan bersatu hati sekiranya mereka bertekad muhu memelihara budaya dan adat resam keturunan Arab mereka. Proses asimilasi yang

berlaku tidak akan menjaskan identiti mereka sebagai keturunan Arab. Mungkin dari segi rupa paras mereka telah kehilangan wajah Arab dan lebih mirip kepada wajah Asia wanita dan lelaki Melayu. Namun, dari segi genetik mereka memiliki darah campuran Arab dan Melayu.

RUJUKAN

- Abdullah, A. Rahman Tang. (1991). *Sejarah Masyarakat Keturunan Arab di Muar*. Projek Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Affan Seljuq. (1989). Some Muslim Geographers on South-East Asia. *Journal of the Pakistan Historical Society*. Vol. 37, pt. 2.
- Aljunied, Syed Muhd Khairudin. (2007). The Role of Hadramis in Post-Second World War Singapore – A Reinterpretation. *Immigrants & Minorities*, July 1, 2007.
- Aljunied, Syed Muhd Khairudin. (2007). Making Sense of an Evolving Identity: A Survey of Studies on Identity and Identity Formation among Malay-Muslims Singapore. *Journal of Muslim Minority Affairs*. <http://dx.doi.org/10.1080/13602000601141364>.
- Alsagoff, Syed Mohsen. (1963). *The Alsagoff Family in Malaysia* A.H. 1240 (A.D. 1824) to A.H. 1382 (A.D. 1962) with biographical and contemporary sketches of some members of the al-Sagoff family, compiled and published by Syed Mohsen Alsagoff, Singapore: S.M. Alsagoff.
- Ameen Ali Talib. (1997). Hadramis in Singapore. *Journal of Muslim Minority Affairs*. Vol. 17, No. 1, 1997.
- CO 273/551/16. Enclosure No. 2 to “Penzance’s” Report of Proceeding for Month of March, 1933. Narrative of a Visit to the Wadi Hadramaut, p. 4.
- Freitag, Ulrike. (2002). Arab merchants in Singapore. In Huub de Jong and Nico Kaptein (eds.), *Transcending Borders, Arabs, Politics, trade and Islam in Southeast Asia*. Netherlands: KITLV Press.
- Gibbs, H.A.R. & J.H. Kramers, *Shorter Encyclopedia of Islam*, New Delhi, India: Pentagon Press, 2008.
- Glasse, Cyril & Smith, Huston, *The New Encyclopedia of Islam*, Singapore: Tien Wah Press, Reprinted 2002.
- Ingrams, W.H. (1936) *Aden Protectorate, A Report on the Social, Economic and Political Condition of the Hadhramaut*. London: Printed and Published by His Majesty's Stationery Office.

- Jasa, 16 May 1929.
- J.E. Nathan. (1922). *The Census of British Malaya 1921*. London: Dunstable and Watford: Waterlow & Sons Limited.
- Latifah Abdul Latiff. (2014). The Hadhrami Arabs in Malaya before the Second World War. *Sejarah*, 23. No.1.
- Latifah Abdul Latiff.(2016).The Roles and Contributions of the Hadhrami Arabs in Malaya, 1819-1969. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Linehan,W. (1936). A History of Pahang. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* (JMBRAS). XIV, Pt.2.
- Mahayudin Haji Yahaya. (1984). *Sejarah Orang Syed di Pahang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Haji Yahaya. (1980). Latarbelakang Sejarah Keturunan Sayid di Malaysia. *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mohamad Abu Bakar. (1991). Ulama dan Umara: Tok Ku Paloh dan Pemerintahan Islam dalam *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*. Terengganu: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohammad Redzuan Othman. (2011). “Sumbangan Masyarakat Arab Hadhrami dalam Bidang Agama di Malaysia”. Paper presented at *Seminar Diaspora Arab Nusantara: Peranan dan Sumbangan*. Kedah: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.
- Morley, J. A. E. (1949). The Arabs and the Eastern Trade. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* (JMBRAS), Vol. 22, pt. 1.
- M. Hasyim Assaqaf. (2000). *Derita Putri-putri Nabi: Studi Historis Kafa'ah syarifah*. Indonesia: Remaja Rosdakarya. Edisi pertama.
- Natalie Mobini-Kesheh. (1999). *The Hadhrami Awakening Community and Identity in the Netherlands East Indies, 1900-1942*. New York: Southeast Asia Program Publications.
- Omar Farouk Shaeik Ahmad. (1978). The Arabs in Penang. *Malaysia in History*. Vol. 21, No. 2. Kuala Lumpur: Malaysian Historical Society.
- Rahim Bin Osman, “Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah”, in Khoo Kay Kim, et al., *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.
- R.O. Winstedt. (1918) The Hadhramaut Saiyids of Perak and Siak. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* (JSBRAS). No. 79.
- R.B. Serjeant. (1981). The Saiyids of Hadhramaut. *Studies in Arabian History and Civilisation*. London: Variorum Reprints.

- Sharifah Gamar Alam Albahar, Nazrin Ahmad Altway and Sharifah Faizah Salim Alkaff. (1996). A Page from the Past. *Al Mahjar*, Vol. 1, Isu 1.
- Shamsul Amri (ed.). (2012). *Modul Hubungan Etnik.*(Edisi Kedua). Bangi: Institut Kajian Etnik UKM.
- S.Q. Fatimi. (1963). Islam Comes to Malaysia. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd.
- Straits Calendar and Directory, 1873.
- Tun Suzana Tun Othman and Muzaffar Mohamad. (2009). *Ahlul-Bait (keluarga) Rasulullah S.A.W. & Kesultanan Melayu.* Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd.
- William R. Roff. (1967). *The Origins of Malay Nationalism.* Kuala Lumpur and Singapore: University of Malaya Press and Yale University Press.
- William R. Roff. (1994). *The Origins of Malay Nationalism*, 2nd Edition, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Temubual

1. Sharifah Meriam binti Syed Akil. Pensyarah.
2. Syed Muhammad Adib Syed Termizi. Pensyarah.
3. Sharifah Nurul Najihah binti Syed Alwi. Pelajar.
4. Syed Muhammad Imran bin Syed Mohd. Pelajar .

* Latifah Abdul Latiff
Pusat Pengajian Teras
Universiti Sains Islam Malaysia
Mel-e: latifah@usim.edu.my

Al-Hikmah 8(2) 2016: 38-59

Persepsi Pelajar UKM Terhadap Hubungan Etnik di Malaysia

Perceptions of UKM Students Regarding Ethnic Relations in Malaysia

NAZRI MUSLIM*
FAZILAH IDRIS
ROZITA IBRAHIM
ROZMEL ABDUL LATIFF
NASRUDDIN YUNOS
AHMAD ZAMRI MANSOR
HASANAH ABD. KHAFIDZ

ABSTRAK

Isu-isu hubungan etnik di Malaysia telah banyak berubah dalam tempoh lima dekad lalu. Pada tahun 1950-an, isu kewarganegaraan dan kontrak sosial mendominasi hubungan etnik, diikuti dengan isu bahasa pada tahun 1960-an sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), manakala kuota dan urbanisasi mencorakkan hubungan etnik pada tahun 1970-an dan 1980-an. Pada tahun 1990-an dan milenium, isu-isu agama begitu kuat mempengaruhi hubungan etnik di negara ini. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis persepsi pelajar UKM terhadap hubungan etnik di Malaysia. Kajian ini melibatkan seramai 618 responden. Data kajian diperoleh melalui soal selidik yang dianalisis menggunakan program SPSS. Untuk itu, statistik deskriptif digunakan bagi menerangkan latar belakang responden dan persepsi pelajar terhadap hubungan etnik. Hasil kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap hubungan etnik diterima dengan baik oleh pelajar seperti masyarakat pelbagai etnik di Malaysia hidup secara harmoni, Malaysia adalah negara contoh untuk negara pelbagai etnik dan bahasa dan agama berupaya menyatupadukan rakyat Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi menangani isu berkaitan dengan hubungan etnik di Malaysia.

Kata kunci: *UKM, persepsi pelajar, hubungan etnik, silang budaya, kesatuan.*

ABSTRACT

Issues on ethnic relations in Malaysia have changed greatly over the last five decades. In the 1950s, citizenship and social contract dominated the issues in

ethnic relations; followed by the issue of language in the 1960s, that is, before the implementation of the New Economic Policy (NEP), while issues of quota and urbanization shaping ethnic relations were significant in the 1970s and 1980s. In the 1990s and the millennium, issues on religion were seen to affect ethnic relations substantially in the country. Hence, this study aimed to analyze the perceptions of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) students on ethnic relations in Malaysia. This study involved 618 respondents. Data was collected through questionnaires and analyzed using SPSS. A descriptive statistics was used to describe the background and the perceptions of respondents towards ethnic relations in Malaysia. The results showed that UKM students perceived ethnic relations in Malaysia positively, mainly on the aspects on how multi-ethnic communities in Malaysia live together harmoniously, and also on the recognition given by other plural societies which regard Malaysia as a model in fostering a better unity between people of different cultural, language and religious background. Based on the findings, some suggestions have been made to address issues related to ethnic relations in Malaysia.

Keywords: UKM, students' perception, ethnic relations, multi-ethnic communities, unity.

PENDAHULUAN

Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik, begitu berilitizam ke arah mengukuhkan semangat perpaduan dan integrasi antara etnik dan wilayah. Ini penting bagi menjamin kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang etnik. Statistik menunjukkan bahawa terdapat tiga etnik yang utama di Malaysia iaitu Bumiputera (Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak), Cina dan India yang masing-masing merangkumi 67.4%, 24.6% dan 7.3% dari jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2010. Statistik ini memperlihatkan terdapatnya kepelbagaiannya masyarakat di Malaysia yang terbahagi kepada tiga etnik yang besar iaitu Bumiputera yang terdiri daripada etnik Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak, Cina dan India serta lain-lain etnik.

Transformasi Hubungan Etnik di Malaysia

Transformasi perhubungan etnik di Malaysia bermula di Zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pada zaman ini, etnik seperti Melayu, Jawa, Minangkabau, Banjar, Bajau, Kadazan-Dusun, Murut, Iban, Bidayuh, Melanau, Bugis dan kelompok etnik tempatan yang lain didapati tidak memiliki batas etnik yang tertutup. Batas kumpulan etnik mereka berubah-

ubah kerana wujud hubungan silang kumpulan yang menyebabkan sehingga terbina integrasi budaya dan sosial antara etnik. Gambaran yang sama didapati berlaku juga dalam masyarakat Arab, Cina, Portugis dan India yang berhijrah ke alam ini. Akibatnya, kumpulan imigran ini juga melalui proses integrasi budaya dan sosial dengan masyarakat setempat sehingga melahirkan sub kelompok seperti Peranakan, Baba Nyonya dan Chetti di kalangan mereka (Coppe 1997).

Alam Melayu sebelum kedatangan penjajah-penjajah Barat, telah berjaya membina masyarakat pelbagai budaya menerusi ikatan antara kumpulan sehingga mewujudkan hubungan silang budaya berteraskan konsep keetnisitian telap dan keetnisitian payung. Model pengurusan masyarakat silang budaya yang sudah sedia terbina di Alam Melayu sebelum kedatangan penjajah Barat sangat berbeza dengan kefahaman konsep ras dari Barat. Kefahaman konsep ras yang dibawa oleh penjajah Inggeris yang bersifat tertutup dengan sikap etnosentrisme telah menanamkan bibit perpecahan di kalangan rakyat pelbagai budaya di negara ini. Pada ketika itu sehinggalah kedatangan penjajah Inggeris, hubungan etnik bersifat payung. Ini bermakna, walaupun mereka berlainan etnik tetapi berteduh di bawah payung etnik Melayu dari segi bahasa, budaya dan agama (Mansor 2006).

Namun, berlaku perubahan transformasi perhubungan etnik setelah Inggeris menguasai Negeri-negeri Selat dan mula melebarkan pengaruh mereka dengan campur tangan di negeri-negeri Melayu. Ini ditambah lagi dengan berlakunya Revolusi Perindustrian di Barat, maka bertambahnya kegiatan melombong bijih timah di Perak dan Selangor. Sikap British yang berorientasikan keuntungan dan untuk mengeksplorasi hasil bumi Tanah Melayu juga telah mendorong kepada dasar campur tangan. Keadaan ini menyebabkan British telah membawa masuk imigran dari China yang akhirnya telah membentuk sebuah masyarakat berbilang kaum serta menimbulkan masalah seperti pergaduhan kongsi gelap (Khoo Kay Kim 1972). Pada masa yang sama, berlakunya pembukaan ladang-ladang getah yang menyebabkan British membawa masuk imigran dari India secara beramai-ramai.

Kedatangan orang Cina telah mencetuskan persaingan di kalangan anak raja Melayu dengan para pembesar untuk menguasai hak pentadbiran di satu-satu kawasan bagi menambah pendapatan mereka menerusi pemberian konsesi kepada saudagar Cina (Khoo Kay Kim 1987). Beberapa pakatan telah dibuat antara kelompok Melayu dengan kelompok Cina dan pergaduhan sengit berlaku antara mereka mengakibatkan perdagangan bijih timah terganggu oleh pergaduhan yang berpanjangan (Khoo Kay Kim

1979). Keadaan ini menyebabkan British menjalankan dasar campur tangan khususnya di Negeri Perak kerana merupakan pengeluar bijih timah yang utama di Tanah Melayu. Maka, dalam Perjanjian Pangkor (1874), peruntukan telah dibuat untuk melantik seorang Residen British yang nasihat mereka harus diperolehi dan dikuatkuasakan atas semua perkara kecuali yang berhubung dengan agama dan adat istiadat orang Melayu (Zainal Abidin *et. al.* 1996). Sistem residen seterusnya telah diperkenalkan di Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan.

Menurut Lian Kwen Fee (2006), punca kewujudan perkauman di Malaysia dikesan semasa pentadbiran penjajah British lewat abad ke 19 yang melahirkan masyarakat majmuk yang berbeza semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka. Dalam hal ini, jelas bahawa terdapat perbezaan masyarakat majmuk yang wujud di Zaman Kesultanan Melayu Melaka berbanding di zaman penjajah British. Perbezaan ini sangat penting kerana memberi kesan yang besar kepada hubungan etnik di Malaysia sekarang ini. Menurut Cheah Boon Kheng (2004), kebanyakan polisi British yang lepas banyak memberi kesan terhadap apa yang berlaku pada hari ini dan struktur masyarakat. Pola masyarakat majmuk pada zaman sebelum kedatangan penjajah British terbentuk melalui proses semula jadi. Mereka datang berdagang secara sukarela untuk mencari kehidupan dan kekayaan. Kedatangan mereka disertai bersama oleh ahli keluarga. Jika mereka mengambil keputusan untuk terus menetap di Alam Melayu, maka sudah tentu keputusan itu merupakan keputusan berasaskan persetujuan sebulat suara bersama ahli keluarga masing-masing. Keputusan hidup terhasil daripada persetujuan tanpa paksaan menjamin ketenangan fikiran dan perasaan mereka.

Hasilnya, mereka berjaya mewujudkan interaksi yang mesra dengan penduduk tempatan. Terdapat unsur-unsur akomodasi dalam kehidupan masyarakat pluralistik pada zaman tersebut. Mereka secara sukarela sanggup berkahwin dengan penduduk tempatan. Contohnya, masyarakat Cina Baba ialah keturunan Cina yang telah berkahwin dengan masyarakat tempatan. Di samping itu, mereka juga mengamalkan budaya kehidupan seharian orang Melayu. Selain itu, amalan dan adat resam dibawa masuk oleh mereka juga diterima pakai oleh penduduk tempatan. Adat bersanding, bunga manggar dan bunga telur dalam majlis perkahwinan ialah asimilasi penduduk tempatan dengan pendatang dari India.

Namun, pola pembentukan masyarakat majmuk selepas kedatangan penjajah British berbeza dengan zaman sebelum kedatangan mereka. Sebagai contoh, penghijrahan masuk orang Cina dan India ke

Tanah Melayu digalakkan oleh British untuk memajukan kepentingan ekonomi dan politik mereka. Orang Cina digalakkan membuka lombong-lombong bijih timah dan emas (Leong H. Liew 2003). Manakala penghijrahan imigran India secara beramai-ramai pula berlaku pada tahun 1840 di mana mereka telah bekerja di ladang tebu dan kopi di Seberang Prai. Inggeris juga membawa masuk imigran India untuk bekerja sebagai kerani, pembantu hospital dan kakitangan kereta api. Pertambahan imigran India semakin meningkat menjelang abad ke 20.

Situasi ini menyebabkan interaksi dan pengaruh budaya antara masyarakat Cina dan masyarakat Melayu terdapat jurang pemisah yang luas. Perkara ini disebabkan kawasan penempatan yang berasingan iaitu orang Cina tertumpu di kawasan bandar terutama sekali di kawasan perlombongan seperti Kuala Lumpur di mana orang Cina meliputi 79% daripada jumlah penduduk iaitu seramai 43,786 pada tahun 1891. Polisi pentadbiran Inggeris juga secara sengaja memisahkan penempatan antara kaum ini melalui dasar pecah dan perintah. Di samping itu, kawasan penempatan orang Cina merupakan kawasan yang berdikari sendiri (*self-contained*) di mana penduduknya tidak perlu berinteraksi dengan orang luar untuk kelangsungan hidup mereka sepanjang hayat (Hashim 2005). Oleh yang demikian, dari segi pengaruh kebudayaan antara Cina dan Melayu tidak begitu ketara. Walaupun demikian, dari segi bahasa terdapat beberapa serapan bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu dan juga sebaliknya, namun amat terbatas. Keadaan ini memang sengaja dibuat oleh British. Menurut Emerson R. (1979), penjajah telah melambatkan proses pemantapan sosial dan politik antara kaum selagi pemerintahan kolonial itu terus bertapak di Tanah Melayu. Penguasaan politik kaum Melayu dikawal ketat oleh British walaupun mereka berada dalam keadaan terpelihara dan hidup secara nominal di dalam negeri Melayu beraja.

Di peringkat penjajah Inggeris, mereka telah mengkategorikan kumpulan etnik ini berdasarkan kefahaman konsep ras dan rasisme yang dibawa daripada pengalaman sejarah mereka sendiri (Cheah Boon Kheng 2009). Mereka telah mengamalkan konsep ras yang ditafsirkan secara tertutup berdasarkan ikatan darah dan mempunyai implikasi superioriti ras dan rasisme. Mereka juga memperkenalkan falsafah pecah dan perintah yang telah diamalkan bukan sahaja di Tanah Melayu tetapi juga sebelum kedatangan mereka ke sini iaitu di Afrika dan India. Dasar pecah dan perintah penjajah Inggeris telah mengubah bentuk hubungan etnik yang terbina di Alam Melayu sebelum kedatangan Inggeris hingga jelas kelihatan bentuk pekerjaan teragih mengikut kumpulan etnik.

Pemerintahan dan pembangunan yang telah dilaksanakan oleh penjajah Inggeris hanyalah bermatlamat memberikan keuntungan kepada kelompok elit Inggeris dan negara mereka semata-mata. Oleh sebab itu, isu kemiskinan, kemunduran dan peminggiran masyarakat Melayu daripada arus pembangunan serta kerisauan akan kehilangan identiti dan kuasa politik di negara sendiri telah mempengaruhi agenda pergerakan nasionalisme Melayu di Tanah Melayu. Isu Bahasa Melayu, pendidikan, kedudukan Raja dan hak terhadap tanah menjadi agenda yang digembung oleh orang Melayu sewaktu menentang Malayan Union selepas Perang Dunia Kedua.

Bagi etnik Cina dan India sebelum kemerdekaan yang tinggal di Negeri-Negeri Selat terbahagi kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama merasakan mereka ialah rakyat British. Kumpulan kedua pula berpendapat mereka ialah rakyat negara asal mereka dan hanya bermatlamat untuk memerdekaan negara mereka daripada dijajah oleh Barat dan Jepun. Manakala kumpulan ketiga mahu menetap dan menjadi rakyat negara ini tetapi mahu mengekalkan jati diri, bahasa dan budaya bentuk kumpulan etnik mereka.

Situasi di atas menunjukkan bahawa konsep etnik payung sudah dibelakangkan dalam perjalanan sejarah negara menuju kemerdekaan. Malahan demi kepentingan etnik masing-masing, setiap kumpulan etnik telah mendesak agar kerakyatan diberikan kepada mereka. Namun pada masa yang sama, mereka mahu hidup terpisah dan terasing dari segi bahasa, budaya, agama, kepimpinan, pendidikan dan kegiatan ekonomi walaupun terikat dengan pemerintahan yang sama.

Namun, setelah sepuluh tahun merdeka, pembangunan negara yang dilaksanakan melalui falsafah sistem ekonomi bebas terus mengukuhkan kepentingan pelabur ekonomi asing, terutama dari Barat. Pembangunan infrastruktur awam seperti sekolah dan klinik kesihatan dibangunkan tetapi tidak seimbang kerana lebih tertumpu di kawasan bandar di bahagian barat Semenanjung. Dalam dekad 60-an, hasil beberapa Kongres Ekonomi Bumiputera, masyarakat Melayu berpendapat kemerdekaan tidak memberi makna dan membawa kepada peningkatan taraf hidup (Chamil Wariya 2007). Orang Melayu mahu negara ini diwarnai oleh bahasa, budaya dan agama mereka dan kehidupan yang tidak dipinggirkan oleh penguasaan ekonomi oleh etnik Cina dan India.

Kumpulan etnik Cina dan India diberikan kerakyatan negara ini dengan mudah tetapi pembangunan negara terus menguntungkan mereka yang berada di bandar, terutama dalam bidang ekonomi. Masyarakat India, dan terutamanya, Cina bukan sahaja terus mengukuhkan kumpulan

mereka dalam arena perdagangan dan peruncitan tetapi juga mendesak agar sistem persekolahan bahasa ibunda mereka dikekalkan. Di hujung dekad 60-an, ketegangan wujud dalam perhubungan etnik yang membawa kepada konflik dalam tahun 1969 kerana masalah ketidaksamarataan, kemunduran, kemiskinan, produktiviti rendah dan ketiadaan kemudahan awam. Perbahasan tentang ideologi dan jati negara yang berbeza antara kumpulan etnik, merenggangkan hubungan antara mereka dan meruncingkan lagi jurang sosial yang wujud pada ketika itu. Sosialisasi sosial di kalangan sesuatu etnik mengukuhkan lagi rasa keetnikan sesuatu etnik itu di mana seolah-olah terdapat usaha untuk menimbulkan tasa bangga sesuatu etnik mengatasi etnik yang lain (Chin Yi Mun 2013).

Transformasi perhubungan etnik berubah lagi selepas kemerdekaan khususnya selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) di mana jurang pendapatan antara etnik telah dikurangkan, kemiskinan telah hampir dibasmikan dan budaya hidup kelas menengah telah menjadi kenyataan serta struktur masyarakat telah berubah (Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais Saniman 2005). Transformasi sosial ini telah menipiskan batas etnik di kalangan rakyat dan tingkah laku mereka lebih dicorakkan oleh perkiraan ganjaran material, status sosial dan ikatan sosial berbanding dengan kepentingan etnik (Abdul Rahman Embong 2001). Ini bermakna batas etnik wujud tetapi bersifat sekunder. Dalam kehidupan harian, perkiraan etnik tidak menjadi perkiraan utama. Malahan perkiraan peribadi lebih diutamakan dan senario perhubungan etnik ini lebih dapat diperhatikan di barat Semenanjung. Di utara dan timur Semenanjung, perkiraan agama lebih diutamakan, manakala di Sabah dan Sarawak, isu kewilayahuan lebih berpengaruh sebagai perkiraan asas kepada tindakan berbentuk kumpulan.

Di sebalik salah faham yang wujud, kestabilan politik yang dicapai hasil perluasan amalan perkongsian kuasa politik antara parti politik berteraskan etnik dan agama telah berjaya menarik pelaburan asing yang telah membuka peluang pekerjaan. Melalui DEB, pembasmian kemiskinan berjaya dikurangkan dan mewujudkan kelas menengah yang ramai. Akibatnya, lahir budaya hidup komersial di kalangan rakyat pelbagai budaya. Aspirasi dan pandangan hidup mereka dikongsi bersama dan perkongsian ini telah membina hubungan saling pergantungan antara satu sama lain dan mewujudkan hubungan silang budaya yang merentasi batas etnik. Kajian telah menunjukkan pada dekad 1990-an batas etnik di kalangan masyarakat pelbagai budaya ini nipis dan hubungan dua individu yang berlainan etnik walaupun berbentuk hubungan sosial, namun perkiraan bukan etnik yang lebih diutamakan dalam tindakan mereka.

Di sebalik kejadian konflik antara kaum, negara secara umumnya stabil, makmur dan harmoni. Malahan, di sebalik ketidakseimbangan yang wujud, negara telah berjaya mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Dalam arena ekonomi juga, amalan perkongsian bijak antara elit ekonomi daripada pelbagai kaum di peringkat ahli-ahli korporat telah berjaya menjana pertumbuhan sektor swasta (Maznah 2009). Elit ekonomi ini bukan sahaja bergiat cergas di negara ini, malah mereka juga memainkan peranan yang sama di peringkat global. Senario politik negara pada hari ini stabil dan rakyat pelbagai kaum telah berkongsi kuasa dalam membentuk kerajaan negara ini. Kesannya, lahir satu budaya keterbukaan dalam masyarakat negara ini yang boleh menerima, memperakui, menghormati dan berbangga dengan masyarakat yang bersifat pelbagai budaya. Mereka, tanpa mengira etnik, boleh berkongsi nilai dan pendapat awam hingga terbina hubungan silang budaya antara mereka walaupun latar belakang mereka tidak seragam dari segi budaya, bahasa dan agama.

Struktur perhubungan etnik di Malaysia selepas DEB lebih dipengaruhi oleh batas etnik yang nipis dan perhubungan antara mereka berdasarkan perkiraan bukan etnik. Punca kepada terbentuknya isu perhubungan etnik seperti manipulasi etnik adalah disebabkan kemunduran, pengangguran, kemiskinan, peminggiran dan ketidaksamarataan dalam kehidupan masyarakat. Oleh sebab itu, punca kepada konflik etnik di Malaysia pada tahap ini bukan lagi ala 13 Mei 1969 iaitu jurang ekonomi yang memisahkan etnik Melayu dan Cina, tetapi konflik di kalangan masyarakat miskin dan pinggiran, terutama di bandar. Kejadian pergaduhan seperti di Kampung Rawa, Pulau Pinang pada 1998 dan Kampung Medan, Selangor pada tahun 2001 antara Melayu dengan India menunjukkan pengurusan kumpulan miskin dan pinggiran di bandar perlu diberi perhatian utama. Jika ini ialah intipati masalah etnik di Malaysia, maka penyelesaiannya bukan asimilasi etnik tetapi pentadbiran yang cekap dalam pemerintahan negara ini.

Pengalaman perhubungan etnik di Malaysia telah membuktikan bahawa perbezaan etnik bukan penyebab berlakunya konflik antara etnik. Sebaliknya, kemunduran, ketidaksamarataan, kemiskinan dan peminggiran yang melanda rakyat dan kegagalan institusi kerajaan mengatasi masalah ini hingga menyebabkan rakyat bertindak memanipulasi faktor etnik untuk menyelesaikan masalah yang menjadi pencetus konflik antara etnik.

PERNYATAAN MASALAH

Isu-isu dalam hubungan etnik di Malaysia telah banyak berubah dalam tempoh lima dekad lalu. Kontroversi kaum di Malaysia boleh dibahagikan kepada beberapa fasa. Pada tahun 1950-an, isu kewarganegaraan dan kontrak sosial mendominasi hubungan kaum, diikuti dengan isu bahasa pada tahun 1960-an sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), manakala kuota dan urbanisasi mencorakkan hubungan etnik pada tahun 1970-an dan 1980-an. Pada tahun 1990-an dan milenium, isu-isu agama begitu kuat mempengaruhi hubungan etnik di negara ini. Jika diamati dan dibandingkan isu-isu dalam hubungan etnik di Malaysia sejak lima dekad lalu, isu agama yang muncul sejak akhir-akhir ini begitu kritikal impaknya (Baharom Mahusin 2006). Pandangan ini disokong oleh Syed Husin Ali (2008) yang menyifatkan sentimen hubungan etnik pada masa kini berada pada tahap tinggi yang boleh menyebabkan konflik dan pertumpahan darah.

Analisis Bahagian Pengurusan Perpaduan, JPNIN pada tahun 2014, pula mendapat terdapat sebanyak 3634 kes demonstrasi/protes seperti di Jadual 1 dan 2,342 isu yang dilaporkan seperti di Jadual 2 bagi tempoh 2008 hingga tahun 2013. Data di Jadual 1 menunjukkan bahawa negara mengalami situasi politik yang keterlaluan dan dimanifestasikan melalui demonstrasi dan politik. Isu yang dipolitikkan dan dilaporkan adalah kenaikan harga, ISA, hindraf, agama, babi dan tanah adat. Di peringkat komuniti pula perkara yang dilaporkan adalah yang berkaitan dengan kepentingan awam seperti kenaikan harga, agama, jenayah, babi, pekerja asing, parkir dan mat rempit. Secara keseluruhannya keharmonian masyarakat pada tahun 2009 adalah baik jika dibandingkan dengan 2008. Walaupun didapati demonstrasi / protes telah meningkat tetapi bilangan orang yang terlibat adalah kecil dan dilakukan dengan aman.

Manakala tahap keharmonian masyarakat pada tahun 2010 adalah stabil dan terkawal walaupun Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) telah meningkat sedikit iaitu dari 21.6 kes persejuta penduduk pada tahun 2009 ke 22.5 kes/persejuta penduduk. Manakala IKM bagi tahun 2008 adalah 27.9 kes/persejuta penduduk. Manakala IKM 2012 telah meningkat daripada 18.2 kes per sejuta penduduk pada tahun 2011 ke 19.9 kes per sejuta penduduk pada tahun 2012. Peningkatan 1.7 kes per sejuta penduduk ini mencerminkan peningkatan ketegangan masyarakat akibat isu agama, projek pembangunan, kerajaan dan warga asing.

Jadual 1 Taburan Kes Demonstrasi / Protes yang dilaporkan pada tahun 2008 – 2013

Demonstrasi/Protes	2008	2009	2010	2011	2012	2013	Jumlah
Sosial	150	220	322	395	429	239	1755
Ekonomi	64	75	35	159	114	131	578
Alam Sekitar	47	41	31	52	99	55	325
Pendidikan	29	23	23	61	50	28	214
Keselamatan	27	3	4	2	3	43	82
Agama	22	28	62	62	76	62	312
Politik	17	54	5	67	58	103	304
Lain-lain	42	12	0	6	0	4	64
Jumlah	398	456	482	804	829	665	3634

Sumber : Data daripada Bahagian Pengurusan Perpadua.2014. Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri.

Jadual 2 Taburan Isu yang dilaporkan pada tahun 2008 – 2013

Isu	2008	2009	2010	2011	2012	2013	Jumlah
Sosial	142	115	227	192	203	249	1128
Ekonomi	112	31	46	68	67	145	469
Alam Sekitar	9	7	12	13	13	30	84
Pendidikan	12	10	8	21	13	21	85
Keselamatan	13	1	4	1	0	3	22
Agama	119	55	67	44	46	71	402
Politik	42	6	7	6	6	32	99
Lain-lain	44	9	0	0	0	0	53
Jumlah	493	234	371	345	348	551	2342

Sumber : Data daripada Bahagian Pengurusan Perpadua. 2014. Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri.

Pernyataan masalah di atas perlu dilihat dari perspektif pelajar IPT mengenai hubungan etnik di Malaysia kerana pandangan mereka sangat signifikan sebagai pemimpin pada masa hadapan yang mencorakkan hubungan etnik.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti persepsi pelajar UKM terhadap hubungan etnik di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif mengenai persepsi di kalangan pelajar di UKM. Menurut Wiersma (1995) kaedah ini merupakan antara kaedah yang baik jika kajian tersebut merupakan satu kajian yang ingin mengukur atau menilai sikap, persepsi dan pencapaian sesuatu program. Maka, satu set soal selidik disediakan bagi tujuan tersebut yang dibina sendiri oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian. Menurut Tuckman (1999), soal selidik merupakan cara yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden.

Responen adalah terdiri dari pelajar yang mengambil kursus Hubungan Etnik di UKM. Jumlah responden adalah seramai 618 berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Instrumen kajian yang digunakan untuk pengumpulan data dalam kajian ini ialah satu set soal selidik. Semua soalan berbentuk positif dan responden dikehendaki menyatakan persepsi mereka mengikut skala *Likert*.

Dalam kajian ini, Kebolehpercayaan soal selidik berdasarkan nilai Alpha Cronbach adalah antara 0.0 hingga 1.0. Menurut Mohd Majid (1990), nilai Alpha Cronbach melebihi 0.60 sering digunakan sebagai indeks kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan. Oleh itu, dalam kajian ini, penyelidik telah menetapkan nilai Alpha Cronbach melebihi 0.60 sebagai nilai kebolehpercayaan bagi setiap bahagian soal selidik yang diuji. Seterusnya, untuk menentukan nilai kebolehpercayaan bagi soal selidik yang telah disediakan, penyelidik telah menjalankan kajian rintis. Didapati nilai Alpha Cronbach yang diperoleh bagi kesemua item soalan adalah melebihi 0.6. Oleh itu, soal selidik yang dibina untuk menjalankan kajian ini adalah sesuai digunakan.

Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 21. Statistik deskriptif digunakan bagi menerangkan latar belakang responden dan menganalisis persepsi pelajar tentang hubungan etnik di Malaysia.

ANALISIS DATA

Kajian ini melibatkan seramai 618 orang responden yang terdiri daripada 449 orang responden wanita (72.7%) dan 167 orang lelaki (27%). Baki 2 orang lagi responden tidak dapat dikenalpasti kerana tidak menjawab ruangan jantina yang disediakan (*missing*).

Jadual 3: Jantina

	Kekerapan	Peratus
Lelaki	167	27
Perempuan	449	72.7
<i>Missing</i>	2	0.3
Jumlah	618	100

Jadual 4 menunjukkan responden kajian yang bersekolah di sekolah menengah dengan majoriti pelajar Melayu ialah 46.1%, diikuti sekolah menengah pelbagai etnik 37.2%, dan lain-lain 13.4%. Sebanyak 2.4% responden bersekolah di sekolah menengah jenis kebangsaan Cina.

Jadual 4: Jenis sekolah menengah

	Kekerapan	Peratus
SMK Majoriti Melayu	285	46.1
SMJK C	15	2.4
SMK Pelbagai Etnik	230	37.2
Lain-Lain	83	13.4
<i>Missing</i>	5	0.8
Jumlah	618	100

Sementara itu, majoriti responden yang beragama Islam telah menyertai kajian ini iaitu sebanyak 82.7%, diikuti dengan responden yang beragama Buddha (8.3%) serta agama Hindu dan Kristian masing-masing mempunyai nilai peratus yang sama iaitu 3.6% seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: Agama

	Kekerapan	Peratus
Islam	511	82.7

Kristian	22	3.6
Hindu	22	3.6
Buddhisme	51	8.3
Taoisme	3	0.5
Lain-Lain	5	0.8
<i>Missing</i>	4	0.6
Jumlah	618	100

Majoriti etnik Melayu telah melibatkan diri dalam kajian ini iaitu 78.8%, manakala hanya 11.8% sahaja responden yang berbangsa Cina dan 4.9% India. Lihat Jadual 6 di bawah.

Jadual 6: Bangsa

	Kekerapan	Peratus
Melayu	487	78.8
Cina	73	11.8
India	30	4.9
Lain-Lain	24	3.9
<i>Missing</i>	4	0.6
Jumlah	618	100

Jumlah responden yang mempunyai bilangan rakan etnik lain melebihi 30 orang adalah sebanyak 32.5%, diikuti 0 hingga 10 orang (28.8%) dan 11 hingga 20 orang (24.4%). Sebanyak 11% daripada responden kajian mempunyai bilangan rakan etnik lain di antara 21 hingga 30 orang. Lihat Jadual 7 di bawah.

Jadual 7: Bilangan rakan etnik lain

	Frequency	Percent
0-10 orang	178	28.8
11-20 orang	151	24.4
21-30 orang	68	11
Lebih dari 30 orang	201	32.5
<i>Missing</i>	20	3.2

Jumlah	618	100
--------	-----	-----

Jadual 8 menunjukkan bilangan rakan etnik lain yang dimiliki responden dalam akaun Facebook mereka, di mana 41.7% mempunyai rakan etnik lain melebihi 30 orang, 21% antara 11-20 orang dan 19.3% pula 0 hingga 10 orang.

Jadual 8: Bilangan rakan etnik lain (dalam Facebook)

	Kekerapan	Peratus
0-10 orang	119	19.3
11-20 orang	130	21
21-30 orang	90	14.6
Lebih dari 30 orang	258	41.7
<i>Missing</i>	21	3.4
Jumlah	618	100

Sebanyak 44.3% responden kerap ataupun selalu bertemu dengan etnik lain, manakala 26.7% jarang berjumpa, 18.9% sangat selalu dan hanya 7% sahaja yang amat jarang bertemu rakan dari etnik lain seperti dalam Jadual 9.

Jadual 9: Kekerapan bertemu etnik lain

	Kekerapan	Peratus
Amat jarang	43	7
Jarang-jarang	165	26.7
Selalu	274	44.3
Sangat selalu	117	18.9
<i>Missing</i>	19	3.1
Jumlah	618	100

Jadual 10 menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi soalan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia secara umumnya hidup dalam keadaan aman damai, di mana 69.1% responden bersetuju bahawa masyarakat pelbagai etnik di Malaysia secara umumnya hidup dalam keadaan aman damai. Selain itu, 20.7% responden sangat bersetuju, manakala hanya 9.1% tidak bersetuju.

Jadual 10: Masyarakat pelbagai etnik di Malaysia secara umumnya hidup dalam keadaan aman damai

	Kekerapan	Peratus
Sangat Tidak Setuju	2	0.3
Tidak Setuju	56	9.1
Setuju	427	69.1
Sangat Setuju	128	20.7
<i>Missing</i>	5	0.8
Jumlah	618	100

Seperti yang dapat diperhatikan dalam Jadual 11, sebanyak 51.9% daripada responden kajian bersetuju bahawa Malaysia adalah sebuah negara berbilang etnik yang boleh menjadi contoh kepada negara-negara lain. Hanya 3.2% responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Jadual 11: Malaysia adalah sebuah negara berbilang etnik yang boleh menjadi contoh kepada negara-negara lain

	Kekerapan	Peratus
Sangat Tidak Setuju	2	0.3
Tidak Setuju	20	3.2
Setuju	321	51.9
Sangat Setuju	271	43.9
<i>Missing</i>	4	0.6
Jumlah	618	100

Jadual 12 menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi item di mana lebih separuh daripada responden iaitu 53.9% bersetuju bahawa mereka memahami kepentingan Bahasa Melayu sebagai bahasa penyatuan. Sementara itu, 41.4% sangat bersetuju dan 3.4% sahaja yang tidak bersetuju.

Jadual 12: Kepentingan Bahasa Melayu sebagai bahasa penyatuan

	Kekerapan	Peratus
Sangat Tidak Setuju	3	0.5
Tidak Setuju	21	3.4
Setuju	333	53.9

Sangat Setuju	256	41.4
<i>Missing</i>	5	0.8
Jumlah	618	100

Jadual 13 menunjukkan kekerapan dan peratusan , di mana 55.8% responden bersetuju bahawa agama berupaya menyatupadukan pelbagai etnik di Malaysia, diikuti 36.9% sangat bersetuju, dan 5.5% tidak bersetuju.

Jadual 13: Agama berupaya menyatupadukan pelbagai etnik di Malaysia

	Kekerapan	Peratus
Sangat Tidak Setuju	5	0.8
Tidak Setuju	34	5.5
Setuju	345	55.8
Sangat Setuju	228	36.9
<i>Missing</i>	6	1
Jumlah	618	100

Responden kajian yang bersetuju dan percaya bahawa kefahaman terhadap budaya pelbagai etnik dapat mengukuhkan perpaduan, adalah sebanyak 56.3%, diikuti 40% sangat bersetuju serta 2.3% yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini seperti dalam Jadual 14.

Jadual 14: Kefahaman terhadap budaya pelbagai etnik dapat mengukuhkan perpaduan

	Kekerapan	Peratus
Sangat Tidak Setuju	2	0.3
Tidak Setuju	14	2.3
Setuju	348	56.3
Sangat Setuju	247	40
<i>Missing</i>	7	1.1
Jumlah	618	100

Jadual 15 menunjukkan separuh daripada responden iaitu 59.7%, bersetuju bahawa mereka percaya hak-hak yang diperuntukkan di bawah perlombagaan persekutuan dapat melindungi rakyat pelbagai etnik di

Malaysia. Selain itu, 34.3% pula sangat bersetuju, manakala hanya 4.5% sahaja yang tidak bersetuju.

Jadual 15: Hak-hak yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dapat melindungi rakyat pelbagai etnik di Malaysia

	Kekerapan	Peratus
Sangat Tidak Setuju	3	0.5
Tidak Setuju	28	4.5
Setuju	369	59.7
Sangat Setuju	212	34.3
<i>Missing</i>	6	1
Jumlah	618	100

Jadual 16 menunjukkan kekerapan dan peratusan, di mana 57.9% responden bersetuju serta percaya bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia diagihkan dengan adil dan saksama untuk semua etnik. Sebanyak 28.5% daripada responden tersebut sangat bersetuju, manakala 10% tidak bersetuju.

Jadual 16: Pertumbuhan ekonomi Malaysia di agihkan dengan adil dan saksama untuk semua etnik

	Kekerapan	Peratus
Sangat Tidak Setuju	15	2.4
Tidak Setuju	62	10
Setuju	358	57.9
Sangat Setuju	176	28.5
<i>Missing</i>	7	1.1
Jumlah	618	100

Dapat diperhatikan dalam Jadual 17, sebanyak 64.1% daripada responden bersetuju dan percaya bahawa perkongsian kuasa politik antara etnik adalah amalan terbaik bagi mencapai hubungan etnik yang erat dan memupuk perpaduan. Sebaliknya hanya 5.1% responden yang tidak bersetuju.

Jadual 17: Percaya bahawa perkongsian kuasa politik antara etnik adalah amalan terbaik bagi mencapai perpaduan

	Kekerapan	Peratus
Sangat Tidak Setuju	4	0.6
Tidak Setuju	35	5.7
Setuju	396	64.1
Sangat Setuju	176	28.5
<i>Missing</i>	7	1.1
Jumlah	618	100

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Perbincangan di atas menjelaskan iaitu pertama, hasil kajian menunjukkan pelajar universiti menerima hakikat bahawa mereka perlu belajar dan hidup dalam suasana masyarakat pelbagai etnik, agama dan budaya. Pelajar universiti terdiri dari pelajar Melayu, Cina dan India, Bumiputera Sabah dan Sarawak dan etnik lain lagi. Mereka juga menganut pelbagai agama dan datang dari pelbagai latar belakang seperti bandar dan luar bandar, aliran pendidikan sekolah rendah dan menengah, program pengajian, kelulusan masuk universiti, golongan berpendapatan tinggi dan rendah dan sebagainya. Analisis data menunjukkan bahawa majoriti pelajar UKM menerima kepelbagaian etnik yang wujud dengan mempunyai bilangan rakan etnik yang berlainan sama ada dalam kehidupan sehari-hari maupun di alam maya. Mereka juga kerap bertemu melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, kolej kediaman, dan khidmat kesukarelaan.

Kedua, dapatan kajian menunjukkan faktor-faktor etnik, agama, aliran pendidikan sekolah rendah dan menengah sangat mempengaruhi persepsi pelajar terhadap hubungan etnik di Malaysia. Maka, faktor-faktor ini sangat signifikan dalam mewarnai hubungan etnik di Malaysia kerana ia membangkitkan orientasi, nilai, sikap dan sosiologi budaya dalam sesebuah etnik. Perbezaan yang ketara dari faktor-faktor ini menjadikan hubungan etnik di kampus sebagai satu agenda yang patut diberi keutamaan oleh pengurusan universiti.

Ketiga, pelajar menerima realiti yang berlaku di Malaysia iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, Islam sebagai agama persekutuan, perlembagaan menjamin hak setiap rakyat Malaysia dan kekayaan ekonomi diagihkan secara adil dan saksama. Ini menjelaskan bahawa walaupun isu-isu agama, bahasa dan pengagihan kekayaan

sekonomi negara sering kali dibangkitkan dalam masyarakat semacam menimbulkan konflik antara etnik, tetapi isu tersebut tidak mempengaruhi pelajar. Sebaliknya pelajar menerima apa yang termaktub dalam perlembagaan berkaitan dengan agama dan bahasa.

Ketiga, pelajar UKM juga berbangga bahawa Malaysia, walaupun terdiri dari pelbagai etnik, masih mampu menjadi contoh kepada negara luar dalam mengurus kepelbagaian etnik. Memang tidak dapat dinafikan bahawa di media massa, seolah-olah berlaku konflik antara etnik di Malaysia khususnya berkenaan dengan isu keagamaan, tetapi perkara ini tidak lebih kepada apa yang diistilah sebagai rakyat Malaysia lebih suka bertikam lidah, tetapi tidak bertikam parang. Ini membuktikan rakyat Malaysia matang dalam mengurus kepelbagaian yang wujud.

Keempat, pelajar UKM bersetuju bahawa kefahaman terhadap budaya lain, kefahaman terhadap agama lain dan konsep perkongsian kuasa dapat mengeratkan hubungan etnik dan seterusnya mampu memupuk perpaduan kaum di Malaysia. Maka, memahami budaya dan agama etnik lain melalui kursus-kursus akademik, dialog, seminar, persidangan meja bulat, amat digalakkan ke arah pengukuhan hubungan etnik di Malaysia. Sebagai contoh, kajian oleh Khalim, Taip dan Zulkifli (2010) menunjukkan bahawa pengajaran kursus hubungan etnik memberikan kesan terhadap peningkatan pengetahuan terhadap etnik lain di Malaysia. Begitu juga, konsep perkongsian kuasa amat sesuai diamalkan di Malaysia seperti yang telah diterapkan oleh parti pemerintahan sekarang ini.

Justeru, adalah dicadangkan supaya interaksi yang lebih kerap antara pelbagai etnik dianjurkan agar dapat mengecilkan jurang pemisah antara etnik, sikap prejudis, rasisme dan etnosentrisme. Khususnya di IPT, maka langkah berikut perlu diambil kira iaitu:

- a. Memupuk kesedaran kepada para pelajar pentingnya interaksi antara etnik dengan memasukkan unsur-unsur interaksi sebagai agenda universiti seperti menjelaskan dalam buku panduan pelajar dan minggu suai kenal.
- b. Memastikan aktiviti kurikulum seperti mewajibkan tutorial dan tugas pelajar secara berkumpulan mestilah terdiri daripada pelbagai etnik dan pemahaman budaya dan agama merentasi kurikulum.
- c. Melaksanakan pelbagai aktiviti kokurikulum yang melibatkan pelbagai etnik seperti projek pelajar, persatuan pelajar dan sebagainya melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar di setiap universiti.

- d. Membuat Dasar Penginapan Kampus di mana melalui dasar ini pelajar disyaratkan tinggal minimum satu sesi akademik dengan pelajar yang berlainan etnik dan agama.
- e. Memastikan tren penubuhan IPT yang menjurus ke arah satu etnik sahaja perlu dielakkan khususnya di IPTS.

KESIMPULAN

Setiap lapisan masyarakat khususnya generasi muda perlu sentiasa berlapang dada dalam menghadapi sesuatu isu yang melibatkan hubungan etnik di Malaysia. Di samping itu, Islam menganjurkan agar menerima perbezaan agama dan etnik sebagai satu yang lumrah dalam manusia seperti Surah al-Baqarah 49:13, yang bermaksud:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenalan-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong (2001), *Southeast Asian Middle Classes: Prospect For Sosial Change and Democratization*. Bangi: Penerbit UKM.
Lihat juga Johan Saravanamuttu (1992), The state, ethnicity and the middle class factor: Addressing non-violent change in Malaysia. In Kumar Rupasinghe. *Internal Conflict and Government*. London: Macmillan.
- Al-Quran al-Karim (2006), *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Dar al-Kitab.
- Bahagian Pengurusan Perpadua. 2014. Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri.
- Baharom Mahusin (2006), Arah Hubungan Kaum Di Malaysia. *Utusan Malaysia*, 26 November.
- Chamil Wariya (2007), *Malaysia: 50 Fakta Asas Kenegaraan*. Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sdn. Bhd.

- Cheah Boon Kheng (2004), *The Challenge of Ethnicity: Building a Nation in Malaysia*. Singapore: Marshall Cavendish Academic.
- Cheah Boon Kheng (2009), Race and ethnic relations in Colonial Malaya during the 1920s and 1930s. In Lim Teck Ghee, Alberto Gomes and Azly Rahman. *Multieethnic Malaysia: Past, Present and Future*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Chin Yi Mun (2013). Ethnic Socialization: A Case of Malaysian Malay and Chinese Public Universities Students Experiences. *International Journal of Social Science and Humanity*, 3(6), 582-585.
- Coppel, C. A. (1997), Revisiting Furnivall's 'plural; society': Colonial Java as a mestizo society. *Ethnic and Racial Studies*. 20(3): 563-579
- Emerson, R. (1979), *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Hashim Musa (2005), *Pemerksaan Tamadun Melayu Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hek Pek Hoon (1998), Chinese responses to Malay hegemony in Peninsular Malaysia (1957-1996). In Zawawi Ibrahim. *Cultural Contestations: Mediating Identities a Changing Malaysian Society*. London: Asean Academic Press.
- INTAN (1992), *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Johan Saravanamuttu (2009), The great middle class debate: Ethnicity, politics or lifestyle? In Lim Teck Ghee, Alberto Gomes and Azly Rahman. *Multieethnic Malaysia: Past, Present and Future*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais Saniman (2005), *Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Khoo Kay Kim (1972), *The Western Malay States, 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics*. Singapore: Oxford University Press.
- Khoo Kay Kim (1979), Semenanjung Tanah Melayu: Suatu kajian politik 1900-1941. Dlm. Zainal Abidin Abdul Wahid. *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim (1987), *Kenegaraan 30 Tahun: Satu Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.

- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970), Determining sample size for research activities. *Educational and Psychology Measurement*. 30(3).
- Leong H. Liew (2003), Ethnicity and class in Malaysia. Dlm. Colin Mackerras. *Ethnicity in Asia*. London: Routledge Curzon.
- Lian Kwen Fee (2006), Race and racialization in Malaysia and Singapore. Dlm. Lian Kwen Fee. *Race, Ethnicity and The State in Malaysia and Singapore*. Leiden: Brill.
- Khalim Zainal, Taip Abu dan Zulkifli Muhamad. (2010). The effect of ethnic relations course on the students perceptions towards ethnic relations among first year students of one public university in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 2(2), 3596-3599.
- Mansor Mohd Noor (1999), Crossing ethnic borders in Malaysia: Measuring the fluidity of ethnic boundary and group formation. *Akademika*, 55: 61-82.
- Mansor Mohd Noor (2006), Transformasi perhubungan etnik di Malaysia. Dlm. Zaharah Hassan, Abdul Latif Samian dan Abu Daud Silong. *Readings on Ethnic Relations in a Multicultural Society*. Serdang: Penerbit UPM.
- Maznah Mohamad (2009), Politics of the NEP and ethnic relations in Malaysia. In Lim Teck Ghee, Alberto Gomes and Azly Rahman. *Multiethnic Malaysia: Past, Present and Future*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam (1998), *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Syed Husin Ali (2008), *The Malays: Their Problem and Future*. Petaling Jaya: The Others Press.
- Tuckman, B.W. (1999), *Conducting Educational Research*. Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Wiersma, W. (1995), *Research Methods in Education: An Introduction*. Boston Allyn and Bacon.

* Nazri Muslim
Pusat Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia.
Mel-e: nazrim@ukm.edu.my

Al-Hikmah 8(2) 2016: 60-80

Metod Dakwah Mohd Fadli Yusof dalam Pengislaman Suku Kaum Masyarakat Murut di Pedalaman Sabah

The Method of Da'wah by Mohd Fadli Yusof in the Islamization of the Murut Community in the Interior of Sabah

ABD HADI BORHAM*
WAHYU HIDAYAT ABDULLAH
MOHAMAD MARZUQI ABDUL RAHIM
MUHAMMAD AKRAMIN KAMARUZAMAN

ABSTRAK

Suku kaum Murut merupakan salah satu etnik pribumi yang kedua terbesar dan tertua di negeri Sabah. Masyarakat Murut masih kurang beragama Islam berbanding Kristian khususnya di pedalaman Sabah. Dalam konteks ini, Mohd Fadli Yusof merupakan seorang pendakwah bebas telah mendekati masyarakat non-muslim khususnya daripada suku kaum Murut di pedalaman Pensiangan Sabah sejak tahun 2011. Beliau telah berjaya mengislamkan seramai 269 non-muslim di pedalaman Sabah, yang terdiri daripada suku kaum Murut. Bagi melihat perkara tersebut, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti metod dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman suku kaum masyarakat Murut di pedalaman khususnya di Pensiangan. Reka bentuk kajian yang digunakan secara kualitatif dengan kaedah pemerhatian ikut serta dan temu bual berdasarkan persampelan bertujuan. Pemilihan responden juga melibatkan pelbagai pihak bagi mengukuhkan kesahan data. Hasil kajian menunjukkan metod dakwah Mohd Fadli Yusof yang dikenal pasti ialah memahami psikologi mad'u, menarik psikologi mad'u dengan kelainan dan kesamaan, membina hubungan sosial yang baik dengan golongan mad'u, menggunakan komunikasi berhemah dan menarik psikologi mad'u dengan masjid. Dakwah beliau telah diterima baik oleh golongan mad'u dalam suku kaum Murut yang beragama Kristian dan pagan. Dapatan ini juga menunjukkan pengislaman tersebut telah meningkatkan jumlah pengikut Islam dalam kalangan suku kaum Murut di Sabah.

Kata Kunci: Metod dakwah, Mohd Fadli Yusof, Murut, Pedalaman Sabah

ABSTRACT

Murut is the second largest and oldest ethnic in Sabah. The populations of muslims Murut are small than Christians especially in the interior of Sabah. Regarding this matter, Mohd Fadli Yusof is an independent dā'i who has been approaching to the Murut's community in the rural area of Sabah since 2011. He was succeeded to convert 269 of non-Muslims Muruts in two years (2011 to 2013). Therefore, this study aims to identify the da'wah method by Mohd Fadli Yusof in the rural areas of Sabah. The research methodology used the qualitative through by participation observation method and interviewing selected informants through purposive sampling. The results showed that the three da'wah methods identified, build social connection with Murut peoples, understanding psychological of Murut, and attract the psychological of Murut with different, similarities aspects and mosque. The findings of this study showed an increase of muslims among the Murut ethnic in the interior of Sabah.

Keywords: *Da'wah method, Mohd Fadli Yusof, Murut ethnic, Interior of Sabah*

PENDAHULUAN

Metod merupakan suatu perkara yang penting dalam dakwah bagi memastikan mesej diterima dengan berkesan oleh golongan *mad'ū*. Di dalam al-Quran, Allah s.w.t memerintahkan Nabi s.a.w menyampaikan dakwah kepada manusia dengan beberapa metod yang berkesan, antaranya berdasarkan ayat 125, surah al-Nahl. Dalam ayat ini, terdapat tiga metod dakwah yang telah ditunjukkan iaitu metod secara hikmah(*al-hikmah*), nasihat yang baik (*maw'izah hasanah*) dan dengan perbincangan, dialog dan perbahasan yang cara terbaik(*mujādalah*). Ketiga-tiga metod ini merupakan asas utama dalam dakwah. Menelusuri sirah, Nabi s.a.w telah menunjukkan ketiga-tiga metod tersebut dalam dakwah kepada golongan mushrikin. Baginda s.a.w dilihat sangat cermat dan teliti dalam memastikan metod dakwah adalah tepat dengan golongan Sasaran. Ini menunjukkan metod memainkan faktor besar dalam keberkesanan dakwah, khususnya golongan non-muslim. Walau bagaimanapun, ketidaktepatan metod boleh menyebabkan mesej dakwah tidak dapat diterima dengan baik oleh golongan *mad'ū* (Osman Abdullah 2008:100). Salah satu faktor tersebut ialah kekurangan pendakwah mahir (*expertise*) dan berpengalaman terutamanya dalam konteks dunia moden yang memerlukan metod dakwah yang sistematis dan berkesan (Mohd Yusof 2009:104-105). Pendakwah tidak terbatas kepada golongan agamawan semata-mata, tetapi memerlukan penglibatan kumpulan-kumpulan lain dalam mengembangkan metod-

metod dakwah lain yang diperhalusi dengan tepat (Syed Othman 1998:109).

Dalam konteks ini, negeri Sabah merupakan negeri yang mempunyai pelbagai suku kaum etnik di Malaysia. Penduduk Sabah terdiri daripada 33 kumpulan pribumi yang berkomunikasi dalam lebih 50 bahasa dan 80 dialek etnik. Manakala tiga agama yang mempunyai pengikut teramai iaitu Islam, Kristian dan Buddha (Laman sesawang Kerajaan Negeri Sabah). Profil ringkas ini menunjukkan Sabah mempunyai kehidupan masyarakat yang majmuk dari sudut agama, bangsa, suku kaum dan budaya. Kepelbagaiannya ini tidak menghalang masyarakat muslim dan non-muslim di Sabah berinteraksi secara harmoni dan aman. Bahkan dakwah kepada kumpulan pribumi sentiasa dijalankan dengan baik-sama ada melalui organisasi ataupun pendakwah perseorangan.

Pendakwah orang perseorangan dalam pengislaman dikatakan mempunyai peranan dan sumbangan yang signifikan dalam dakwah di Malaysia. Perkembangan dakwah di kawasan *urban* khususnya dalam era 1970-1980-an telah melahirkan individu-individu yang memberikan impak kepada gerakan dakwah lain di kawasan luar bandar atau pedalaman (*rural communities*) sehingga hari ini. Dakwah *urban* telah menyediakan medium yang tersusun dalam organisasi dan orang perseorangan untuk bergerak dengan lebih meluas di seluruh negara(Nagata 1986:41-45). Tambahan pula, pembangunan kemudahan perhubungan dan pengangkutan yang semakin meningkat membolehkan para pendakwah bergerak dan menyampaikan risalah dakwah dengan meluas di bandar dan luar bandar (Muhammad Abu Bakar 1987:75). Di atas faktor ini, ramai tokoh-tokoh pendakwah di lapangan mula menjadi perhatian. Pelbagai metod dakwah yang digunakan supaya kefahaman, kesedaran dan pengislaman dapat berkembang luas dalam seluruh peringkat masyarakat di Malaysia selaras dengan prinsip syariat.Oleh itu, tulisan ini meninjau secara lapangan metod dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman suku kaum masyarakat Murut di pedalaman Sabah.

LATAR BELAKANG SUKU KAUM MURUT DI PEDALAMAN SABAH

Tulisan awal berkaitan asal usul suku kaum Murut tidak berlandaskan kajian yang sistematik dan banyak ditonjolkan dengan amalan budaya dan adat, lokaliti, bahasa dan mempunyai persamaan fizikal dengan etnik lain. Woolley (1936) menyatakan istilah Murut telah diberikan oleh orang

Brunei atau pengkaji-pengkaji Barat lain dan ia telah digunakan secara menyeluruh kepada suku kaum Murut yang mempunyai sub-sub kaum tersendiri. Kebanyakan mereka mendiami persisiran sungai dan terdapat segelintir sub-sub kaum Murut dinisbahkan dengan nama sungai (*National History Publications (Borneo, 2004)*). Sebahagian pengkaji menyatakan istilah Murut berasal daripada perkataan ‘Belud’ dalam bahasa Bajau yang bermaksud gunung atau kawasan perbukitan(Siti Aidah 2007:12-13).

Hose dan McDougall (1912) menyatakan kaum Murut mempunyai persamaan fizikal dan amalan budaya dengan kaum Mois di Annam. Rutter (1922) menyebutkan Murut mempunyai pertalian dengan kaum asli dari tanah tinggi Burma dan Formosa.Mereka berasal daripada Annam dan berhijrah ke Borneo melalui Kepulauan Filipina. Mereka adalah kumpulan pagan yang terbesar di Borneo Utara dan dipercayai penduduk asal Borneo (Ismail Ibrahim 2012:2). Suku kaum Murut mempunyai kaitan dengan Murut Indonesia, Sarawak, Brunei dan Sabah. Suku kaum Murut Sabah tersebar di seluruh selatan Sabah dan beberapa bahagian utara Kalimantan. Mereka termasuk suku Tahol (Tagal) atau Semambu, Timogun, Paluan, Bookan, Gana, Murut Keningau, Murut Beaufort, Murut Kalabakan, Okolod, Murut Selungai, Murut Sembakung dan Murut Serudung (Jacqueline 2012:25).

Mengikut tradisi, komuniti Murut menetap di sepanjang sistem sungai di kawasan pedalaman Sabah. Murut Timogun, Bookan dan Murut Keningau dikenali sebagai Murut Tanah Rendah kerana mereka membina rumah panjang, pondok-pondok di pinggir sungai dan kuala sebagai tempat kediaman yang tidak jauh dari tebing sungai (Jacqueline 2012:26). Sebahagian daripada mereka mendiami kawasan bukit seperti Tahol (Tagal) dan Paluan, kecuali suku kaum Murut di daerah Beaufort iaitu kawasan Lembah Padas, kaum ini menduduki kawasan rendah (Siti Aidah 2007:12-13). Kebanyakan Murut tinggal di kawasan berbukit-bukit, bergunung-ganang dan berhutan rimba ataupun disebut Murut tanah tinggi (Mat Zin Mat Kib 2003:28). Kajian penulis Barat lebih mengengahkan suku kaum ini sebagai etnik yang mendiami kawasan tanah tinggi dan rendah yang mendiami kawasan di utara Sarawak dan kawasan pedalaman Sabah.Ini menunjukkan terdapat sekurang-kurangnya dua rumpun besar dalam masyarakat Murut iaitu suku kaum Murut yang mendiami dataran tanah tinggi dan dataran tanah rendah (Ismail Ibrahim 2012:4).

KumpulanMurut yang mendiami tanah tinggi adalah golongan yang paling ramai. Sekurang-kurangnya terdapat beberapa suku kaum Murut yang mendiami kawasan tanah tinggi sepertiMurut Paluan, Murut Tahol, Murut Timugon, Murut Dalit, Murut Sembakung, Murut Selungai

dan lain-lain. Murut Paluan tinggal di kawasan tanah tinggi berhampiran sungai Padas di Tenom dan berkembang ke timur kawasan lembah Sungai Dalit di sempadan Sook dan seterusnya berkembang ke barat bersempadan Sipitang. Murut Dalit mendiami kawasan Dalit dan Sook dan telah berkembang di sepanjang Sungai Penawan. Murut Tahol menduduki kawasan Bole, Kemabong, Tenom dan Tomani. Murut Kolor tinggal di kawasan sempadan di kawasan Bole dan Sipitang. Murut Sapulut menduduki tanah tinggi di selatan Sook hingga ke Sungai Sapulut. Murut Pensiangan menduduki kawasan Sapulut, tenggara Serudong dan Sungai Kalabakan. Murut Tenggara mendiami kawasan Ulu Sungai Kinabatangan berkembang ke Ulu Sungai Kuamut atau dikenali Murut Kinabatangan (Ismail Ibrahim 2012:7). Kebanyakan sub-sub suku kaum Murut di Sabah boleh ditemui di kawasan Keningau, Tenom, Pensiangan, Kalabakan dan Kinabatangan (Mohd Noor Abdullah 1976:23). Mereka mempunyai kaitan dengan suku kaum Murut di Kalimantan Indonesia seperti suku kaum Murut yang tinggal di Pensiangan, Nabawan, Tenom, Kemabong, Sipitang, di sepanjang Sungai Padas/Melgan, Tulid, di bahagian selatan Keningau, Batu Punggul, Sook, Sapulut atau Sepulut, Melalap, Tomani di estet Sapong hingga sempadan Indonesia (Mat Zin 2003:27-28).

Pada tahun 2010, Jabatan Perangkaan Malaysiatelah merekodkan populasi suku kaum Murut di seluruh Sabah sebanyak 102,393 orang. Populasi mereka agak rendah berbanding dengan masyarakat Kadazan atau Dusun dan Bajau di Sabah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 (Jabatan Perangkaan 2010:45). Sebanyak 83 peratus daripada keseluruhan kaum Murut di Sabah mendiami kawasan pedalaman di Sabah. Di kawasan Tenom, jumlah suku kaum Murut sebanyak 29,169, Nabawan atau Pensiangan sebanyak 25,096, Keningau sebanyak 29,682 dan Tambunan sebanyak 446 orang.

Jadual 1: Suku Kaum Murut di Pedalaman

Bil.	Kawasan	Jumlah
1	Tenom	29,169
2	Nabawan	25,096
3	Keningau	29,682
4	Tambunan	446
Jumlah Keseluruhan		84,393

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selain itu, suku kaum Murut mempunyai cara kehidupan yang sangat mementingkan kekeluargaan. Mereka berusaha mengeratkan hubungan antara satu sama lain melalui perkahwinan dan tidak menggalakkan perkahwinan dengan kaum lain atau orang luar. Anak-anak mereka digalakkan berkahwin dengan mereka yang sekaum atau di sebut ‘pahaka’ (Ismail Ibrahim 2012:24). Menurut Harris (1991), istilah *pahaka* atau sanak saudara merujuk kepada semua sanak saudara dwisisi seseorang individu. Seseorang individu mempunyai kewajipan terhadap mana-mana anggota *pahakanya* dan mesti memberikan apa-apa jua yang mereka minta (Jacqueline 2012:68). Bagi masyarakat Murut Timogun, perkahwinan secara monogami yang sering diamalkan, manakala Murut Tahol perkahwinan secara poligini boleh dilakukan. Walau bagaimanapun mereka tetap menghormati bentuk perkahwinan yang diamalkan ini sebagai asas pengukuhan sistem adat suku kaum.

Dari sudut kehidupan sosioekonomi, suku kaum Murut mengamalkan aktiviti penanaman padi huma, mengamalkan pertanian pindah, perternakan dan memungut hasil-hasil hutan seperti rotan, damar, sarang burung dan sebagainya. Mereka juga terkenal sebagai pemburu yang handal menggunakan sejenis alat yang dikenali sebagai sumpit dan memiliki anjing perburuan (Siti Aidah 2007:13). Haiwan buruan yang menjadi sasaran ialah ulak (babu), rusa, pelanduk, monyet dan burung dan lain-lain. Haiwan buruan tersebut biasanya disalai untuk membolehkan daging tersebut disimpan dalam jangka masa yang lama ataupun dikenali daging peram untuk dijadikan jeruk. Jeruk daging ini menjadi kegemaran mereka untuk dihidangkan di majlis perkahwinan (*ansakoi*), majlis meminang dan majlis habis berpantang kematian (Ismail Ibrahim 2012:20).

Selepas kedatangan British di pedalaman, masyarakat Murut telah mempunyai beberapa peluang pekerjaan yang baik seperti memberikan peluang pendidikan untuk mengisi jawatan sebagai pentadbir, mengatur sistem ekonomi melalui perdagangan dan pertukaran barang. Walau bagaimanapun pihak British telah berhadapan dengan tantangan dalam memperkenalkan dan melaksanakan pentadbiran serta pembangunan sosioekonomi masyarakat Murut di pedalaman (Ranjit Singh 2003:34). Pada tahun 1910, Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (BNBCC) mula membina pejabat daerah di kawasan masyarakat Murut Tahol. Mereka mengenakan cukai kepala ke atas penduduk dan memaksa mereka menyediakan tenaga buruh untuk membina laluan pejalan kaki dan talian telegraf ke Tenom. Tindakan ini membangkitkan kemarahan dan seorang penduduk bernama Ontoros atau dikenali Antanum mengetuai penentangan terhadap Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (BNBCC).

Mereka telah menyerang pihak BNBCC dan melarikan beberapa kepala pekerja syarikat di Rudum. Pihak syarikat bertindak balas dengan serangan tersebut dan akhirnya Antanum ditangkap dan dihukum bunuh (Jacqueline 2012:60).

Oleh itu, daripada perbincangan diatas dapat dinyatakan suku kaum Murut merupakan etnik kedua terbesar dan tertua di negeri Sabah. Suku kaum Murut mempunyai sub-sub etnik tersendirid dan dikenali dengan kumpulan yang tinggal di tanah tinggi dan tanah rendah. Kebanyakan masyarakat Murut tinggal di kawasan pedalaman Sabah seperti di Tenom, Nabawan, Pensiangan dan lain-lain. Populasi masyarakat Murut di Sabah sebanyak 102,393 orang dan 83 peratus menetap di kawasan pedalaman Sabah. Mereka mempunyai sistem kehidupan yang bersandarkan kepada adat dan sangat mementingkan hubungan kekeluargaan. Majoriti masyarakat Murut di pedalaman mengamalkan cara hidup sebagai petani, penternak, pemburu dan memungut hasil-hasil hutan.

KEPERCAYAAN BERAGAMA SUKU KAUM MURUT

Sebahagian besar masyarakat Murut sudah beragama Kristian dan Islam, namun mereka masih mempunyai kepercayaan animisme berlandaskan adat budaya hidup di pedalaman. Mereka masih percaya kejadian langit dan bumi dicipta oleh Aki Aulung. Aki Aulung dianggap berkuasa, datuk segala kejadian, mempunyai kuas tertinggi dan menentukan segala keadaan di bumi dan langit. Dipercayai Aki Aulung mencipta langit dan bumi serta seluruh isi alam selama tujuh hari tujuh malam. Aki Aulung juga telah mencipta manusia daripada tanah liat. Manusia pertama yang dicipta Aki Aulung dipanggil Arom dan manusia kedua dipanggil Awa bagi menemani Arom hidup di dunia (Ismail Ibrahim, 2012:38-39).

Suku kaum Murut mempunyai amalan ritual tersendiri, antaranya ialah Amparawak. Amalan ini merupakan satu upacara yang dilakukan untuk mengubati orang sakit dan memanggil semangat dengan kemenyan, ayam putih dan lain-lain lagi. Mereka juga percaya kepada objek seperti haiwan, pokok dan benda-benda hidup mempunyai semangat dan boleh mendatangkan kebaikan dan keburukan. Mereka percaya kepada roh si mati yang harus dihimpunkan dalam satu tempat dan mengamalkan pantang larang yang ketat dalam kehidupan sehari-hari untuk keselamatan seperti perbuatan si ibu semasa hamil, perlu menyalakan api, suami tidak boleh makan daging rusa dan lain-lain (Ismail Ibrahim 2012:42-43).

Murut juga mempunyai kepercayaan terhadap binatang. Mereka percaya haiwan boleh memberikan alamat baik dan buruk kepada manusia,

dan memberikan hukuman kepada manusia yang melanggar adat. Antara haiwan yang dikaitkan dengan hukuman ialah burung *lampikut*, buaya, harimau atau kucing hutan dan *buhang* (sejenis haiwan seperti kelawar). Haiwan-haiwan ini mempunyai tugas-tugas tersendiri. Contohnya harimau atau kucing hutan akan menghukum orang yang mentertawakan *antut* (kentut). *Lampikut* akan menghukum orang yang ketawa ketika makan, *buhang* akan menurunkan ribut dashyat sebagai amaran atas kesalahan; dan buaya akan menghukum manusia yang kempunan semasa pergi ke sungai (Ismail Ibrahim 2012:43).

Selain itu, Murut pada suatu ketika mempunyai amalan memenggal kepala dikenali sebagai ‘*antaboh*.’ Ia dilakukan untuk berjumpa dengan roh datuk moyang yang disebut Aki Kaulung yang telah mati. Dengan amalan ini mereka mempercayai peningkatan kuasa roh dalam diri dan boleh membantunya (Abdul Hakim 2010:427). Amalan memburu kepala menjadi kemestian bagi memenuhi keperluan adat yang dianuti mereka secara turun temurun agar keharmonian boleh dicapai dan sentiasa mendapat berkat dari yang berkuasa (Ismail Ibrahim 2012:44-45). Kemudian, pihak missionari melalui gerakan Borneo Evangelical Mission (BEM) telah mendekati masyarakat Murut dengan mengadakan beberapa pertemuan berkaitan ajaran Kristian. Pendekatan tersebut telah menarik minat sebahagian suku kaum Murut memeluk Kristian pada ketika itu. Mereka telah diberi pendidikan di sekolah-sekolah missionari dan menjadikan amalan-amalan pemburuan kepala telah diharamkan. Kini, Sidang Injil Borneo (SIB) yang ditubuhkan oleh Borneo Evangelical Mission (BEM) menjadi gereja utama bagi masyarakat Murut di pedalaman (Jacqueline 2012:61). Ini menunjukkan pihak missionari yang dibawa bersama oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (BNBCC), berjaya menamatkan persengketaan, amalan pemburuan kepala dan meminimum arak berlebihan dalam adat masyarakat Murut pedalaman (Abdul Hakim 2010:428).

Selain itu, terdapat segelintir masyarakat Murut yang telah memeluk Islam, tetapi amat sedikit berbanding yang menganut Kristian dan pagan. Menurut Zawiah Ahmad et al. (2005:50), sebilangan kecil suku kaum Murut yang memeluk Islam dikenal pasti setelah kedatangan Islam pada abad ke-15 melalui pedagang-pedagang Islam dari luar, namun jumlahnya kecil. Muhibbin Yusin (1990:89-90) pula menyatakan hampir kebanyakan masyarakat yang tinggal di pedalaman pernah memeluk Islam secara beramai-ramai melalui gerakan dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA). Ketika itu, pertubuhan dakwah ini telah mendapat sokongan kuat daripada kerajaan negeri Sabah ketika itu yang diketuai oleh

Tun Datu Mustapha Datu Harun. Dakwah USIA telah mencapai kejayaan dalam menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri, pentadbiran hal ehwal Islam dengan sistematik dan berjaya mengislamkan hampir seratus ribu penduduk di seluruh Sabah.

Dalam statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010 menunjukkan jumlah suku kaum Murut yang beragama Islam masih rendah berbanding yang menganut agama Kristian, sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 2. Jumlah suku kaum Murut yang beragama Islam sebanyak 18,473 orang. Manakala jumlah suku kaum Murut yang beragama Kristian sebanyak 82,105 orang, Buddha sebanyak 196 orang dan lain-lain (animism/pagan dan lain-lain) berjumlah 1919. Ini menunjukkan hanya 18 peratus suku kaum Murut yang beragama Islam di seluruh Sabah.

Jadual 2: Jumlah Suku Kaum Murut Mengikut Agama		
Bil.	Agama	Jumlah
1.	Islam	18,473
2.	Kristian	82,105
3.	Buddha	196
4.	Lain-lain	1619
Jumlah Keseluruhan		102,393

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 2010

Walaupun masyarakat Murut sudah beragama Islam atau Kristian, namun kebanyakan mereka lebih berpegang dengan amalan adat dan budaya suku kaum seperti minum arak (air tapai), makan babi, berjudi, tidak solat, bergaduh dan lain-lain. Mereka masih terikat dengan cara hidup adat yang diwarisi oleh nenek moyang mereka sebelum ini, sekalipun sudah menukar agama. Misalnya pihak missionari terpaksa membenarkan perkara tersebut atas tujuan mengambil hati semata-mata. John Rooney (1981:150-151) menyatakan gerakan missionari di Borneo harus membenarkan apa yang menjadi disukai oleh orang tempatan pribumi sekalipun bertentangan dengan prinsip dalam Kristian. Ini menunjukkan kehidupan beragama masyarakat Murut masih berpegang kuat dengan adat warisan mereka sebelum ini.

Oleh itu, daripada perbincangan di atas dapat dinyatakan bahawa kepercayaan beragama suku kaum masyarakat Murut ialah menganut Krisitan dan Islam. Namun mereka masih berpegang kuat dengan kepercayaan adat yang berbentuk animisme seperti mempercayai objek,

semangat dan lain-lain. Mereka menganggap semua cakerawala ini mempunyai roh dan semangat sendiri dan perlu dihormati. Kepercayaan tersebut dipercayai masih mempengaruhi masyarakat Murut sama ada yang beragama atau tidak, disebabkan corak kehidupan mereka yang sangat dekat dengan faktor hutan semulajadi. Walaupun kini, terdapat sesetengah daripada mereka telah mendapat pendidikan tinggi dan banyak memegang jawatan dalam sektor kerajaan dan perniagaan. Namun mereka masih memelihara sebahagian besar budaya dan tradisi dalam kehidupan.

SUATU TINJAUAN TERHADAP METOD DAKWAH MOHD FADLI YUSOF KEPADA SUKU KAUM MASYARAKAT MURUT DI PEDALAMAN PENSIANGAN, SABAH

Mohd Fadli Yusof merupakan seorang pendakwah yang berasal daripada negeri Perak Darul Ridzuan. Beliautelah berjaya mengislamkan 269 orang non-muslim (sehingga Disember 2013) yang terdiri daripada suku kaum masyarakat Murut di pedalaman Pensiangan sejak tahun 2011. Pengislamani ini telah disahkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri Sabah dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). Beliau telah berjaya mengislamkan masyarakat Murut di pedalaman yang terdiri daripada orang tua, orang dewasa, remaja, wanita dan kanak-kanak, petani, pemburu, ketua kampung, paderi, pengurus gereja, pelajar dan lain-lain. Di atas faktor tersebut, tinjauan ini telah dilakukan untuk mengenal pasti metod dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman suku kaum masyarakat Murut di pedalaman Pensiangan Sabah. Tinjauan lapangan ini menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta dan temu bual di lokasi iaitu Kampung Padang, mukim Sepulut Pensiangan, Sabah. Kampung ini dan penempatan di sekitarnya dianggap kawasan yang signifikan kerana sebahagian penduduk pernah diislamkan beliau. Di antara metod dakwah Mohd Fadli Yusof dalam pengislaman suku kaum masyarakat Murut di pedalaman Pensiangan, Sabah adalah seperti berikut:

Membina Hubungan Sosial yang Baik dengan *Mad'ū*

Membina hubungan baik dengan golongan *mad'ū* merupakan salah satu metod yang boleh memberikan kesan positif dalam dakwah. Hubungan yang baik dapat melahirkan perasaan jinak, mesra, percaya dan terpaut dengan dakwah, serta melenyapkan perasaan curiga dan syak wasangka terhadap Islam (Ab Aziz Mohd Zin 1999:84). Di antara pendekatan Mohd

Fadli Yusof dalam membina hubungan baik dengan masyarakat Murut di pedalaman adalah seperti berikut:

(a) Sentiasa Menziarahi *Mad'ū*

Menemui golongan *mad'ū* adalah suatu perkara yang penting agar mesyajid Islam dapat disampaikan ('Abdul Karim Zaydan 1998:320-321). Dalam hal ini, Mohd Fadli Yusof telah menggunakan metod ziarah berulang kali ke setiap rumah orang Murut, sama ada muslim atau non-muslim.

"Kami cuba ziarahi setiap rumah di kampung-kampung, tidak kira kenal atau tidak. Memang kebanyakannya kami belum kenal kerana pertama kali tiba di sana." (Mohd Fadli Yusof, Temu bual)

Ziarah ke setiap rumah dilakukan sebanyak tiga minggu sekali ataupun sebulan sekali di kawasan seperti Nabawan, Sook, Sepulut, Pagalungan dan kawasan yang berhampiran dengan sempadan Kalimantan, Indonesia. Jarak antara Kampung Padang dan kampung-kampung lain di Sepulut tidak agak jauh kerana pola penempatan masyarakat di situ lebih tertumpu di pinggir sungai dan kawasan lereng bukit. Namun sekiranya kawasan kampung yang diziarahi terlalu jauh daripada Kampung Padang seperti di kawasan Pagalungan, beliau akan minta izin kepada mana-mana tuan rumah yang di ziarahi untuk bermalam.

(b) Memberi Hadiah kepada *Mad'ū*

Setiap kali berziarah ke rumah orang Murut di pedalaman, Mohd Fadli Yusof akan memberikan hadiah dengan bungkus yang mengandungi beras, gula, kopi, sardin tin, garam dan bawang. Ia bertujuan untuk mengukuhkan hubungan dan menolak prejedis. Walaupun hadiah tersebut dilihat kecil, namun ia sangat signifikan dalam dakwah.

"Apabila saling berhadiah, maka timbulah kasih sayang. Apabila lahir kasih sayang menjadi mudah (menyampaikan Islam kepada mereka) dan tidak timbul krisis kamu Islam, saya Kristian. Jadi pertembungan ini tidak berlaku. Sehingga mereka dengan rela hati menyatakan bagaimana saya mahu masuk Islam." (Mohd Fadli Yusof, Temu bual)

Pemberian hadiah tersebut dilakukan secara berterusan dan berulang kali melalui ziarah. Walaupun dianggap sebagai buah tangan dalam berziarah, namun ia memberi gambaran baik kepada golongan *mad’ū* kerana dilakukan secara konsisten. Ramai penduduk kampung beranggapan pemberian hadiah beliau hanya berkala sahaja sepetimana kebiasaan kedatangan orang luar di pedalaman Pensiangan bagi tujuan-tujuan tertentu seperti kampen pilihara dan sebagainya. Pemberian hadiah yang dilakukan secara berulang kali merupakan tanda penghargaan kerana dapat menjalin hubungan sebagai kawan atau saudara dengan masyarakat Murut di pedalaman Pensiangan.

Memahami Psikologi *Mad’ū*

Mengetahui psikologi kehidupan *mad’ū* adalah suatu perkara yang penting dalam dakwah agar pendekatan yang digunakan tepat dan berkesan. Pendakwah harus memahami atau menguasai keadaan yang menjadi kecenderungan golongan *mad’ū* dalam adat dan budaya bagi menggelakkan mereka tidak terguris hati (Yunus Abdullah Zheng, 2008:iv). Mohd Fadli Yusofdilihat sangat peka dengan perkara-perkara yang disukai orang Murut di pedalaman Pensiangan bagi menggelakkan perbuatan yang boleh menjauahkan mereka dengan dakwah. Di antara perkara yang dilakukan oleh beliau dalam mendekati masyarakat Murut adalah seperti berikut:

(a) Menghormati Kesukaan *Mad’ū*

Masyarakat Murut di pedalaman sangat menyayangi anjing. Anjing menjadi haiwan peliharaan mereka untuk menjaga keselamatan di rumah dan menjadi haiwan ketika mereka keluar berburu di hutan. Mereka sangat menyayangi anjing kerana haiwan ini banyak membantu mereka sama ada di rumah maupun dihutan. Maka tidak pelik anjing berkeliaran bebas di kawasan penduduk tempatan.

“Anjing haiwan yang mereka sayangi. Kita sebagai pendakwah tidak boleh menyakiti anjing atau memperlakukan anjing dengan kasar. Jadi, kalau anjing duduk di atas riba atau jilat kita, biarkan dan jangan kasarinya. Pergilah ke sungai untuk samak. Dapat pahala juga.” (Mohd Fadli Yusof, temu bual)

Selain itu, kebanyakan masyarakat di pedalaman termasuk suku kaum Murut mempunyai kegemaran memakan daging haiwan babi hutan dan meminum arak. Daging babi dan minum arak (air tapai) menjadi makanan warisan serta budaya daripada generasi datuk nenek (Tregonning 1958:209). Bahan-bahan untuk kedua-dua makanan ini mudah diperolehi di hutan yang berdekatan dengan penempatan mereka.

“Orang pedalaman sangat suka minum arak (tapai). Mereka minum dalam apa jua keadaan. Semasa di rumah, di hutan, dalam majlis kahwin, kematian dan sebagainya. Minum arak sudah menjadi budaya mereka.” (Mohd Fadli Yusof, temu bual)

Mohd Fadli Yusof tidak memandang rendah adat kebiasaan dan hanya menasihatkan kepada orang Murut yang muslim supaya mendidik diri agar meninggalkan adat yang bertentangan syarak. Beliau sentiasa berhati-hati dalam menolak pelawaan dalam majlis keramaian kerana cara mereka menghormati tetamu masih dilakukan dengan perkara-perkara haram. Walau bagaimanapun, beliau juga berusaha mengadakan majlis keramaian dengan menjemput makan kenduri di Kampung Padang. Beliau telah menyediakan makanan dari daging lembu yang sangat sukar diperolehi di pedalaman, menyediakan makanan dan minuman yang halal dan mengasingkan kedudukan lelaki dan perempuan dalam majlis keramaian.

(b) Komunikasi Berhemah

Dalam mendekati masyarakat Murut di pedalaman Pensiangan, Mohd Fadli Yusof lebih mementingkan komunikasi lemah lembut. Golongan *mad’ū* yang mempunyai latar belakang kehidupan yang kasar dan bengis. Tregonning (1958:209) menyatakan sejarah kehidupan mereka dikatakan suka bersengketa dan mempunyai amalan adat pemburuan kepala (*head hunting*) antara etnik Murut. Gambaran ini menunjukkan cara hidup masyarakat di pedalaman bersifat agak kasar kerana latar belakang mereka yang dikelilingi hutan belantara yang menjadi sebahagian daripada sumber kehidupan.

“Masyarakat pedalaman ramai yang bengis dan kasar. Mereka selalu ke hutan berburu dan sebagainya. Mereka juga sanggup buat apa saja termasuk membunuh orang.” (Mohd Fadli Yusof, temu bual)

Mohd Fadli Yusof lebih suka menggunakan kaedah santai seperti semasa berbual-bual, bertani dan berjalan-jalan bersama dengan orang Murut. Beliau menyatakan bahawa orang yang bersifat kasar tidak boleh di dekati dengan sifat kasar. Ia akan bertentangan dan boleh menimbulkan perbalahan jika tidak dikawal. Orang yang bersifat kasar harus di dekati dengan kaedah yang lemah lembut dan menyentuh hati mereka sebagaimana dalam peristiwa Umar r.a memeluk Islam. Ini menunjukkan beliau tidak melihat sifat tersebut sebagai pertentangan, bahkan di dekati dengan penuh kelembutan yang boleh menambat jiwa non-muslim kepada Islam. Bahkan Allah s.w.t memerintahkan agar bersikap lembut lembut dalam menyampaikan dakwah kerana ia boleh melembutkan hati, sekaligus tertarik dengan dakwah sepertimana disebutkan dalam surah Ali Imran, ayat 159.

Menarik Psikologi *Mad'ū* dengan Kelainan

Metod menarik psikologi golongan *mad'ū* dengan aspek kelainan dapat dilihat kepada dua bentuk. Pertama, Mohd Fadli Yusof dilihat sebagai seorang pendakwah yang berani masuk ke kawasan hutan pedalaman. Beliau bersusah payah masuk ke kawasan hutan yang mencabar dengan ditemani isteri semata-mata untuk menemui orang Murut di pedalaman Pensiangan. Pada kebiasaan, ramai pendakwah yang masuk ke kawasan pedalaman Sabah secara berkumpulan dengan kemudahan kenderaan pacuan empat roda dan sebagainya. Namun Mohd Fadli Yusof dilihat sebagai pendakwah yang masuk ke kampung-kampung di pedalaman dengan berjalan kaki dan menumpang kenderaan orang lain.

“Dia berjalan kaki bertemu kami seorang demi seorang. Jarang orang luar melakukan seperti ini, apatah lagi dia orang semenanjung.” (Abdul Aziz @ Robert Sinngah, temu bual)

Kedua, metod dakwah dengan membawa isteri dan anak-anak merupakan suatu kelainan yang menarik perhatian golongan *mad'ū* suku kaum Murut. Kehadiran Mohd Fadli Yusof sekeluarga di kawasan pedalaman dianggap suatu yang pelik dan menimbulkan rasa simpati serta menyentuh perasaan.

“Dia masuk (pedalaman) dengan isteri dan anak-anak. Kami pun fikir mahu membantunya kerana dia orang luar. Tapi dia tidak mahu dan hendak jumpa kami semua. Saya sangat terharu. Lama-

lama kami rasa gembira dia berada di sini.” (Muhammad Yusuf @Joseph, temu bual)

Jarang orang luar membawa isteri dan anak-anak masuk ke pedalaman semata-mata untuk menemui mereka di situ kerana kawasan hutan dan berbukit bukau. Kecuali wakil-wakil kerajaan yang bertugas di pedalaman seperti guru, pegawai dan sebagai. Mereka mudah mengenali kerana adiran wakil itu adalah untuk tugas rasmi. Mohd Fadli Yusof menjelaskan tujuan membawa isteri dan anak bukan untuk menarik perhatian orang lain. Bahkan kebersamaan keluarga semasa di lapangan dakwah sangat penting pada masa kini. Ia dilakukan bagi menggelakkkan fitnah yang boleh membantutkan kerja dakwah. Beliau mengakui isteri dan anak-anak lelakinya berperanan sebagai pembantu dalam gerak kerja dakwah di pedalaman Sabah. Isteri membantu dalam mendekati golongan wanita dan anak-anaknya pula berperanan mendekati golongan remaja dan anak-anak (Mohd Fadli Yusof, temu bual). Walau bagaimanapun, keadaan ini telah menyentuh perasaan masyarakat Murut di pedalaman yang sangat mementingkan hubungan kekeluargaan.

Menarik Psikologi *Mad’ū* dengan Kesamaan

Metod menarik psikologi *mad’u* dengan sifat kesamaan dilihat dengan bentuk. Pertama, Mohd Fadli Yusof telah mengaitkan dengan istilah ‘mencari saudara’ bagi menjelaskan tujuan masuk ke penempatan Murut di pedalaman. Beliau menyatakan tujuan masuk ke pedalaman adalah untuk mencari saudaraseislam di pedalaman supaya boleh dilihat keadaan hidupnya, diberi bantuan dan diberi bimbingan. Istilah ‘saudara’ telah menimbulkan persoalan kerana tiada bangsa Melayu yang tinggal pedalaman Pensiangan berbangsa Melayu dan mustahil boleh menjadi saudara dengan orang Murut (Muhammad Yusuf @Joseph, temu bual).

Tanpa di duga selang beberapa hari, terdapat beberapa orang yang menelefon beliau dan menyatakan ingin menjadi saudaranya iaitu mahu memeluk Islam. Masyarakat Murut mementingkan istilah ‘pahaka’ sebagai satu ikatan dalam suku kaum (Jamuddin Lorie, temu bual). Hubungan ‘saudara’ dalam suku kaum Murut menggambarkan semangat kekeluargaan yang harus dipelihara dan dihormati.

“Rupanya perkataan “saudara” itu amat menarik hati mereka untuk mengenali Islam. Orang Murut menyebut saudara itu pahaka. Saya namakan perahu yang kami bina

dan gunakan di sungai-sungai pedalaman sebagai ‘pahaka-ku’, sebagai lambang persaudaraan yang utuh di dalam Islam. Hingga kini semakin ramai yang punya impian menjadi saudara Islam, insyaAllah.” (Mohd Fadli Yusof, temu bual)

Kedua, menarik psikologi *mad’u* dengan mengaitkan keimanan kepada semua rasul termasuk Nabi Isa a.s. Mohd Fadli Yusof menjelaskan Islam dengan menyebut tentang keEesaan Allah melalui surah al-Ikhlas dan keimanan orang Islam dengan semua rasul termasuk Nabi Isa a.a. Mereka kurang mengetahui berkaitan Islam kerana bergantung dengan maklumat gereja dan saluran media massa.

“Dia (Mohd Fadli Yusof) sering jumpa saya. Saya mula banyak berfikir tentang Islam. Saya ramai kawan-kawan orang Islam. Di gereja ada diceritakan tentang Islam tapi tidak sama dengan apa yang ustaz tunjuk dan cakap pada saya. Jadi saya hendak tahu Islam dengan ustaz.” (Muhammad Yusuf @Joseph, temu bual)

Segelintir orang Murut Kristian mengakui tentang apa yang telah diberitahu gereja mengenai Islam adalah jauh berbeza dengan realiti yang dilihat melalui dakwah Mohd Fadli Yusof (Muhammad Ayyub @Jelirus, temu bual). Mereka diberi gambaran yang salah berkaitan Nabi Muhammad dan memberi gelaran-gelaran mengaibkan yang tidak sewajarnya sebagai pesuruh Allah. Ia adalah suatu bentuk mengindoktrinasikan dalam usaha untuk memberi gambaran buruk tentang Islam dan penganutnya (Ghazali Basri 1999L34-35).Penulis telah menemui seorang bekas pastor gereja yang di kenali Pamail. Beliau merupakan bekas pastor gereja di Silungai, Pagalungan. Beliau antara individu gereja yang kuat menentang gerakan dakwah di pedalaman Pensiangan. Perkara yang menarik perhatian untuk memeluk Islam ialah kajian perbandingan antara bible dan al-Quran, dan kenabian Isa a.s yang telah dijelaskan oleh orang Murut yang telah diislamkan oleh Mohd Fadli Yusof (Pamail, temu bual). Walaupun dianggap seorang individu perujuk di Gereja Kristian Basel dan memperolehi pendidikan yang dibiayai oleh pihak missionari, namun beliau mengakui terdapat beberapa keraguan tentang ‘cahaya kebenaran’ yang disebutkan dalam beberapa bible. Di atas inisiatif Mohd Fadli Yusof, beliau kini sedang mendalami ilmu Islam di Institut Dakwah Islam, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) di Kota Bahru Kelantan.

Menarik Psikologi *Mad'ū* dengan Masjid

Mohd Fadli Yusof telah menarik perhatian masyarakat Murut di pedalaman dengan membina masjid. Beliau telah berjaya membina sebuah masjid di Kampung Padang, Sepulut. Masjid ini dinamakan 'Masjid As-Syahadah' sempena pengislaman seorang Murut pada hari pertama masjid digunakan. Masjid dibina atas inisiatif menggantikan ruang solat di dewan serbaguna yang terbatas. Beliau telah membina sebuah masjid di atas tanah yang telah diwakafkan oleh seorang penduduk kampung yang bernama Puan Julia (Mohd Fadli Yusof, temu bual).

Pembinaan masjid di Kampung Padang, Sepulut dilihat sebagai suatu tarikan yang luar biasa. Pembinaan masjid ini diusahakan oleh saudara baru yang mahu menjadikan suatu realiti sebuah masjid di pedalaman. Mereka berusaha mencari balak di hutan, menebang pokok balak dan memotong kayu semata-mata (Mohd Fadli Yusof, temu bual). Setelah siap dibina pada tahun 2012, masjid ini menjadi perhatian masyarakat Murut pedalaman kerana hampir setiap bulan ada yang datang menemui Mohd Fadli Yusof untuk memeluk Islam. Situasi ini telah membimbangkan pihak gereja kerana terdapat pengislaman dan pembinaan masjid yang belum pernah berlaku lagi di pedalaman Pensiangan (Pamail, temu bual).

Selain itu, masjid ini telah menarik perhatian masyarakat melalui aktiviti ibadah dan *mahabbah* dalam kalangan orang Islam. Sebelum ini mereka kurang terdedah dengan cara kehidupan orang Islam, namun pembinaan masjid ini telah menarik perhatian orang Murut yang belum Islam datang ke Kampung Padang. Penulis telah menemui seorang pembantu Mohd Fadli Yusof di kampong ini. Beliau berasal dari Wilayah Persekutuan Labuan dan tinggal bersama-sama penduduk di kampong ini sebagai pembimbing secara sukarela. Beliau dipertanggungjawabkan untuk membantu menguruskan berkaitan dengan hal ehwal penduduk, menghantar anak-anak ke sekolah, mengajar penduduk tentang ibadah, membaca al-Qur'an dan lain-lain. Beliau menceritakan pengalaman sepanjang menjadi sebahagian penduduk di sini.

"Setiap kali azan berkumandang ada orang di kawasan sekitar ini datang memerhati dari jauh. Ia seperti sesuatu yang menakjubkan kerana amat jarang azan kedengaran di pedalaman Pensiangan."
(Muhammad Suffian Mohd Sulaiman, temu bual).

Ini menunjukkan laungan azan di masjid telah menjadi perhatian non-muslim dan mendorong mereka untuk melihat kegiatan orang Islam di masjid (Aishah et al. 2011:2509). Selain itu, seorang informan telah menyatakan kepada penulis, bahawa masjid telah menjadikan mereka rapat hubungan penduduk Kampung Padang. Beliau merasa suka dan kagum dengan perubahan cara hidup saudara baru di situ berbanding keadaan sebelum memeluk Islam.

“Dulu masa saya Kristian, saya ada jumpa kawan orang Islam dan tanya mana bangunan orang Islam. Hari ini, saya lihat masjid di Kg. Padang dan tengok kawan-kawan Islam dan tidak sama apa yang gereja cakap. Akhirnya saya masuk Islam.” (Muhammad @Micheal, temu bual)

Situasi *ukhwah* di masjid sangat jarang dilihat oleh non-muslim di pedalaman sekalipun mereka melakukan ritual di gereja. Mereka merasakan suatu kehidupan yang baru tanpa dibezakan tempat asal dan menjadikan hubungan yang lebih dalam ‘pahaka.’ Mereka sangat menghargai usaha Mohd Fadli Yusof yang sering membantu mereka walaupun berbeza agama dan bangsa.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dinyatakan bahawa metod merupakan suatu perkara yang penting dalam dakwah sepertimana ditunjukkan dalam ayat 125, surah al-Nahl. Justeru Sabah merupakan salah sebuah negeri yang menjadi tumpuan pendakwah dan mempunyai pelbagai suku kaum etnik pribumi termasuk suku kaum Murut. Kaum Murut merupakan suku kaum yang kedua terbesar dan tertua di negeri Sabah. Kaum juga merupakan suku kaum yang unik dari sudut adat budaya, cara hidup, kepercayaan dan kehidupan beragama. Kebanyakan mereka mendiami di kawasan tanah tinggi dan rendah di pedalaman negeri Sabah. Mereka mempunyai populasi yang agak besar dan masih sedikit yang beragama Islam. Dalam hal ini, Mohd Fadli Yusof adalah salah seorang pendakwah yang mendekati masyarakat Murut di pedalaman Pensiangan sejak tahun 2011. Antara metod dakwah yang digunakan ialah membina hubungan sosial yang baik dengan masyarakat Murut, memahami psikologi orang Murut, menarik psikologi *mad’ū* melalui aspek kelainan

dan kesamaan; dan menarik psikologi *mad'ū*dengan masjid. Beliau dilihat lebih mengutamakan pembinaan hubungan dengan golongan *mad'ū* agar dapat menyampaikan dakwah dengan lebih berkesan tanpa prasangka sekalipun terpaksa menempuh kawasan yang mencabar di pedalaman Pensiangan. Secara tidak langsung, penerimaan dakwah Mohd Fadli Yusof turut menyumbangkan kepada pengislaman masyarakat Murut di kawasan pedalaman Pensiangan yang majoriti beragama Kristian di Sabah.

RUJUKAN

- Kerajaan Negeri Sabah. t.th. Cerita mengenai Adat Istiadat Suku Kaum Murut Pensiangan. <http://ww2.sabah.gov.my/pd.nbw/dcm/doc-28.html> [30 Mac 2014].
- Ab. Aziz Mohd Zin. 1999. *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- 'Abd al-Karīm Zaydān. 1998. *Usūl al-Da'wah*. Beirut: Al-Risālah Publisher.
- Abdul Aziz @ Robert Sinngah. 2014. Saudara baru Murut di Kampung Padang, Sepulut Pensiangan. *Temu bual*. 16 Januari.
- Abdul Hakim Mohad. 2010. Spiritual Journey of Murut Tahol and Its Effect to their Headhunting Practise. *International Journal of Science and Humanity* 4, 39, 427.
- Aishah et al. 2011. Conversions Pattern Among Muallafs at Pusat Bimbingan Islam Sultan abdul Halim Mua'zam Syah Kedah Darul Aman (PUSBA). *Elixir International Journal Social Science* 34, 2509-2519.
- Ghazali Basri. 1999. *Gerakan Kristian*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jacqueline Pugh-Kitingan. 2012. *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*, ed. Kntayya Mariappan & Paul Porodong. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Jamuddin Lorrie @ Najmuddin. 2014. Ketua Penduduk Kampung Padang, Sepulut Pensiangan. *Temu bual*. 16 Januari.
- Judith A. Nagata. 1986. 'The Impact of Islamic Revival (Dakwah) on the Religious Culture of Malaysia.' *Religion, Values and Development in Southeast Asia*, ed., Bruce Matthew & Judith A. Nagata. Singapura: Institute of Southeast Asia Studies. 41-45.

- Ma, Yunus Abdullah Zheng. 2008. *Manāhij al-Dakwah al-Islamiyyah li al-Sinni Ghayri al-Muslimin fi Kuala Lumpur*. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mat Zin Mat Kib. 2003. *Kristian di Sabah 1881-1994*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangssan Malaysia.
- Mohd Fadli Yusof. 2014. Pendakwah Bebas di Sabah. *Temu bual*. 14 Januari.
- Mohd Noor Abdullah. 1976. *Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Yusof Hussain. 2009. ‘Barriers and Obstacles to Islamic Da‘wah.’ *Reading in Islamic Da‘wah*, ed. Mohd. Yusof Hussain. Kuala Lumpur: International Islam University Malaysia Press.
- Muhammad @ Micheal. Saudara baru Murut Kampung Padang, Sepulut Pensiangan. *Temu bual*. 16 Januari 2014.
- Muhammad Abu Bakar. 1987. *Penghayatan Sebuah Ideal, Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ayyub @ Jelirus. Saudara baru Murut Kampung Piowuo, Pensiangan. *Temu bual*. 16 Januari 2014.
- Muhammad Suffian Mohd Sulaiman. 2014. Pembantu Mohd Fadli Yusof di Kampung Padang, Sepulut Pensiangan, Sabah. *Temu bual*. 14 Januari.
- Muhammad Yusof@ Joseph. 2014. Penduduk di Kampung Padang, Mukim Sepulut Pensiangan. *Temu bual*. 16 Januari.
- Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng & Abdul Salam Muhamad Shukri. 2008. *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Pamail. 2014. Saudara baru, bekas Pastor Gereja Kristian Basel, Silungai Pagalungan, Sabah. *Temu bual*. 15 Januari.
- Reduan Dollah. 2014. Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *Temu bual*. 30 Mac.
- Sabah Secara Ringkas*. (1989). Kota Kinabalu: Jabatan Penerangan Malaysia, Sabah.
- Siti Aidah Hj. Lokin. 2007. *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Suraya Sintang. 2012. Dialog Kehidupan dalam Pengalaman Saudara Baru di Sabah. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Syed Othman al-Habshi. 1998. 'Kepentingan Pengurusan dalam Dakwah Islamiah.' *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*, ed. Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff & Ideris Endot. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010*. (2010). Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Tregonning, K.G. 1958. *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)*. Singapura: Universiti Malaya Press.
- Zawiah Ahmad & Suziana Che Wil. (2005). *Masyarakat Etnik Sabah dan Sarawak*. Kuala Lumpur: Caberawet Publishing Sdn. Bhd.
- G.C Wooley. 2004. *The Timogun Muruts of Sabah*. Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo).
- Ismail Ibrahim. 2012. *Warisan Motif dan Corak Murut*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

*Abd Hadi Borham
Jabatan Pengajian Islam,
Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
Mel-e: abdhadi.borham@fsk.upsi.edu.my

Pesan Abadi Bumi dan Langit kepada Manusia: Analisis Komunikasi Dakwah dalam Tradisi Pembacaan *Kitta Tulkiyamat* dalam Masyarakat Makassar

EARTH AND SKY ETERNAL MESSAGE TO MAN: COMMUNICATION
PROPAGATION ANALYSIS IN READING TRADITION *KITTA TULKIYAMAT*
IN MAKASSAR COMMUNITY

NUR SETIAWATI MAPPASELLENG *
AHMAD ZAHARUDDIN SANI AHMAD SABRI**

ABSTRACT

Investigations on naskhah Tulkiyamat conducted in the village of Sanrobone, Takalar regency is intended to examine the elements contained in Naskhah Tulkiyamat, as media of preaching on the people of Makassar. The results of the study on naskhah Tulkiyamat show this naskhah contains elements of Islam as faith, morals, Sharia and Sufism. While Text-Messages are delivered as a medium of preaching includes the message of the faith, the sublime character, willingness to sacrifice, honesty, and friendship. This study used a qualitative approach to understand the perceptions and behavior of the people in the tradition of Tulkiyamat reading in Sanrobone. By using analysis of communication and preaching approach then some parts chapter and article in Tulkiyamat manuscript will be inventoried and analyzed that related to the teachings of Islam which gave messages of preaching. Especially for this paper, there will be analyzed messages of preaching contained in chapter 3 and article 3 which tells the story of "the voice from the sky and earth". Based on the analysis of the article 3, for a description of the meaning and messages preaching that can be taken as learning is about; (1) temptations of life in the world, (2) the need to maintain a manner of speaking, (3) the importance of always repent, (4) the primacy and importance of always reading Al-Qur'an. It is hoped that the tradition of reading Tulkiyamat can be maintained and was always carried out the study of the moral values of Islam contained therein.

Keywords: Earth, sky, *Kitta Tulkiyamat*, Makassar, message.

PENDAHULUAN

Naskhah kuno merupakan salah satu bentuk peninggalan tertulis pada masa silam, juga merupakan dokumen atau arkib kebudayaan yang mengandungi idea-idea, idea-idea utama, berbagai macam pengetahuan tentang alam semesta menurut persepsi budaya masyarakat pendukungnya, termasuk ajaran agama yang mengandung nilai-nilai luhur budaya bangsa, dan merupakan dokumen perakam secara tertulis berdasarkan kegiatan masa lampau sebagai manifestasi dan refleksi kehidupan masyarakatnya.

Naskhah tersebut juga diibaratkan sebagai jembatan yang menghubungkan generasi masa lalu, masa sekarang dan masa yang akan datang yang boleh memberikan sumbangan besar bagi studi suatu kelompok sosial budaya yang melahirkan naskhah tersebut. Naskhah berkaitan erat dengan kecakapan baca-tulis dan kemajuan peradaban masyarakat pendukungnya pada masa lampau, isi teks dalam naskah dapat memberikan kesaksian yang dapat “berbicara langsung” kepada kita melalui bahasa yang terkandung di dalam tulisan tersebut.

Berkaitan dengan naskhah terdapat keistimewaan dan keunikan tersendiri bagi sebagian masyarakat Makassar, yang memiliki naskhah populer dengan nama *Kitta Tulkiyamat*. *Kitta Tulkiyamat* adalah naskah kuno yang ditulis dalam aksara *serang* yang diterima daripada aksara Arab yang menggunakan Bahasa Makassar. Bahasa yang digunakan pada naskhah ini, ialah Bahasa Makassar, bahasanya mudah difahami dan tidak terlalu banyak kesulitan untuk mengartikannya, juga banyak dijumpai kata-kata Arab yang mengandungi isi ayat al-Qur'an atau hadis, hal ini dapat difahami kerana naskhah ini termasuk naskhah yang mengandungi ajaran keagamaan (Islam) Gani (1990).

Naskhah ini merupakan naskhah terjemahan dari naskhah berbahasa Melayu yang ditulis oleh Syekh Nuruddin ar-Raniri dengan judul *Akhbarul Akhirah fi Ahwalil Qiyamah*. Hingga saat ini bagi masyarakat yang setempat di Kecamatan Sanrobone Daerah Takalar, masih menjadi tradisi atau kebiasaan untuk menjemput pembaca *Kitta Tulkiyamat* untuk menghibur dan saling mengingatkan keluarga dan sanak saudara, yang mengalami musibah meninggalnya salah satu anggota keluarga. Kebiasaan ini, baik dari makna pembacaan terlebih kahadiran keluarga untuk saling bertemu, suasana seperti ini diharapkan menjadi media atau sarana silaturahmi sekaligus media dakwah untuk kebaikan dan kebahagian masyarakat yang hadir mendengarkan *Kitta Tulkiyamat* dibacakan.

METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk memahami dan menginterpretasikan pelbagai fenomena tingkah laku masyarakat berkaitan dengan tradisi pembacaan Tulkiyamat di Sanrobone, daerah Takalar. Dengan pendekatan ini akan dilakukan pengkajian bagaimana persepsi masyarakat terhadap naskhah dan tradisi pembacaan Tulkiyamat tersebut memberikan kesan terhadap peningkatan pemahaman ajaran Islam dan memberi kesan pada perubahan perilaku yang lebih baik dalam interaksi sosial masyarakat Sanrobone.

Dalam kajian ini juga dilakukan kajian dalam perspektif dakwah dan komunikasi untuk melihat muatan mesej dakwah dalam naskhah Tulkiyamat dan penggunaan media komunikasi mesej tersebut dalam masyarakat. Pengkajian awal dilakukan dengan menginventarisasi isi naskhah Tulkiyamat yang dianggap mengandung ajaran agama Islam sekaligus. Pengkajian seterusnya dilakukan dengan pengamatan terhadap proses pelaksanaan dan medium komunikasi yang digunakan dalam pembacaan naskhah Tulkiyamat.

Disamping melakukan analisis terhadap mesej medium komunikasi dakwah terhadap naskhah Tulkiyamat, juga dilakukan wawancara mendalam terhadap masyarakat dan pembaca naskhah Tulkiyamat untuk mengetahui persepsi mereka terhadap tradisi pembacaan tersebut dan kesan perubahan tingkah laku yang telah mereka alami pada masa ini.

TRADISI PEMBACAAN TULKIYAMAT DI KECAMATAN SANROBONE, KABUPATEN TAKALAR

Sebagaimana naskhah-naskhah kuno lainnya, naskah atau *Kitta Tulkiyamat* ini mempunyai pula ketentuan atau tradisi pembacaannya. Ia tidak boleh dibaca sembarangan tanpa cara seperti yang telah ditentukan sebagai berikut, Gani (1990). Dibacakan pada waktu ada orang Islam yang meninggal dunia. Pembacaan naskah ini diadakan pada malam pertama selepas salah satu keluarga meninggal dunia. Pada malam harinya sekitar jam 20.00, selepas solat Isyak, tetangga, sanak keluarga dan sahabat datang ke rumah keluarga yang berduka. Mereka datang tanpa melalui undangan, selain hanya sekadar pemberitahuan secara umum. Saat ini ritual pembacaan Tulkiyamat di Desa Sanrobone, kadang-kadang adapula

beberapa keluarga yang berduka mengawali dengan aktiviti Ceramah Takziah.

Setelah para tamu datang, duduklah semuanya pada tikar atau karpet yang telah dihamparkan baik di dalam maupun di luar rumah duka. Apabila segala -galanya dianggap telah siap, maka bermulalah dibacakanlah naskhah ini oleh orang yang memang biasa dan mahir untuk membacakannya. Tidak semua orang yang hadir itu akan mendapat giliran untuk membaca, melainkan hanya kepada mereka yang dianggap mampu dan mahir untuk membaca yang dapat giliran.

Dalam pembacaan *Kitta Tulkiyamat* setiap malam hanya terbatas kira-kira jam 23.00, sehingga naskhah ini haruslah dibaca berkisar sampai tujuh malam, barulah dapat ditamatkan. Pada malam hari terakhir atau malam ke tujuh itu, sambil menamatkan naskhah, dibacakan juga doa keselamatan. Sebagai tanda terima kasih bagi pemilik naskah biasa diberikan sarung, oleh keluarga yang berduka itu. Demikianlah tradisi pembacaan naskah ini, yang dibacakan dengan mengikuti tata cara yang telah ditentukan, hanya dibaca apabila ada orang yang meninggal dunia seperti yang disebutkan di atas .

TULKIYAMAT SEBAGAI MEDIA KOMUNIKASI DAKWAH

Pada hakikatnya media adalah segala sesuatu yang merupakan saluran dengan mana seseorang menyatakan gagasan, isi jiwa atau kesedaran. Dengan kata lain media adalah alat untuk menyalurkan idea manusia, dalam kehidupan bermasyarakat. Komunikasi adalah suatu proses penyampaian maklumat (mesej, ide, gagasan) dari satu pihak kepada pihak yang lain. Komunikasi itu penting, kerana ini merupakan tabiat semulajadi dasar dari setiap mahluk hidup. Setiap mahluk hidup punya cara komunikasi masing-masing. Setiap manusia pun tak lepas dari cara dia melakukan komunikasi.

Komunikasi dan budaya sangat berpengaruh satu sama lain. Budaya di mana individu-individu bersosialisasi sangat berpengaruh terhadap cara mereka berkomunikasi. Komunikasi tradisional adalah proses penyampaian mesej dari satu pihak ke pihak yang lain dengan menggunakan media tradisional yang sudah lama digunakan dalam suatu masyarakat sebelum kebudayaannya tersentuh oleh teknologi modern. Komunikasi tradisional sangat penting dalam suatu masyarakat kerana dapat mempererat persahabatan dan kerjasama untuk mengimbangi pengaruh yang datang dari luar, Sariana (2014). Komunikasi tradisional

mempunyai dimensi sosial, mendorong manusia untuk bekerja, menjaga keharmonisan hidup, memberi rasa keterikatan, dan bersama-sama menentukan keputusan.

Intipati dari dakwah itu sendiri adalah aktiviti dan upaya untuk mengubah manusia, baik individu maupun kolektif, dari situasi yang tidak baik kepada situasi yang lebih baik. Sementara itu, dalam bahasa Islam dakwah adalah tindakan mengkomunikasikan mesej-mesej Islam, Shihab (1999). Dakwah adalah istilah teknikal yang pada dasarnya dipahami sebagai upaya untuk menghimbau orang lain ke arah Islam. Kerana dalam dakwah tersebut terdapat penyampaian maklumat ajaran Islam berupa ajakan untuk berbuat baik dan larangan untuk berbuat kemungkaran, nasehat, dan pesan, pendidikan dan pengajaran.

Menurut Moh Ali Aziz, bahawa beberapa takrif dakwah di atas berbeza redaksinya akan tetapi setiap redaksinya memiliki kebijakan dan mengikuti petunjuk (agama), menyeru mereka kepada kebaikan dan mencegah mereka dari perbuatan mungkar agar memperoleh kebahagiaan dunia dan akhirat, Aziz (2004). Namun Syekh Muhammad Khidr Husain mengatakan dakwah adalah upaya untuk memotivasi orang agar berbuat baik dan mengikuti jalan petunjuk, dan melakukan amar makruf nahi munkar dengan tujuan mendapatkan kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Azis, 2004). Sedangkan Nasarudin Latif mendefinisikan dakwah, adalah setiap usaha aktivitas dengan lisan maupun tulisan yang bersifat menyeru, mengajak, memanggil manusia lainnya untuk beriman dan mentaati Allah swt, sesuai dengan garis-garis akidah dan syariat serta akhlak Islamiyah (Azis, 2004), tiga unsur pengertian pokok yaitu :

1. Dakwah adalah proses penyampaian agama Islam dari seseorang kepada orang lain
2. Dakwah adalah penyampaian ajaran Islam tersebut dapat berupa *amr ma'ruf* (ajakan kepada kebaikan) dan *nahi munkar* (mencegah kemungkaran)
3. Usaha tersebut dilakukan secara sedar dengan tujuan terbentuknya suatu individu atau masyarakat yang taat dan mengamalkan sepenuhnya seluruh ajaran Islam.

Dengan demikian dakwah adalah segala bentuk aktiviti penyampaian ajaran Islam kepada orang lain dengan pelbagai cara yang bijaksana untuk terciptanya individu dan masyarakat yang menghayati dan mengamalkan ajaran Islam dalam semua lapangan kehidupan, maka salah satu fadilah dakwah sesuai dalam al-Quran (Fushilat 41: 33):

وَمَنْ أَحَسَّ مُؤْلِمًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Maksudnyanya: *Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal yang soleh dan berkata "sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang menyerah diri".* (Jabatan Agama RI 2002).

Sebagaimana telah digambarkan sebelumnya bahawa *Kitta Tulkiyamat* termasuk sebagai naskaah keagamaan. Didalamnya membincarakan tentang hari kiamat, hari kemudian serta kehidupan selepas kita mati. Isinya mempunyai dalil-dalil yang diambil dari Al-Quran dan hadis Nabi, naskhah ini memberi tuntunan keselamatan di dunia dan kebahagiaan di akhirat kelak, mengingat seringnya dipergunakan naskhah ini oleh masyarakat, maka fungsi sosialnya tidak lagi meragukan. Masyarakat menganggap bahwa naskhah ini adalah milik mereka bersama, karena isinya adalah keselamatan umat manusia keseluruhannya, Gani (1990).

Fungsi naskhah dapat diertikan sebagai media tradisional bagi masyarakat yang saat ini masih menggunakan atau membacanya pada saat salah satu keluarga ditimpa musibah kematian, sebagai hiburan dan mengurangi rasa duka atas musibah yang menimpanya, sekaligus sebagai medium dakwah bagi masyarakat yang mendengarkannya.

PESAN DAKWAH: MESEJ ABADI BUMI DAN LANGIT KEPADA MANUSIA

Secara umum isi dan kandungan *Kitta Tulkiyamat* dibagi dalam tujuan bab. Bab pertama membincangkan tentang kejadian Nur Muhammad. Bab kedua membincangkan tentang kejadian nabi Adam as.. Bab ketiga membincangkan tentang maut dan sakaratul maut, yang terdiri dari dua belas pasal. Bab keempat membincangkan tentang tanda-tanda kiamat, yang terdiri dari tujuh pasal. Bab kelima membincangkan tentang hal-hal kiamat, yang terdiri dari enam pasal. Bab keenam membincangkan tentang neraka dan isinya. Bab ketujuh membincangkan tentang surga dan isinya.

Pada bab ketiga yang membincangkan tentang maut dan sakaratul maut, pembahasannya kemudian dibahagikan lagi dalam dua belas pasal. Diantara dua belas pasal tersebut, terdapat satu pasal yang mengisahkan tentang suara dari langit dan bumi (pasal 3) dan satu pasal lagi tentang

suara dari bumi dan kubur. Oleh kerana, tulisan ini akan fokus membahas pesan dakwah yang terdapat pada pasal 3 tentang maut dan sakaratul maut. Berikut beberapa petikan teks *Naskhah Tulkiyamat* yang berbentuk naratif dan dialogis yang berkait dengan gambaran Maut dan Sakaratul Maut yang terdapat dalam Bab III *Naskhah Tulkiyamat* yang mengisahkan tentang Suara dari langit dan bumi dan Suara-suara bumi dan kubur. Gambaran teks akan dibentangkan dalam dua jenis iaitu pertama dalam transkripsi Bahasa Makassar dengan huruf latin, kedua dalam transkripsi Bahasa Indonesia dengan huruf latin, Gani (1990).

Jadual Suara dari langit dan bumi

Transkripsi Bahasa Makassar dengan huruf latin	Transkripsi Bahasa Indonesia dengan huruf latin
Nikanai rihaddeseka, punna sisaklamo nyawayya ri batang kalenna, niyak sakra battu rilangika makkiyok pintallung ankana: Oh anak cucunna Adama, laku ampilari lino, lino ampilariko, Ikau ambunoi lino, lino ambunoko	<i>Dikatakan dalam hadits, kalau sudah berpisah nyawa dengan badan, ada suara dari langit memanggil tiga kali dengan mengatakan, “Hai anak cucu Adam, engkau meninggal dunia, dunia meninggalkan engkau. Engkau membunuhnya, dan dunia membunuhmu.”</i>
Napunna lanieknekmo tumateya, makkiyomi pole pintallung angkana : Oh anak cucunna Adam, keremi limannu magassinga, nadodommo. Keremi tuningainu tumateya, makkiyo kiyoki pole pintallung angkana : Oh anak cuci Adam, maklampamakontu tamakbokong. Napilarimi ballaknu tamamaliyang, mangemako riballak masino-sinowa	<i>Kalau sudah hendak dimandikan orang meninggal. Memanggillah tiga kali dengan mengatakan, “Hai ana cuci Adam, sudah dimana tanganmu yang kuat, sekarang sudah lemah, sudah dimana mulutmu yang hebat bercakap, sekarang sudah bisu, sudah dimana kesayanganmu, sekarang sudah menjauh dari padamu.”</i>
Napunna lanirokokmo tumateya, makkiyo pole pintallung angkana: Oh anak cuci Adam, maklampamakontu tamabokong. Napilarimi ballaknu tamamaliyang, mangemako riballak masinowa	<i>Kalau sudah mau dikafani orang yang meninggal, memanggil suara tiga kali dengan mengatakan, “Hai anak cuci Adam, engkau sudah berangkat, sedang engkau tidak membawa bekal lagi. Engkau sudah menuju rumah yang sunyi.</i>

Secara keseluruhan mesej-mesej dakwah yang terdapat dalam teks *Kitta Tulkiyamat* bab Tiga pasal 3 sebagaimana terlihat pada matriks di bawah ini.

Jadual Matriks gambaran Mesej Dakwah pada Bab III, pasal 3 Kitta Tulkiyamat

No.	Transkripsi Bahasa Indonesia dengan huruf latin	Pesan Dakwah
1.	<i>Engkau meninggal dunia, dunia meninggalkan engkau Engkau membunuhnya, dan dunia membunuhmu</i>	<i>Kehidupan di dunia hanya sementara, Jangan tergoda dengan kemewahan dan bujuk rayu dunia</i>
2.	<i>Sudah dimana mulutmu yang hebat berbicara, sekarang sudah bisu</i>	<i>Menjaga lisan</i>
3.	<i>Engkau sudah berangkat, sedang engkau tidak membawa bekal lagi</i> <i>Engkau beruntung kalau engkau bertaubat kalau Allah Taala meridhaimu. Engkau celaka kalau tidak bertobat. Allah Taala memurkaimu.”</i>	<i>Perbanyakkan amal saleh untuk bekal di alam kubur dan akhirat lagi</i> <i>Sentiasa beristigfar dan bertaubat kepada Allah</i>
4.	<i>Ini rumah yang sunyi senyap, tempat hanya satu orang. Ramaikanlah saya dengan orang mengaji Qur'an</i>	<i>Perbanyak membaca dan amalan Alquran, yang akan menemani dalam kubur dan Akhirat kelak</i>

DESKRIPSI MAKNA DAN MESEJ DAKWAH

1. Kehidupan Dunia

Manusia tinggal di dunia ini hanya untuk masa yang sementara. Di sini, manusia akan banyak mengalami perjuangan dan ujian sampai kemudian meninggalkan dunia menuju kehidupan akhirat dimana ia akan tinggal selamanya. Akan tetapi, orang yang ingkar tidak akan mampu memahami kenyataan ini sehingga mereka berperilaku seakan-akan segala sesuatu di

dunia ini miliknya. Hal ini akan memperdaya mereka kerana semua kesenangan di dunia ini bersifat sementara dan tidak sempurna, serta tidak mampu memuaskan manusia yang diciptakan untuk keindahan kesempurnaan abadi, iaitu Allah.

Tidak dapat dinafikan bahawa kehidupan dunia sangat indah, menyenangkan. Apabila manusia telah mendapatkan dunia, baik berupa harta kekayaan, kebun yang luas, rumah yang besar, kenderaan yang mahal, jabatan yang tinggi, maupun istri yang cantik, ia akan merasakan betapa indah dan menyenangkan kehidupan ini. Manusia biasanya merasa berat untuk meninggalkan kerana sifatnya yang indah dan menyeronokkan, Almascaty (2001).

Oleh kerana, manusia harus berhati-hati terhadap godaan keindahan dan kesenangan dunia, jangan sampai mereka terlena, lupa daratan, dan tidak menghiraukan kehidupan abadi selepas itu. Kehidupan dunia yang indah dan menyeronokkan ini perlu dijadikan sarana untuk mencapai kehidupan yang bahagia, baik di dunia dan akhirat.

Pada dasarnya, kehidupan dunia dan segala yang menyertainya tidak ada nilainya ketika manusia sudah mati. Ketika manusia tidak mampu menjadikan dunia sebagai sarana untuk mencapai ketinggian martabatnya, maka dunia dan segala kehidupannya tidak bermakna apa-apa baginya. Dunia akan memberi manfaat apabila dapat mendatangkan kebahagiaan dan keselamatan bagi manusia. Namun demikian bukan berarti dunia ini tidak bernilai dan tidak perlu dikehjarni bagi ummat Islam, bahkan Islam memerintahkan umatnya menjadi orang-orang kaya yang mampu mengeluarkan hartanya di jalan Allah.

Salah satu kelebihan yang diberikan kepada manusia, berbanding dengan mahluk lainnya adalah kemampuan manusia untuk berfikir. Manusia mempunyai akal yang mampu memberikan arahan kemana tubuh ini akan pergi. Dengan akal inilah manusia membezakan diri dari haiwan. Akal adalah panglima yang menentukan baik buruk seseorang. Akal mendorong manusia berbuat sesuatu di dunia ini. Setiap hari, manusia digalakkan menggunakan dan mempertimbangkan akal sihat yang dimilikinya dibandingkan nafsu belaka. Pertimbangan akal sehat harus mampu dikedepankan agar hidup manusia tidak terjebak dalam nafsu hewani yang sudah terdapat dalam dirinya.

Pertarungan yang hebat antara akal dan hawa nafsu yang terjadi sepanjang kehidupan manusia inilah yang menjadikan manusia mempunyai potensi memiliki darjat yang lebih tinggi berbanding dengan mahluk lainnya. Manusia bisa diangkat darjatnya ke tahap yang lebih tinggi berbanding makhluk lain, tetapi di sisi lain manusia juga boleh memilih

untuk menjerumuskan dirinya sendiri ke jurang kenistaan yang dalam, bahkan lebih dalam daripada binatang dan mahluk lainnya, Zainuddin (2012).

Untuk boleh memulai pertarungan dengan hawa nafsu dalam kehidupan sehari-hari, orang mesti mulai mengusahakan kebersihan hati dan fikiran. Hati dan pikiran yang bersih akan menjadi awal yang baik bagi terbentuknya iklim dan persekitaran yang positif. Dengan keterbukaan dan kebersihan hati, orang akan saling percaya sehingga menimbulkan keharmonian alam sekitar dan alam dan alam.

Di sinilah agama Islam mengajarkan agar sebelum memulakan sesuatu kita mengawali dengan dengan niat yang baik, niat yang bersih. Niat yang baik adalah niat yang dipenuhi oleh keinginan untuk berbuat baik, bagi diri sendiri dan orang lain. Niat yang baik menebarkan kebaikan bagi semua, karena prinsip hidupnya adalah “sebaik-baik manusia adalah orang yang paling baik dan paling bermanfaat bagi orang lain”.

2. Menjaga Lisan

Mesej kepada ummat manusia, khususnya kepada ummat Islam untuk senantiasa manjaga lisannya antara lain tercermin dalam salah satu hadis, “*Sungguh seorang hamba bercakap satu kalimat, dan tidak dapat mempertanggungjawabkan apa yang telah ia bicarakan, maka ia akan diazab di dalam api neraka selama jarak antara timur dan barat*” (HR. Bukhari)Chirzin (2000). Ketika bercakap dianggap tidak terlalu penting maka diam memiliki nilai maslahat. Maslahat apa yang diharap seorang hamba, yang lebih baik dari keselamatan dari neraka yang banyak diceburkan ke dalamnya orang-orang yang tidak dapat diam dengan baik. Demikian juga, dalam mejelis orang-orang yang mencintai Allah dan jujur, maka jika seseorang telah kehilangan jalan menuju keselamatan dan kemenangan, maka di antara jalan yang masih tersisa adalah diam dan mendengar dengan baik “*Siapa diam, maka ia selamat.*” (HR. Tirmidzi - Bukhari) Chirzin (2000).

Al-Muhasibi dalam Muhammad Chirzin (2000) berkata, “Takutlah wahai saudaraku pada lisanmu, melalui takutmu pada singa ganas yang siap menerkammu. Seorang beriman yang dunia kerana diterkam gigitan binatang buas balasannya adalah surga, dan balasan orang yang terbunuh kerana lisannya adalah neraka, kecuali Allah mengampuninya. Wahai saudaraku, janganlah lalai akan lisanmu ! sebab lisanmu adalah binatang buas yang mangsa pertamanya adalah pemiliknya sendiri. Tutuplah pintu ucapan dengan kuat dan jangan buka kecuali saat

engkau harus membuka. Berhati-hati terhadap ucapan panjang lebar yang menyebabkan dirimu binasa.

Keharusan menjaga lisan semakin perlu ditempat-tempat pergaulan yang berpeluang timbulnya tuduhan dan fitnah. Jika seseorang terpaksa marah karena Allah, hendaknya mengawal diri sendiri dari memaki, mengumpat dan menggunakan bahasa yang buruk. Seorang Muslim yang menyerap ajaran Islam jauh dari kata-kata kotor dan senantiasa menjauhkan jarak dari sikap tersebut setiap kali dia memahmi teladan Nabi yang tidak pernah mengucapkan satu katapun yang melukai perasaan orang atau merosakkan kehormatannya.

Bahkan nabi Muhammad SAW tidak pernah memaki orang kafir yang berkeras hati terhadap mesej-mesej Islam. Beliau tidak mengucapkan kata-kata yang menyakitkan. Orang terlibat dalam isu yang jahat terkutuk di dunia dan kepadanya diberi amaran akan nasib yang mengerikan di akhirat, jika dia terus melakukan kesalahan. “ orang yang terlibat dalam isu yang jahat tidak akan masuk surga.” (HR Burkhari dan Muslim) Chirzin (2000). Oleh karena itu Memberikan kesaksian palsu bisa merosakkan kredibiliti dan kehormatan seseorang.

Demikian pula seorang Muslim tidak mengesyaki seseorang dengan sesuatu yang buruk, sesuai dengan firman Allah dalam al-Quran (Al-Hujurat 49:12):

يَنَّا إِلَيْهَا الَّذِينَ ءاْمَنُوا اجْتَبَوْا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِنَّمَا لَا يَجْتَسِنُوا وَلَا يَعْتَبُ بَعْضُكُمْ بَعْضًا
أَيْحُبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهُتُمُوهُ وَأَنْقَوْا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَابٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan purba-sangka (kecurigaan), karena sebagian dari purba-sangka itu dosa. dan janganlah mencari-cari keburukan orang dan janganlah mengunjingkan satu sama lain. Adakah seorang diantara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang”. (Jabatan Agama RI 2002).

Nabi SAW menilai kecurigaan sebagai ungkapan yang palsu, Beliau mengarahkan ummat Islam untuk memandang seseorang dari nilai lahirianya, karena hanya Allah yang mengetahui segala yang rahasia dan

tersembunyi. Seorang Muslim senantiasa berhati-jati dalam berbicara, memikirkan setiap kata sebelum diucapkan, karena di atahu, kata-kata ini akan mengangkatnya ke posisi yang diridhai Allah atau menyebabkan kemarahan-Nya. Betapa besar tanggung jawab kita atas kata-kata yang kita ucapkan. Betapa seriusnya konsekuensi kata-kata yang diucapkan secara sembrono.

3. Bertaubat

Allah SWT memerintahkan orang beriman agar beraubat kepada Allah atas segala kesalahan dan bertekad tidak mengulang kesalahannya serta berusaha senantiasa melakukan amal saleh. Dengan taubat yang demikian, semoga Allah berkenan mengampuni segala kesalahan kita di dunia, dan kelak di akhirat berkenan memasukkan kita ke kampung syurga yang penuh dengan keindahan dan kenikmatan. Itulah kampung yang didambakan setiap mukmin.

Sebagai manusia biasa, kita kadang lupa atau salah dalam mengerjakan perintah dan menghindari larangan Allah SWT. Kita sering berbuat salah, baik disengaja maupun tidak. Sebaik-baik orang yang berbuat salah adalah yang mahu bertaubat; menghentikan semua kesalahan dan menggantikannya dengan amalan saleh. Perbuatan baik itu akan menutup perbuatan buruk yang terlanjur dilakukan. Allah berfirman dalam Al-Quran (Hud 11:114):

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرَفِ النَّهَارِ وَزُلْفًا مِنَ الْأَيَّلِ إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُدْهِنُ الْسَّيِّئَاتِ ذَلِكَ ذِكْرٌ
لِلذِّكْرِينَ

Maksudnya: “Dan dirikanlah sembahyang itu pada kedua tepi siang (pagi dan petang) dan pada bahagian permulaan daripada malam. Sesungguhnya perbuatan-perbuatan yang baik itu menghapuskan (dosa) perbuatan-perbuatan yang buruk. Itulah peringatan bagi orang-orang yang ingat”. (Jabatan Agama RI 2002).

Selanjutnya, Rasulullah Saw bersabda: “Bertakwalah kepada Allah dimana pun kamu berada, dan ikutilah perbuatan buruk dengan perbuatan baik, niscaya kebaikan itu akan menghapuskan keburukan dan bergaullah

dengan sesama dengan akhlak yang baik". (Riwayat Tirmidzi) Chirzin (2000).

Bertaubat dilakukan dengan memperbanyak memohon ampun kepada Allah dengan hati yang tulus, menyesali kesalahan yang telah lalu dan berazam tidak mengulanginya. Bertaubat sangat besar hikmahnya bagi setiap mukmin. Dengan bertaubat, dosa kita akan diampuni. Dengan bertaubat, kita akan diberi Allah kenikmatan yang berlipat ganda. Dalam khutbah, Nabi Saw senantiasa mengucapkan, "Segala puji bagi Allah, kami memohon pertolongan dan keampunan kepada-Nya.kami berlindung kepada Allah dari kejahatan diri kami dan keburukan alam kami".

Siapa berlomba memohon ampunan Allah dan mengejar syurga dengan beramal, tolong menolong sesama manusia dan mentaati perintah Allah dan Rasul, maka bahagialah hidupnya di dunia, diliputi rahmat dan tersedia lah kelak syurga yang luasnya seluas langit dan bumi, untuk orang yang bertakwa

Dengan sentiasa bertaubat dan *beristigfar* kepada Allah, kita selalu mendekatkan diri kepada Allah dan tidak mahu terlepas dari penjagaan dan perlindungan-Nya. Dalam pergolutan menegakkan iman, kadang-kadang kita kalah dengan tidak sengaja, dan kadang-kadang kita menang dan dapat meneruskan langkah. Tahulah kita bagaimana sukarnya perjalanan yang kita tempuh. Kalau bukan kerana kesulitan itu tidaklah akan terasa nikmatnya iman.

4. Membaca Al-Quran

Salah satu pendorong tumbuhnya cinta kepada Allah ialah membaca Al-Quran dengan khusyu dan berusaha memahaminya. Banyak orang-orang terdahulu merasakan makna ini, hingga mereka gemar membaca Al-Quran. Al-Quran merupakan sesuatu yang agung dan bersinar. Allah mengkhususkan manusia dengan kitab dan firman-Nya, agar dapat mencintai-Nya. Al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad merupakan salah satu bentuk penghormatan Allah bagi manusia. Ibnu Shalah berkata, Chirzin (2000), "*Bacaan Al-Quran itu mulia, Allah memuliakan manusia dengannya.*" Kemuliaan ini bertambah lengkap dengan membaca Al-Quran yang diringi keikhlasan. Allah telah mengizinkan kita bermunajat kepada-Nya dengan Al-Quran, dan Al-Quran merupakan bukti wujud Allah dan cinta-Nya. Bukti paling kuat kecintaan terhadap Al-Quran adalah berusaha untuk memahaminya, merenungkannya dan bertafakkur akan makna-maknanya.

Perenungan terhadap kandungan Al-Quran boleh menyembuhkan penyakit hati, membersihkan daripada kotoran dan menghilangkan syubhat (keraguan) serta godaan syetan. Perenungan terhadap Al-Quran merupakan keadah untuk mengetahui makna-maknanya dan memahami maksud-maksudnya yang menjadi dasar tugas agama.

Mengetahui makna ayat Al-Quran dengan kaedah renungan dan kajian menuntut kesungguhan, agar pengetahuan itu memudahkannya memberitahukan atau mengajarkannya kepada orang lain. Membaca Al-Quran haruslah diiringi dengan perenungan terhadapnya. Keberkahan kitab ini tersimpan didalamnya. Orang yang bersahabat dengan Al-Quran akan naik darjatnya. Al-Quran bersama sahabatnya seperti seorang rakannya sejati yang tidak akan keredhaan tanpa kereehdaan temannya. Imam Ghazali menyebutkan beberapa sikap yang harus dilaksanakan dalam membaca Al-Quran, Chirzin (2000):

1. Memahami bahawa firman Alah itu agung dan tinggi, memahami kemuliaan Allah SWT yang telah menurunkan firman-firman-Nya kepada hamba-Nya
2. Menghadirkan hati dan meninggalkan segala hal yang mengganggu fikiran dalam menghayati firman-Nya dengan bersungguh-sungguh memusatkan segala perhatian dan kehendak kepada Al-Quran
3. Dibacanya dengan tartil. Jika belum mantap meresap, hendaklah dulang bacaannya.
4. Memahami maksud ayat-ayat dan berusaha menangkap makna yang tersirat di dalamnya. Kerana Al-Quran mendedahkan sifat-sifat Akkah dan Karya-karya-Nya, keadaan Nabi-nabi-Nya, orang-orang yang mendustakan agama dan keadaan orang yang dihancurkan Allah akibat tingkah laku mereka.
5. Melepaskan pikiran dari segala sesuatu yang menghalangi pemahaman Al-Quran.
6. Terkesan hatinya dengan ayat-ayat yang dibacaketika menjumpai ayat-ayat kabar gembira, hatinya bahagia dan bila menjumpai ayat-ayat ancaman hatinya gementar.
7. Berusaha mendengarkan firman-firman Allah darin-Nya, merasakan seolah yang didengar itu bukan bacaannya sendiri, tetapi dari Allah SWT.

KESIMPULAN

Kewujudan *Kitta Tulkiyamat* ditengah-tengah masyarakat Makassar di Kecamatan Sanrobone, Kabupaten Takalar masih memperlihatkan kewujudannya, tetap dipelihara, dan disimpan oleh masyarakat, kerana naskhah tersebut memiliki kelebihan dibanding dengan naskhah-naskhah lainnya. Walaupun naskhah ini tetap dilakukan pembacaan oleh masyarakat, namun perhatian masyarakat terhadap naskhah ini menunjukkan kecendrungan semakin menurun, terutama di kalangan generasi muda.

Namun demikian, pembacaan naskhah masih dianggap relevan kerana dapat meningkatkan paham keagamaan, memberikan kesedaran bagi masyarakat untuk mengubah perilaku ke arah yang lebih baik, dan dapat menjadi sarana untuk mempererat hubungan kekerabatan. *Kitta Tulkiyamat* masih relevan disosialisasikan dalam kehidupan masyarakat. *Tulkiyamat* sebagai naskhah yang sarat dengan ajaran-ajaran Islam yang berdasarkan Al-Quran dan Hadis Nabi, perlu tetap disosialisasikan dalam bentuk latihan pembacaan, penulisan dan penterjemahan kepada generasi muda untuk menjaga nilai-nilai kearifan lokal.

RUJUKAN

- Almascaty , Hilmy Bakar. 2001. *Panduan Jihad untuk Aktivis Gerakan Islam*, 2001, Jakarta : Gema Insani Press
- Asy-Syafawi, Mahmud.2010. *Shalat Tahajjud dan Shalat Hajat*: Cara Paling Efektif Mengangkat Drajat.Yogyakarta : Mutiara Media,
- Al-Umar, Ahmad Kahiri. 2014. *Buap Apa Shalat ?* Jakarta : Al Mahira
- Aziz, Moh Ali. 2004. *Ilmu Dakwah*. Cet I. Bandung: Kencana
- Aziz, Moh Ali. 2004. *Ilmu Dakwah*. Edisi Pertama,Jakarta: Prenada Media
- Chirzin, Muhammad. 2000. *Menempuh Jalan Allah*.Yogyakarta: Madani Pustaka Hikmah,
- Departemen Agama RI. *Al-Qur'an dan Terjemahnya*, 2002
- Gani, Ambo dkk.1990. *Tulkiyamat*. Jakarta: Jabatan Pendidikan dan Kebudayaan Direktorat Jenderal Kebudayaan Direktorat Sejarah dan Nilai Tradisional Projek Penyelidikan dan Pengkajian Kebudayaan Nusantara
- Sariana, Lestari dkk. Makna Mesej Komunikasi Tradisional Kesenian Masamper : Studi Pada Lelompok Masamper yang ada di

- Kecamatan Tumiting kota Manado. Journal “Acta Diurna”
Volume III No.3 Tahun 2014
- Shihab, Alwi. 1999. *Islam Inklusif Menuju Sikap Terbuka dalam Beragama*. Bandung: Mizan
- Shihab , M. Quraish. 2002. *Tafsir Al-Misbah* : Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an. Jakarta : Lentera Hati
- Zainuddin, Akbar. 2012. *Man Jadda Wajadda* : The Art of Exelent Life. Jakarta : PT Gramedia Pustaka Utama.

*Nur Setiawati Mappaselleng
Fakultas Agama Islam,
Universitas Muslim Indonesia
JL. Urip Sumihardjo Km 5. Makassar, Indonesia
E-mail: aghiebajiminasa@gmail.com

**Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri
Director IPDM Universiti Utara Malaysia
E-mail: zaharsani@uum.edu.my

Nilai Pencapaian dan Orientasi Masa Hadapan Remaja Orang Asli di Negeri Pahang dan Perak, Malaysia

Achievement Value and Future Orientation among Orang Asli Adolescents in
the States of Pahang and Perak, Malaysia

AZLINA MOHD KHIR*
MA'ROF REDZUAN
HANINA H. HAMSAN
MOHD IBRANI SHAHRIMIN

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti tahap nilai pencapaian dan orientasi masa hadapan remaja Orang Asli. Ia juga bertujuan untuk menentukan perbezaan nilai pencapaian dan orientasi masa hadapan berdasarkan pencapaian akademik responden. Kajian ini melibatkan 402 remaja Orang Asli di negeri Pahang dan Perak yang dipilih melalui kaedah persampelan pelbagai peringkat. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik melalui prosedur tadbir sendiri dengan pemantauan minima oleh penyelidik. Hasil kajian mendapati responden secara puratanya lemah dalam pelajaran dan mempunyai tahap nilai pencapaian serta orientasi masa hadapan yang sederhana. Kajian juga mendapati nilai pencapaian ($F(2, 399) = 11.14; p < 0.01$) dan orientasi masa hadapan ($F(2, 399) = 28.11; p < 0.01$) berbeza secara signifikan berdasarkan tahap pencapaian akademik. Responden yang mempunyai tahap pencapaian akademik yang lebih baik mempunyai tahap nilai pencapaian yang lebih tinggi dan orientasi masa hadapan yang lebih optimis, berbanding rakan yang rendah tahap pencapaian akademiknya. Kesimpulannya, faktor psikologikal seperti nilai pencapaian dan orientasi masa hadapan berkait rapat dengan pencapaian akademik pelajar. Justeru, dalam usaha mempertingkatkan mutu akademik para pelajar Orang Asli, kedua-dua faktor tersebut perlu diberikan perhatian.

Kata Kunci: *Nilai pencapaian, orientasi masa hadapan, pencapaian akademik, remaja, Orang Asli.*

ABSTRACT

This study was conducted to identify the level of achievement value and future orientation among Orang Asli Adolescents. It is also to determine the differences of achievement value and future orientation according to academic achievement. This study involved 402 Orang Asli adolescents in the state of Pahang and Perak, who were selected through multi-stage sampling technique. Data were collected using questionnaires through a self-administered procedure with minimal monitoring by researcher. The study found that respondents were averagely weak in their studies, and have moderate level of achievement value and future orientation. This study also indicated that the achievement value ($F(2, 399) = 11.14; p < 0.01$) and future orientation ($F(2, 399) = 28.11; p < 0.01$) showed significant differences based on academic achievement. Respondents who achieved higher level in academic also possess higher level of achievement value and more optimist in future orientation compare to their friends who obtained lower level of academic achievement. As a conclusion, psychological factors such as achievement value and future orientation are closely related to academic achievement. Thus, in order to improve the academic performance of Aboriginal students, both factors should be given attention.

Keywords: Achievement value, future orientation, academic achievement, adolescents, Orang Asli.

PENGENALAN

Remaja adalah tempoh peralihan daripada zaman kanak-kanak kepada zaman dewasa yang melibatkan perubahan biologi, kognitif dan sosioemosi (Santrock, 2008). Perubahan tersebut bermula daripada perkembangan fungsi seksual kepada proses pemikiran yang lebih abstrak. Penyelidik-penyalidik dalam bidang psikologi perkembangan bersetuju bahawa perkataan remaja bukan hanya merujuk kepada proses biologi sahaja, tetapi perkataan ini turut meliputi perkembangan psikososial individu dalam konteks budaya. Malah, masa depan sesuatu budaya itu sangat bergantung kepada keberkesanan persediaan remaja untuk melangkah ke alam dewasa. Perkembangan pada peringkat remaja ini turut dilalui oleh remaja dari kalangan minoriti Orang Asli di Malaysia.

Komuniti Orang Asli adalah satu-satunya komuniti peribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Sebahagian besar daripada mereka masih tinggal di kawasan pedalaman di beberapa negeri seperti Pahang, Perak, Kelantan, Terengganu, Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Kedah. Komuniti Orang Asli bukanlah suatu kaum minoriti yang bersifat

homogen, tetapi mereka merupakan suatu kaum yang heterogen yang mana terdapat perbezaan unik dari segi sosio-budaya dan psikososio-kognitif bagi setiap kaum (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2011).

Dalam konteks masyarakat minoriti khususnya masyarakat Orang Asli, tahap pendidikan dalam kalangan golongan ini masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan masyarakat arus perdana. Malah, kadar keciciran di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah masih lagi tinggi. Sebagai contoh, daripada 4,431 murid Orang Asli yang tamat darjah enam pada tahun 2009, hanya 3,145 orang sahaja yang menyambung pelajaran ke tingkatan satu pada tahun 2010. Ini bererti kadar keciciran adalah sebanyak 29.02 peratus, dan kadar tersebut masih lagi tinggi (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2011). Tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan Orang Asli sering dikaitkan dengan kemiskinan dan kemunduran, malah ia turut menjadi penghalang kepada mereka untuk mencapai kemajuan.

Oleh itu, timbul persoalan bagaimakah pandangan dan pemikiran remaja Orang Asli terhadap masa hadapan mereka? Adakah mereka optimis untuk berjaya dalam pendidikan? Dan bagaimana pula dengan nilai untuk mencapai kejayaan? Nilai pencapaian adalah matlamat untuk mencapai kejayaan peribadi menerusi demonstrasi kecekapan berdasarkan kepada standard atau piawai sosial. Ia juga berkait dengan keinginan untuk menonjol sebagai cemerlang dan berjaya untuk mencapai cita-cita (Schwartz, 1992; 2012). Manakala, orientasi masa hadapan adalah fenomena kognitif-motivasi yang menggambarkan jangkaan sesuatu perkara (Trommsdorff, Burger, & Fuchsle, 1982), yang melihat sejauhmana seseorang itu optimis atau pesimis terhadap masa hadapan (Trommsdorff & Lamm, 1980). Kejayaan akademik sangat berkait dengan nilai pencapaian (Schwartz, 1992) dan perasaan positif terhadap masa hadapan seperti optimis (Peterson, 2000; Chang & Sanna, 2003). Sekiranya pelajar Orang Asli tidak optimis terhadap masa hadapan, maka usaha untuk berjaya dalam pelajaran agak sukar dicapai.

Justeru, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti tahap nilai pencapaian dan orientasi masa hadapan remaja Orang Asli, di samping menentukan perbezaan faktor tersebut mengikut tahap pencapaian akademik remaja yang dikaji. Dengan memahami kekuatan dan kelemahan yang ada pada remaja Orang Asli, kita dapat membantu mereka menjalankan tugas perkembangannya dengan lebih baik agar mereka juga berjaya seperti kebanyakan remaja arus perdana.

METODOLOGI

Sampel dan Lokasi Kajian

Responden kajian ini terdiri daripada 402 pelajar Orang Asli dari sepuluh buah sekolah menengah di negeri Perak dan Pahang. Responden dipilih melalui kaedah persampelan pelbagai peringkat (*multi-stage sampling*) yang melibatkan tiga tahap iaitu pemilihan sampel negeri, sekolah dan pelajar. Sepuluh buah sekolah menengah yang terlibat dalam kajian ini adalah SMK Tapah, SMK Ulu Kinta, SMK Muhibbah, SMK Syeikh Abdul Ghani, SMK Sultan Idris Shah II, SMK Orang Kaya Haji, SMK Felda Sg. Koyan, SMK Kuala Krau, SMK Sultan Ahmad Shah dan SMK Karak.

Prosedur dan Instrumen

Data dikumpul menggunakan borang soal selidik yang ditadbir sendiri oleh responden dengan pemantauan minima oleh penyelidik. Soal selidik yang digunakan untuk kajian ini mengandungi tiga bahagian iaitu : 1) Maklumat Latar belakang Responden, 2) Alat Ukuran Nilai Pencapaian, dan 3) Ujian Orientasi Kehidupan Belia (*Youth Life Orientation Skill*).

Maklumat latar belakang responden mengandungi jantina, umur, suku kaum, status penginapan di asrama dan pencapaian akademik. Skor bagi pencapaian akademik dikira berdasarkan empat subjek terpilih iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi pelajar tingkatan dua Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi pelajar tingkatan empat.

Alat ukuran nilai pencapaian telah dibina sendiri oleh penyelidik dengan mengadaptasi *Schwartz Value Survey* (SVS). Alat ukuran ini mempunyai 13 kenyataan, di mana responden dikehendaki menandakan persetujuan sama ada kenyataan tersebut penting dalam kehidupan mereka, berdasarkan skala empat pilihan iaitu “Sangat Tidak Penting” (1) hingga kepada “Sangat Penting” (4). Julat skor adalah antara 13 hingga 52, dan seterusnya dibahagikan kepada tiga tahap berdasarkan formula min teoritikal dan sisihan piawai. Semakin tinggi skor menunjukkan responden lebih mementingkan nilai pencapaian. Alat ukuran ini mempunyai nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach sebanyak 0.892.

Ujian Orientasi Kehidupan Belia (*Youth Life Orientation Skill*) telah digunakan untuk mengukur jangkaan positif dan negatif kanak-kanak terhadap masa hadapan. UOKB telah dibina oleh Ey, Hadley, Allen,

Palmer, Klosky, Deptula, Thomas dan Cohen (2005) berdasarkan *Life Orientation Test-Revised (LOT-R)* oleh Scheier, Carver dan Bridges (1994). UOKB mengandungi 16 item termasuk 2 *filler item*, dengan nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach sebanyak 0.657. Responden dikehendaki mengesahkan sama ada item-item yang dinyatakan “Sangat Benar” (3) kepada “Sangat Tidak Benar” (0). Julat skor adalah antara 0 hingga 42, di mana semakin tinggi skor menunjukkan responden cenderung kepada orientasi masa hadapan yang optimis dan semakin rendah skor adalah pesimis.

Analisis Data

Analisis statistik yang digunakan dalam kajian ini adalah ujian korelasi Pearson, Ujian ANOVA sehala dan Ujian *Post Hoc Multiple Comparisons*.

HASIL KAJIAN

Maklumat Latar belakang Responden

Jadual 1 memaparkan maklumat latar belakang responden yang berkenaan dengan gender, umur, suku kaum, status penginapan di asrama dan pencapaian akademik responden. Responden kajian ini terdiri daripada 232 orang remaja yang berumur 14 tahun (tingkatan dua) dan 170 orang remaja yang berumur 16 tahun (tingkatan empat). Majoriti (60.95%) responden adalah perempuan dan lebih daripada separuh (63.43%) responden adalah daripada suku kaum Semai. Sebahagian besar daripada responden (77.10%) menginap di asrama.

Jadual 1: Maklumat Latar Belakang Responden

Pemboleh ubah	n	(%)	Pemboleh ubah	n	(%)
1.Jantina			4.Status Penginapan di Asrama		
Lelaki	157	(39.05)	Ya	310	(77.10)
Perempuan	245	(60.95)	Tidak	92	(22.90)
2.Umur	14	(57.72)	5. Pencapaian Akademik	A (80-100)	10 (2.50)

16	170	(42.28)	B (65-79)	36	(9.00)
Min : 14.85;			C (50-64)	94	(23.40)
S.P.: 0.989			D (40-49)	102	(25.40)
3. Suku Kaum			E (20-39)	148	(37.95)
Jakun	2	(0.50)	Min: 44.24; S.P.: 15.87		
Semelai	2	(0.50)			
Temuan	5	(1.24)			
Jahut	30	(7.46)	6. Pendapatan Ibu Bapa		
Semai	255	(63.43)	≤ RM499	214	(66.05%)
Semoq Beri	1	(0.25)	RM500-RM999	59	(18.21)
Temiar	103	25.62	RM1000-RM1499	24	(7.41)
Jahai	4	(1.00)	RM1500-RM1999	11	(3.40)
			≥ RM2000	16	(4.94)
			Min: 503.35; S.P.: 549.69		

Bagi pencapaian akademik, penyelidik telah membahagikan peratus pencapaian akademik responden kepada lima tahap berdasarkan gred dan peratusan yang kebiasaannya digunakan oleh pihak sekolah (rujuk Jadual 1). Kajian mendapati min keseluruhan pencapaian akademik remaja yang dikaji ialah 44.24 yang menunjukkan secara purata responden mencapai gred D. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa prestasi akademik remaja Orang Asli masih lemah. Seterusnya, jumlah pendapatan bulanan ibu bapa untuk kajian ini merujuk kepada keseluruhan pendapatan ibu dan bapa responden bagi sebulan berdasarkan maklumat yang dilaporkan oleh responden. Umumnya, keluarga responden yang terlibat dalam kajian ini mempunyai pendapatan yang agak rendah (min = RM503.35). Sebilangan besar keluarga responden iaitu 214 keluarga (66.05%) memperoleh pendapatan bulanan kurang daripada RM500. Berdasarkan Unit Perancang Ekonomi (2011), purata garis kemiskinan bagi Semenanjung Malaysia pada tahun 2009 ialah RM760, manakala kemiskinan tegar ialah RM460. Ini bermakna, lebih separuh daripada responden berada dalam isi rumah yang miskin tegar.

Nilai Pencapaian dan Orientasi Masa Hadapan Remaja Orang Asli

Berdasarkan keputusan yang dipaparkan dalam Jadual 2, majoriti responden (66.9%) mempunyai tahap nilai pencapaian sederhana dengan nilai purata 44.50 (S.P. = 4.92), diikuti tahap tinggi (17.4%) dan tahap rendah (15.7%). Skor tinggi menunjukkan responden mementingkan nilai pencapaian, manakala skor rendah menunjukkan responden kurang mementingkan nilai pencapaian. Kajian ini mendapati remaja Orang Asli yang dikaji mempunyai keinginan untuk berjaya dan cemerlang pada tahap sederhana diikuti tahap tinggi.

Jadual 2: Skor dan Tahap Nilai Pencapaian dan Orientasi Masa Hadapan Remaja Orang Asli

Pembolehubah	n	%	Purata	S.P	Min	Mak
Nilai Pencapaian						
Rendah (31-39)	63	15.7	44.50	4.92	31	52
Sederhana (40-49)	269	66.9				
Tinggi (50-52)	70	17.4				
Orientasi Masa Hadapan						
Rendah (17-22)	63	15.7	25.62	3.41	17	34
Sederhana (23-28)	265	65.9				
Tinggi (29-34)	74	18.4				

Dapatan kajian ini sedikit berbeza dengan dapatan-dapatan sebelum ini yang sering mengaitkan Orang Asli mahupun orang miskin dengan stigma negatif seperti kurang bermotivasi, kurang keinginan untuk berjaya dan mempunyai nilai pencapaian yang rendah. Kajian oleh Azlina (2010) mendapati komuniti Melayu miskin meletakkan nilai pencapaian (bercita-cita tinggi) pada kedudukan yang rendah atau tidak penting. Ini kerana responden miskin lebih mementingkan nilai-nilai moral seperti bertanggungjawab, patuh, sopan-santun, memaafkan dan kasih sayang, berbanding nilai kemampuan atau nilai pencapaian seperti bercita-cita tinggi, berupaya dan intelektual. Cozzarelli et al. (2001) pula mendapati trait negatif seperti kurang berupaya, tidak bermotivasi dan tidak intelektual menjadi ciri-ciri orang miskin berbanding kumpulan pertengahan yang mempunyai ciri-ciri yang lebih positif. Namun, hasil

kajian ini menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan remaja Orang Asli untuk menjadi lebih baik dan berjaya, memandangkan majoriti daripada mereka mempunyai tahap nilai pencapaian yang sederhana diikuti oleh tahap tinggi.

Seterusnya, keputusan yang dipaparkan dalam Jadual 2 menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap orientasi masa hadapan yang sederhana (65.9%) dengan skor purata 25.62 (S.P. = 3.41), diikuti oleh tahap tinggi (18.4%) dan tahap rendah (15.7%). Menurut Ma'ruf (2010), terdapat pandangan daripada kakitangan JAKOA sendiri yang mempersepsikan bahawa umumnya sikap komuniti Orang Asli amat sukar diubah untuk menerima perubahan yang dirancang. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati remaja Orang Asli mempunyai tahap orientasi masa hadapan yang sederhana dan mengarah kepada optimis. Ini menunjukkan golongan muda Orang Asli semakin optimis terhadap masa hadapan yang lebih baik dan semakin menerima perubahan positif terhadap kehidupan. Optimisme telah terbukti memainkan peranan dalam mood yang positif, kecekalan, baik dalam penyelesaian masalah, dan kejayaan akademik dan pekerjaan (Peterson, 2000).

Perbezaan Nilai Pencapaian dan Orientasi Masa Hadapan Remaja Orang Asli berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik

Analisis varians (ANOVA) sehala telah digunakan untuk menguji H_{a1} dengan andaian bahawa nilai pencapaian berbeza mengikut tahap pencapaian akademik. Dalam bahagian ini pencapaian akademik diklasifikasikan kepada tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi, berbeza dengan klasifikasi dalam maklumat latar belakang responden (Jadual 1). Klasifikasi adalah berdasarkan min teoritikal dan sisihan piawai. Responden yang memperoleh skor melebihi 61 berada pada tahap tinggi dalam pencapaian akademik. Sebaliknya, responden yang mendapat skor antara 29-61 berada pada tahap sederhana, dan skor kurang daripada 29 berada pada tahap rendah dalam pencapaian akademik.

Keputusan dalam Jadual 3 menunjukkan nilai pencapaian berbeza secara signifikan pada aras 0.01 bagi tiga tahap pencapaian akademik, $F(2,399) = 11.14$, $p = 0.00$; $partial eta Squared = 0.053$ dengan magnitud kesan saiz yang kecil. Ini membawa maksud bahawa nilai pencapaian remaja Orang Asli adalah berbeza berdasarkan tahap pencapaian akademik mereka.

Jadual 3: Keputusan Analisis ANOVA Nilai Pencapaian Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik

Sumber Variasi	JKD	dk	MKD	F	p
Antara Kumpulan	513.33	2	256.66	11.14	0.00*
Dalam Kumpulan	9197.16	399	23.05		
Total	9710.49	401			

*p<0.01

Seterusnya, untuk menentukan min kumpulan mana yang berbeza secara signifikan, ujian *Post Hoc Multiple Comparisons* telah dilakukan. Keputusan Ujian *Post Hoc* yang dipaparkan dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa perbezaan yang signifikan berlaku antara ketiga-tiga kumpulan pada aras 0.05. Secara keseluruhan, kumpulan tahap pencapaian akademik yang tinggi, mempunyai nilai pencapaian lebih tinggi berbanding kumpulan tahap pencapaian akademik sederhana dan rendah. Begitu juga dengan kumpulan pencapaian akademik sederhana mempunyai nilai pencapaian lebih tinggi berbanding kumpulan tahap pencapaian akademik yang rendah. Oleh itu, H_{a1} berjaya diterima.

Jadual 4: Perbezaan Nilai Pencapaian Berdasarkan Kumpulan

Kumpulan (A dan B)	Perbezaan Min (A-B)	Aras Signifikan
Tahap Tinggi dan Tahap Rendah	3.63*	0.00
Tahap Tinggi dan Tahap Sederhana	1.56*	0.04
Tahap Sederhana dan Tahap Rendah	2.06*	0.00

*p<0.05

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa nilai pencapaian berbeza secara signifikan berdasarkan tahap pencapaian akademik remaja Orang Asli yang dikaji. Kumpulan pelajar yang cemerlang atau tinggi tahap pencapaian akademik mempunyai tahap nilai pencapaian yang lebih tinggi berbanding kumpulan yang kurang cemerlang. Hasil kajian ini menyokong pandangan Schwartz (1992) yang menyatakan bahawa pendidikan mempunyai hubungan yang positif dengan nilai pencapaian. Ini bermakna, pelajar-pelajar Orang Asli yang lebih cemerlang, mempunyai lebih keinginan untuk menonjol sebagai cemerlang dan berjaya untuk mencapai cita-cita. Sebaliknya, pelajar-pelajar Orang Asli yang kurang cemerlang mempunyai kurang keinginan untuk berjaya. Justeru, terdapat perbezaan

yang signifikan nilai pencapaian berdasarkan tahap akademik remaja Orang Asli, di mana semakin tinggi tahap pencapaian akademik, semakin tinggi nilai pencapaian yang dimiliki remaja tersebut.

Hipotesis seterusnya yang dibentuk ialah terdapat perbezaan orientasi masa hadapan berdasarkan tahap pencapaian akademik (H_{a2}). Hasil analisis ANOVA satu hala yang dipaparkan dalam Jadual 5 menunjukkan orientasi masa hadapan berbeza secara signifikan pada aras 0.01 bagi tiga tahap pencapaian akademik, $F(2,399) = 28.11$, $p = 0.00$; *partial eta Squared* = 0.12 dengan magnitud kesan saiz yang sederhana.

Jadual 5: Keputusan Analisis ANOVA Orientasi Masa Hadapan Berdasarkan Tahap Pencapaian Akademik

Sumber Variasi	JKD	dk	MKD	F	p
Antara Kumpulan	576.36	2	288.18	28.11	0.00*
Dalam Kumpulan	4090.17	399	10.25		
Total	4666.53	401			

* $p<0.01$

Seterusnya, untuk menentukan min orientasi masa hadapan kumpulan mana yang berbeza secara signifikan, ujian *Post Hoc Multiple Comparisons* telah dilakukan. Keputusan Ujian *Post Hoc* yang dipaparkan dalam Jadual 6 menunjukkan bahawa perbezaan yang signifikan pada aras 0.01 berlaku antara tahap tinggi dengan tahap rendah dan sederhana, juga tahap sederhana dengan tahap rendah. Secara keseluruhan, orientasi masa hadapan kumpulan tahap pencapaian akademik tinggi adalah lebih tinggi (optimis) berbanding kumpulan tahap sederhana dan tahap rendah. Oleh itu, H_{a2} berjaya diterima.

Jadual 6: Perbezaan Orientasi Masa Hadapan Berdasarkan Kumpulan

Kumpulan (A dan B)	Perbezaan Min (A-B)	Aras Signifikan
Tahap Tinggi dan Tahap Rendah	3.82*	0.00
Tahap Tinggi dan Tahap Sederhana	2.49*	0.00
Tahap Sederhana dan Tahap Rendah	1.34*	0.00

* $p<0.01$

Hasil kajian menunjukkan orientasi masa hadapan berbeza secara signifikan mengikut tahap pencapaian akademik remaja Orang Asli yang dikaji. Kumpulan pelajar yang cemerlang atau tinggi tahap pencapaian

akademik mempunyai tahap orientasi masa hadapan yang lebih tinggi (optimis) berbanding kumpulan yang kurang cemerlang. Hasil kajian ini menyokong dapatan oleh Chang & Sanna (2003) dan Peterson (2000) yang mendapati perasaan positif berhubung masa hadapan seperti optimis berkait dengan kejayaan akademik. Ini bermakna, pelajar-pelajar Orang Asli yang mempunyai tahap pencapaian akademik yang lebih baik mempunyai orientasi masa hadapan yang lebih optimis, sebaliknya pelajar-pelajar Orang Asli yang lemah mempunyai orientasi masa hadapan yang lebih pesimis.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati majoriti responden berasal dari keluarga yang miskin dan mempunyai pencapaian akademik yang masih lemah. Responden yang dikaji mempunyai tahap nilai pencapaian dan orientasi masa hadapan yang sederhana, diikuti tahap tinggi. Kedua-duanya ini menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan remaja Orang Asli untuk menjadi lebih baik dan berjaya. Walau bagaimanapun, pihak yang bertanggungjawab seperti para pendidik perlu mengambil perhatian terhadap kumpulan yang sederhana rendah untuk mengelak kumpulan tersebut tersasar ke tahap nilai pencapaian yang lebih rendah dan orientasi masa hadapan yg lebih pesimis. Orang Asli umumnya merupakan golongan yang berisiko. Jika dibiarkan dengan dunia mereka sendiri, mereka akan terus berada pada zon selesa. Sikap komuniti Orang Asli yang mudah berasa selesa dengan keadaan kehidupan mereka menjadikan mereka kurang bersemangat dan kurang berdaya maju untuk mengubah atau memperbaiki kehidupan yang dilalui. Seterusnya, kajian mendapati nilai pencapaian dan orientasi masa hadapan berbeza secara signifikan berdasarkan tahap pencapaian akademik remaja Orang Asli. Remaja yang mempunyai tahap pencapaian akademik yang lebih baik mempunyai tahap nilai pencapaian yang lebih tinggi, dan lebih optimis terhadap masa hadapan. Sebaliknya, remaja yang rendah akademik mempunyai tahap nilai pencapaian yang lebih rendah dan pesimis terhadap masa hadapan. Orang yang optimis akan menjangkakan hasil atau kesudahan masa hadapan yang positif, menggunakan mekanisme yang stabil untuk berdepan dan seterusnya menangani masalah (Scheier et al. 1992). Golongan remaja Orang Asli yang berada pada tahap pesimis iaitu mempunyai lebih jangkaan negatif terhadap masa hadapan perlu diberikan semangat dan motivasi agar mereka akan lebih optimis terhadap masa hadapan, maju dan berjaya kelak. Sebagai kesimpulannya, faktor-faktor

psikologi seperti nilai pencapaian dan orientasi masa hadapan berkait rapat dengan tahap pencapaian akademik dan memainkan peranan yang sangat penting dan diperlukan oleh remaja Orang Asli untuk terus berjaya dan mencapai kemajuan dalam hidup mereka.

RUJUKAN

- Azrina, M. K. (2010). *Hubungan antara sistem nilai dengan sikap dan motivasi pencapaian komuniti Melayu miskin bandar dan luar bandar*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chang, E. C., & Sanna, L. J. (2003). Experience of life hassles and psychological adjustment among adolescents: Does it make a difference if one is optimistic or pessimistic? *Personality & Individual Differences*, 34 (5), 867-879.
- Cozzarelli, C., Wilkinson, A., & Tagler, M. J. (2001). Attitudes toward the poor and attributions for poverty. *Journal of Social Issues*, 57(2), 207-227.
- Ey, S., Hadley, W., Allen, D.N., Palmer, S., Klosky, J., Deptula, D., Thomas, J.,& Cohen, R. (2005). A new measure of children's optimism and pessimism: The youth life orientation test. *Journal of Child Psychology and Psychiatry* (46)5, 548-558.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2011). *Pelan Strategik Komuniti Orang Asli: 2011-2015*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Malaysia. (2011). *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Ma'ruf, R. (2010). Pembangunan dan kemunduran komuniti peribumi: Kes kemiskinan dalam komuniti Orang Asli. Dalam Laily, P. & Sharifah, A. H. (Pty.), *Kemiskinan di Malaysia: Isu Fundamental dan Paparan Realiti* (pp. 96-131). Serdang, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Peterson, C. (2000). The future of optimism. *American Psychologist*, 55 (1), 44-55.
- Santrock, J. W. (2008). *Adolescence* (12th ed.). New York: McGraw-Hill.
- Scheier, M. F., & Carver, C. S. (1992). Effects of optimism on psychological and physical well-being: Theoretical overview and empirical update: *Cognitive Therapy and Research*, 16, 201-228.

- Scheier, M. F., Carver, C. S., & Bridges, M. W. (1994). Distinguishing optimism from neuroticism: A reevaluation of the Life Orientation Test. *Journal of Personality and Social Psychology*, 67, 1063-1078.
- Schwartz, S. H. (1992). Universals in the content and structure of values: Theory and empirical test in 20 countries. In M. Zanna (Ed.), *Advances in experimental social psychology* (25), 1-65. New York: Academic Press.
- Schwartz, S. H. (2012). An overview of the Schwartz Theory of Basic Values. *Online Reading in Psychology and Culture*, 2(1). <http://dx.doi.org/10.9707/2307-0919.1116>. Retrieved 20 September 2013.
- Trommsdorff, G., Burger, C., & Fuchsle,T. (1982). Social and psychological aspects of future orientation. In M. Irle (Ed.), *Studies in decision making: Social psychological and socio-economic analyses* (pp. 167-194). New York, NY: Walter de Gruyter.
- Trommsdorff, G., & Lamm, H. (1980). Future orientation of institutionalized and noninstitutionalized delinquents and nondelinquents. *European Journal of Social Psychology*, 10, 247-278.

*Azlina Mohd Khir
Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
Mel-e: m_azlina@upm.edu.my

Al-Hikmah 6(2) 2014: 110-127

Penerimaan Masyarakat Terhadap Aktiviti Rukun Tetangga Mengikut Jantina

PUBLIC ACCEPTANCE OF NEIGHBORHOODS ACTIVITIES BY GENDER

AHMAD ZAHARUDDIN SANI AHMAD SABRI*
NUR SYAFIQAH HUDA MOHD RASHIDI

ABSTRAK

Rukun Tetangga (RT) telah diperkenalkan pada tahun 1975. Objektif kajian secara umumnya untuk mengkaji tahap penerimaan masyarakat terhadap Rukun Tetangga. Kajian ini lebih menekankan kepada penglibatan individu dalam Rukun Tetangga, kepimpinan dalam Rukun Tetangga dan interaksi antara sesama ahli RT. Kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti adakah Rukun Tetangga dapat diterima oleh masyarakat terutama melalui penerimaan dari segi jantina dan juga pemahaman penduduk terhadap RT seterusnya penglibatan mereka di dalamnya. Seramai 1866 orang responden telah dipilih berpandukan senarai Rukun Tetangga yang berdaftar yang didapati dari Jabatan Perpaduan Negara. Kajian ini meliputi kawasan negeri-negeri Utara di Malaysia iaitu Kedah. Responden telah menjawab soal selidik yang diberikan kepada mereka melalui kiriman pos. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Instrumen yang digunakan ialah IBM SPSS 20.0 untuk menganalisis hasil penyelidikan. Dapatkan kajian mengatakan responden lelaki melebihi dari responden perempuan iaitu sebanyak 57.4% dan 42.6%. Selain itu, kajian mendapat purata mean rank untuk lelaki melebih perempuan iaitu 955.84 dan 903.34 dalam ‘Bebanan kerja bukanlah menghalang saya daripada melakukan aktiviti RT. Bagi ‘Hubungan RT di kalangan saya dengan persatuan penduduk yang lain adalah sangat erat’ lebih sipersetujui oleh lelaki iaitu purata mean ialah 968.66 dan wanita pula 886.02. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberikan manfaat kepada semua pihak yang berkenaan dan semangat bekerjasama antara ini juga dapat membuktikan bahawa masyarakat masih mengekalkan budaya tradisional masyarakat Melayu.

Kata kunci: *Rukun tetangga, Penerimaan masyarakat, jantina*

ABSTRACT

Neighborhood Watch (RT) was introduced in 1975. The objective is generally to assess the level of public acceptance of Neighborhood Watch. This study

emphasizes the individual participation in Neighborhood Watch, leadership in the neighborhood and interaction among members RT. This study is to identify whether the neighborhood can be accepted by the community, especially through the acceptance of gender and also understanding the population of RT so their involvement in it. A total of 1866 respondents were selected based on a list of registered Neighborhood obtained from the Department of National Unity. The study area includes the states of Kedah Utara Malaysia. Respondents had to respond to a questionnaire given to them by mail. This study used a study design insights. The instrument used was the IBM SPSS 20.0 to analyze the results of the investigation. The study said more than male respondents than female respondents, 57.4% and 42.6%. In addition, the study found the average mean rank to men over women, namely 955.84 and 903.34 in 'workload is not prevented me from doing activities RT. For 'My relationship with RT among other residents' associations which are very closely' more agreed by men, the average mean is 968.66 and women 886.02. Therefore, this study would be beneficial to all parties concerned and the spirit of cooperation between this also proves that the people still maintain the traditional Malay culture.

Keywords: *Neighborhood watch, community acceptance, gender*

PENGENALAN

Rukun tetangga telah diperkenalkan pada tahun 1975. Pada masa itu, ianya bertujuan untuk menjaga keselamatan masyarakat berikutan rentetan peristiwa yang berlaku antaranya Peristiwa 13 Mei. Konsep program ini hampir menyerupai program Neighbourhood Watch yang dijalankan di luar negara terutamanya di United Kingdom. Bersesuaian dengan tujuan asalnya, satu akta yang dikenali sebagai Peraturan Rukun Tetangga 1975 (P.U. (A)279/75), telah diluluskan untuk memberikan kuasa-kuasa tertentu kepada pertubuhan tersebut.

Dalam tempoh dua dekad (1970-1990), Rukun Tetangga mengalami perubahan yang lebih drastik bila mana berlakunya proses urbanisasi yang begitu hebat dalam negara yang mana berlaku penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar. Penghijrahan ini memberi tekanan kepada penduduk bandar. Ini kerana sebelum penghijrahan berlaku, majoriti penduduk bandar adalah terdiri daripada kaum Cina dan hanya segelindir kaum Melayu. Penghijrahan penduduk luarbandar yang terdiri daripada penduduk Melayu dan India telah membentuk fenomena kejiranian yang berbilang bangsa.

Pada tahun 1984, konsep pertubuhan Rukun Tetangga bertukar kepada merapatkan hubungan diantara pelbagai kaum di Malaysia. Kemudian pada

tahun 2001, fokus program ini bertukar kepada pembangunan masyarakat setempat. Kini fungsi Rukun Tetangga telah menjadi semakin meluas. Antara fungsinya ialah:

1. Menggalakkan perpaduan masyarakat dan integrasi Nasional
2. Membantu mencegah koflik sesama/antara kaum dan masyarakat antara negeri-negeri
3. Menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan ke arah pembentukan satu Bangsa Malaysia yang bersatu padu.
4. Mengesan dan menilai perhubungan antara kaum dan masyarakat.
5. Menyelaraskan program/aktiviti perpaduan dengan agensi kerajaan, swasta dan lain-lain.

Peranan Rukun Tetangga semakin diperluaskan yang mana menekankan pembangunan komuniti sebagai jaminan kesejahteraan dan keselamatan hidup masyarakat dan negara. Penekanan ini menyebabkan Rukun Tetangga telah mempelbagaikan kegiatannya tidak hanya dari aspek rondaan dan keselamatan malahan juga pelbagai aktiviti lain merangkumi sosial, pendidikan, sukan, rekreasi, alam sekitar dan sebagainya. Sejak dengan perkembangan fungsinya, jumlah Rukun Tetangga telah semakin meningkat. Sehingga September 2013, terdapat sebanyak 6390 kawasan Rukun Tetangga telah ditubuhkan di seluruh negara.

ULASAN KARYA

Rukun Tetangga

Rukun Tetangga (RT) merupakan sebuah organisasi sosial yang sangat penting dalam membantu kerajaan untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Kewujudannya semakin dikenali oleh masyarakat setempat khususnya di kawasan-kawasan perumahan. Penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang pertama pada tahun 1975 iaitu KRT Kampung Kasipillay di Kuala Lumpur menjadi titik tolak kepada usaha kerajaan untuk menangani masalah perkauman yang berlaku pada tahun 1969 (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2010). Kepimpinan dalam RT

Gaya komunikasi kepimpinan dari aspek bertimbang rasa ini merujuk kepada perilaku pemimpin yang mempunyai sikap memahami keupayaan pekerja, berupaya untuk menyediakan persekitaran yang kondusif, mengambil berat kebijakan pekerja serta pemimpin yang

bertoalk ansur dengan pekerja. (Goldhaber,1991). Pemimpin sesebuah organisasi tidak boleh terlepas dari aspek berkomunikasi ketika melakukan pengarahan, pengawalan, perancangan, pengelolaan, membuat keputusan serta bertindak memotivasi para pekerja mereka sebagai asas kepimpinan (Griffin, 1990).

Interaksi sesama ahli

Penyertaan daripada Rustomji & Sapre (1992) adalah satu konsep bekerja secara bersama di antara pihak pengurusan atasan dengan anggota organisasi atau ahli-ahli RT kearah mencapai satu objektif. Hal ini bermakna, pemimpin atasan dengan ahli-ahli biasa dapat bersama-sama mengumpulkan sumber yang ada, iaitu pengetahuan, imiginasi, dan kemahiran bagi membentuk serta menghasilkan organisasi yang produktif. Mereka juga dapat bersama-sama melakukan aktiviti RT secara lebih berkeluaraga dan bermuafakat sesama mereka.

Penglibatan individu dan kesukarelawan

Untuk membina sebuah pasukan yang kuat, sikap dan semangat kesukarelaan sangat penting kerana ia dapat memupuk dan mengembangkan nilai, amalan kerjasama dan perpaduan, demokrasi, hak-hak asasi manusia dan keadilan sosial dalam masyarakat (Azizan 2009; melalui Hamidah 2014). Kerja sukarela ini yang melibatkan orang ramai dalam hal-hal kepentingan bersama merupakan suatu jaminan politik bahawa nilai dan amalan hidup yang dianggap secocok dengan perkembangan tamadun manusia itu dapat dipertahankan dan dimanfaatkan oleh seluruh masyarakat.

Menurut Meor (2010), aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan oleh KRT secara relatifnya menjana penyertaan masyarakat tanpa mengira kelas sosial. Ia bertujuan untuk memperkuatkan kelompok komuniti dalam kawasan kejiranian yang mampu mencernakan keakraban dan keutuhan ikatan perpaduan di antara mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Kaedah pengumpulan data adalah dalam bentuk kuantitatif. Van Dalen (1993) berkata reka

bentuk kajian merupakan kaedah yang membolehkan sesuatu maklumat diperoleh untuk menjawab sesuatu masalah kajian. Jacob & Ary (1990) pula menyatakan kebaikan yang diperoleh melalui kajian secara tinjauan iaitu responden dapat dilibatkan dengan lebih ramai, luas dan menyeluruh. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik. Oleh yang demikian, kajian ini bermatlamat dan bertujuan untuk mengumpulkan maklumat mengenai pemboleh ubah yang berkaitan. Memandangkan tujuan kajian ini adalah untuk meninjau perkaitan yang mungkin wujud antara beberapa pemboleh ubah dan bukannya pertalian sebab akibat, maka kaedah tinjauan ini amat sesuai digunakan.(Van Dalen, 1993).

Instrumen Kajian

Soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam menjalankan kajian ini. Soal selidik juga adalah instrumen yang paling umum digunakan bagi mengumpul data dalam penyelidikan yang berbentuk tinjauan (Ahmad Mahdzan, 1985). Borang soal selidik direkabentuk berdasarkan kerangka teori yang bertujuan untuk mengukur instrumen kajian secara saintifik dan menjawab segala persoalan-persoalan kajian.

Maklum balas soal selidik dianalisis secara statistik deskriptif untuk kekerapan dan peratusan. Selain itu, Ujian Mann-Whitney U akan digunakan untuk menguji perbezaan kumpulan yang tidak melebih dua , di dalam satu pemboleh ubah jenis bersambung.

Analisis boleh diuji dengan menggunakan pakej perisian SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*) versi 20.0. Ujian Cronbach's Alpha akan digunakan bagi mengukur kebolehpercayaan (reliabiliti) dan kesahan (validiti) instrumen dalam soal selidik. Secara ringkasnya, nilai kebolehpercayaan (Cronbach's Alpha) bagi semua pembolehubah dalam kajian yang dilakukan oleh penyelidik adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1 dibawah.

Jadual 1 Nilai kebolehpercayaan pembolehubah

Pembolehubah	Nilai CronbachAlpha
Aktiviti rukun tetangga yang diterima oleh masyarakat	0.667

Kaedah Pengumpulan Data

Sumber data bagi kajian ini diperoleh melalui dua cara iaitu melalui data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh melalui maklum balas responden terhadap soal selidik yang diagihkan kepada semua responden melalui kiriman pos yang akan dijawab oleh mereka dan diposkan kembali kepada penyelidik. Subjek kajian terdiri daripada masyarakat di negeri Utara Semenanjung itu negeri Kedah.

Prosedur pengumpulan data

Prosedur pengumpulan data ini dimulai dengan peringkat pertama iaitu pihak penyelidik menentukan pemilihan negeri atau tempat kajian, menjelaskan tujuan dan signifikan kajian serta akan membuat semakan pada senarai Rukun Tetangga yang didapati daripada Jabatan Perpaduan Negara.

Peringkat kedua merupakan fasa bagi menentukan kaedah yang akan digunakan bagi mengumpul data-data daripada responden. Untuk selanjutnya, pengkaji telah menyenaraikan cara yang boleh digunakan antaranya ialah melalui serahan tangan, melalui panggilan telefon, melalui emel atau melalui kiriman pos. Peringkat ketiga pengkaji melakukan kajian rintis (pilot test) sebagai pengujian terhadap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan.

Peringkat keempat merupakan masa untuk pengkaji memilih saluran manakah yang akan digunakan bagi mengumpulkan data. Pengkaji telah membuat keputusan dengan memilih secara kiriman pos. Pengkaji akan mengasingkan soal selidik kepada bilangan-bilangan yang tertentu sebelum dikirimkan kepada responden di seluruh negeri Kedah melalui kiriman pos.

Peringkat kelima pula, pengkaji memberi masa selama satu minggu kepada responden untuk menjawab dan mengirimkan kembali borang soal selidik tersebut kepada penyelidik untuk di analisis. Ini merupakan peringkat yang terpenting bagi melaporkan kajian yang akan ditentukan melalui analisis secara statistik dan menginterpretasikan data-data perolehan. Peringkat yang terakhir merupakan peringkat untuk merumuskan dapatan dan menyempurnakan penulisan tesis yang didokumentasikan dalam bentuk kajian.

Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini ditumpukan kepada seluruh ahli RT yang berada di selurug negeri Kedah yang terdiri daripada kira-kira 2000 responden. Daripada jumlah tersebut hanya 1866 yang memberi maklumbalas kepada pengkaji. Beberapa pertimbangan dilakukan bagi membina reka bentuk sampel yang akan digunakan dalam kajian ini. Hal ini kerana ia dapat meminimumkan kos, kebolehpercayaan dapatkan daripada sampel dan mencakupi elemen populasi yang diwakili oleh sample (Hansen & Hauser, 1971). Majid (1990) juga berkata penggunaan sampel akan dapat mengurangkan kos, tenaga dan jangka masa penyelidikan.

Pengkaji memilih sampel berdasarkan kepada kaedah yang digunakan oleh Krejcie dan Morgan(1970). Mereka menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan dengan populasi kajian berdasarkan kaedah mereka melalui ‘Jadual Penentuan Saiz Sampel’.

Jadual Jadual Penentuan Saiz Sampel

TABLE FOR DETERMINING SAMPLE SIZE FROM A GIVEN POPULATION

N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	246
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	351
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	181	1200	291	6000	361
45	40	180	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	190	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	200	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	210	132	460	210	1600	310	10000	373
65	56	220	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	230	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	240	144	520	225	1900	320	30000	379
80	66	250	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	260	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	270	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	256	2600	335	100000	384

Note: *N* is population size
 S is sample size.

Krejcie, Robert V., Morgan, Daryle W., "Determining Sample Size for Research Activities", *Educational and Psychological Measurement*, 1970.

ANALISIS TABURAN RESPONDEN

Jantina Responden

Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 1866 orang yang terdiri daripada seramai 1072 responden lelaki manakala responden perempuan pula seramai 794 orang. Taburan responden mengikut jantina ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 2 Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	1072	57.4
Perempuan	794	42.6
Jumlah	1866	100

Bangsa Responden

Berdasarkan kepada jumlah keseluruhan responden, didapati bangsa Melayu paling ramai menjadi sampel kajian. Seramai 1063 orang(57.0 %) adalah sampel dalam kalangan Melayu manakala bilangan sampel dalam kalangan bangsa Cina seramai 536 orang(28.7%). Bilangan sampel dalam kalangan orang India hanyalah 245 orang(13.1%) manakala Lain-lain Bangsa seramai 22 orang(1.2%). Taburan responden mengikut bangsa ditunjukkan dalam jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Frekuensi	Peratus
Melayu	1063	57
Cina	536	28.7
India	245	13.1
Lain-lain	22	1.2
Jumlah	1866	100

Umur Responden

Jadual 4 di bawah menunjukkan peratusan pecahan kumpulan umur bagi responden rukun tetangga di kawasan bandar yang telah dipilih. Kumpulan umur yang paling ramai terdiri daripada kumpulan umur 26 tahun hingga

40 tahun iaitu seramai 796 orang (42.7%), diikuti dengan kumpulan umur 18 hingga 25 iaitu 426 orang (22.8%), kumpulan umur 41 hingga 55 tahun sebanyak 356 orang (18.9%) dan kumpulan umur 56 tahun ke atas sebanyak 291 orang (15.6%).

Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	Frekuensi	Peratus
18 tahun hingga 25 tahun	426	22.8
26 tahun hingga 40 tahun	796	42.7
41 tahun hingga 55 tahun	353	18.9
56 tahun ke atas	291	15.6
Jumlah	1866	100

Pekerjaan Responden

Bagi kategori pekerjaan, terdapat 4 kategori yang dipilih oleh penyelidik iaitu sektor awam, sektor swasta, pesara dan lain-lain. Sebanyak 718 orang atau 38.5% daripada keseluruhan responden berkerja dalam sektor swasta diikuti dengan 534 orang 28.6% dalam sektor awam, sektor lain-lain sebanyak 439 orang atau 23.5% dan golongan yang telah bersara hanya 9.4%. Jadual 5 di bawah menunjukkan kategori pekerjaan responden.

Jadual 5: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan

Pekerjaan	Frekuensi	Peratus
Sektor Awam	534	28.6
Sektor Swasta	718	38.5
Pesara	175	9.4
Lain-lain	439	23.5
Jumlah	1866	100

Pendapatan Responden

Didapati bahawa sebanyak 35.7% responden mempunyai pendapatan kasar antara RM 2001.00 hingga RM 3000.00. manakala pendapatan bawah RM 1000.00 memberi peratusan sebanyak 27.1% diikuti dengan kumpulan pendapatan RM 1001.00 hingga RM 2000.00 sebanyak 21.1%. Hanya 11.1% golongan responden yang mencatat pendapatan kasar antara RM 3001.00 hingga RM 4000.00 dan 4.0% responden mempunyai pendapatan

RM 4001 ke atas. Responden yang tidak mempunyai pendapatan hanyalah 0.9%.

Jadual 6: Taburan Responden Mengikut Pendapatan

Pendapatan	Frekuensi	Peratus
Bawah RM1000.00	506	27.1
RM1001.00 hingga RM2000.00	394	21.1
RM2001.00 hingga RM 3000.00	666	35.7
RM 3001.00 hingga RM 4000.00	208	11.1
RM 4001.00 ke atas	75	4
Tiada Pendapatan	17	0.9
Jumlah	1866	100

Tahap Pendidikan Responden

Carta di bawah menunjukkan peratusan pecahan dan frekuensi bagi tahap pendidikan responden yang telah dipilih. Golongan yang mendapat tahap pendidikan yang terbanyak ialah tahap pendidikan SPM iaitu 31.3%. selebihnya adalah 24.5% merupakan yang berpendidikan Sijil/Diploma, 22.1% berpendidikan Ijazah/Phd, 6.7% berpendidikan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), 5.2% responden berpendidikan sekolah rendah. Manakala hanya 0.6% responden berpendidikan lain-lain.

Jadual 7: Taburan Responden Mengikut Pendidikan

Tahap Pendidikan	Frekuensi	Peratus
UPSR/ Sekolah Rendah	97	5.2
PMR	177	9.5
SPM	584	31.3
Sijil /Diploma	458	24.5
Ijazah/Ph.D	413	22.1
Lain-lain	12	0.6
STPM	125	6.7
Jumlah	1866	100

UJIAN CROSSTAB DAN ANALISIS

Jadual 8: Ujian crosstab terhadap soalan E7 (Rukun Tetangga dapat menjadi penggerak dan pemangkin perpaduan negara dan perpaduan nasional) Berdasarkan Jantina

Jantina	N	Mean Rank	Sum of Ranks	Mann-Whitney U	Asymp. Sig (2-tailed)
Lelaki	1072	951.10	1019580.00		
Perempuan	794	909.74	722331.00		
Jumlah	1866			406716.000	0.050

Begitu juga apa yang telah diputuskan oleh jawatankuasa fatwa negeri Perak mengenai perlantikan peguam syarie di kalangan orang bukan Islam. Jawatankuasa fatwa memutuskan bahawa orang bukan Islam adalah dilarang beramal sebagai Peguam Syarie di mana-mana Mahkamah Syariah dalam Negeri Perak Darul Ridzuan

Keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa fatwa telah diwartakan pada 18 Ogos 2011 bersesuaian dengan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen 4 Tahun 2004*].

Berdasarkan kepada beberapa fatwa di atas, penulis melihat jawatankuasa fatwa memang mengambil kira kepentingan asasi dalam mengukuhkan dan memelihara kesucian agama Islam (*hifz al-din*). Ia sekaligus dilihat sesuai dengan konsep *maqasid syariah*, bukan sahaja berkaitan pegangan akidah umatnya kepentingan-kepentingan lain seperti nyawa, akal, maruah dan

harata orang Islam supaya tidak dibelenggu dan dikuasai oleh mereka yang tidak beriman Allah SWT atau boleh menyebabkan berlaku perkara-perkara yang boleh menjejaskan akidah dan amalan umat Islam.

Hal ini dapat dilihat melalui jawapan yang dikemukakan oleh jawatankuasa fatwa yang mengambil kira kaedah *'sadd al-zara'i* yang merujuk kepada perlunya menutup pintu-pintu yang boleh membawa kemudharatan, *إِذَا تَعَارَضَ الْمَانَعُ وَالْمُتَضَرِّبُ قُدْمَ الْمَانَعِ* *المَصْلَحَةُ الْعَامَّةُ تُقْدِمُ عَلَى الْمَصْلَحَةِ الْخَاصَّةِ* iaitu apabila bertentangan antara dalil-dalil yang menegah dengan dalil-dalil yang menghendaki, hendaklah diutamakan perkara yang menegah, *تَسْرِيفُ الْإِنَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنْظَطٌ بِالْمَصْلَحَةِ* yang bermaksud tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat bergantung kepada maslahah. Kaedah yang diketengahkan oleh jawatankuasa fatwa itu ada sangat relevan dan menepati dengan kehendak maqasid syariah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan (kebaikan) umat Islam dan menghindari segala bentuk kemudharatan ke atas mereka (Yusuf Hamid al-'Alim. t.th).

Hukum Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid Dan Ruang Solat Utama Di Dalam Masjid

Selain itu terdapat pula permasalahan mengenai pelancong bukan Islam memasuki masjid dan ruang solat utama di dalam masjid. Berhubung permasalahan ini Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-90 yang bersidang pada 1 Mac 2010 telah membincangkan permasalahan tersebut dan telah memutuskan bahawa pelancong bukan Islam diharuskan memasuki masjid dan ruang solat dengan syarat mendapat keizinan pihak pengurusan masjid dan perlakuan serta tingkah laku mereka tidak mencemarkan kesucian masjid dan sentiasa terkawal dan beradab. Walaubagaimanapun, perbuatan berdoa atau bertafakur oleh pelancong bukan Islam mengikut cara agama mereka dalam keadaan yang boleh menimbulkan fitnah adalah dilarang (<http://www.e-fatwa.gov.my>).

Berdasarkan fatwa yang telah dikemukakan di atas, jelas memperlihatkan bahawa terdapat perkara yang dianggap boleh bertoleransi oleh Islam terhadap agama dan masyarakat bukan Islam. Ia berkait rapat dengan penghormatan nilai-nilai kemanusiaan bukannya menerapkan nilai-nilai penyamarataan dari sudut akidah dan agama. Namun toleransi atau bertolak ansur agama Islam terhadap agama, amalan dan budaya

masyarakat bukan Islam tidak bersifat fleksibel dalam segala-galanya tanpa merujuk kepada prinsip akidah dan konsep halal dan haram dalam syariat Islam (Wan Zulkifli Wan Hassan. 2013).

Dengan ini, keindahan Islam boleh ditunjukkan kepada orang bukan Islam melalui lawatan mereka ke masjid-masjid selaras dengan peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pengurusan masjid. Sikap membenarkan orang bukan Islam memasuki masjid tidak boleh disamakan dengan sikap tidak membenarkan penggunaan kalimah Allah oleh Kristian kerana konsepnya adalah berbeza (<http://www.e-fatwa.gov.my>).

Justeru fatwa tersebut tidak menghalang pelancong bukan Islam memasuki masjid dan ruang solat kerana ia bertepatan dengan toleransi yang boleh diamalkan kerana Islam memerintahkan orang Islam berbuat baik kepada tetamu meskipun ia seorang yang bukan Islam. Ini kerana Islam menganggap bahawa mereka adalah manusia yang perlu dihormati selagi mana mereka melakukan kebaikan dan tidak menjelaskan keharmonian masyarakat. Hal ini dianggap selari dengan kaedah maqasid al-syariah kerana ia menggambarkan kebaikan dan keharmonian agama Islam sendiri sekaligus mengukuhkan lagi ajaran Islam itu sendiri (*hifz al-din*).

Walau bagaimanapun, fatwa juga menitik beratkan mengenai pengjagaan kesucian dan kesusilaan agama Islam dan institusinya agar tidak dicemari dengan unsur-unsur yang boleh menjelaskan akidah Islam. Oleh sebab itu, fatwa telah menggariskan beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh penaong bukan Islam seperti perbuatan berdoa atau bertafakur oleh pelancong bukan Islam mengikut cara agama mereka dalam keadaan yang boleh menimbulkan fitnah. Justeru bolehlah dikatakan bahawa garis panduan yang telah ditetapkan oleh fatwa di atas termasuk dalam kategori menjaga kesucian agama Islam dan pegangan ‘aqidah umatnya (*hifz al-din*). Peraturan ini juga diputuskan supaya orang Islam tidak terpengaruh dengan dosa-dosa syirik kepada Allah SWT atau melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan ‘aqidah sama ada melalui perbuatan, percakapan atau isyarat.

Status Agama Anak Bawah Umur Selepas Salah Seorang Pasangan Memeluk Islam

Antara fatwa yang boleh disesuaikan dengan pengaplikasian *maqasid syariah* adalah keputusan Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-17 yang bersidang pada 13 Julai 2010M/ 1 Syaaban 1431H

mengenai status agama anak bawah umur selepas salah seorang pasangan memeluk Islam.

Hal ini dikatakan demikian kerana mesyuarat telah membuat keputusan bahawa di dalam Islam majoriti ulama telah bersepakat bahawa apabila salah seorang ibu atau bapa memeluk Islam, agama anak di bawah umur juga adalah Islam dan penjagaan anak hendaklah diletakkan di bawah ibu atau bapa yang beragama Islam. Oleh yang demikian, mesyuarat tersebut bersetuju memutuskan bahawa apabila salah seorang pasangan (ibu atau bapa) memeluk agama Islam, status agama bagi anak bawah umur pasangan tersebut adalah secara langsung beragama Islam (<http://www.e-fatwa.gov.my>).

Dalam fatwa yang diemukakan oleh Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak di atas jelas menunjukkan bahawa ia menetepati dengan tuntutan *maqasid al-syariah* dalam menjaga kepentingan asasi mengenai agama dan keturunan/zuriat. Bolehlah dikatakan bahawa fatwa tersebut diputuskan bagi menjaga dan mengukuhkan kesucian agama Islam dan pegangan ‘aqidah umatnya (*hifz al-din*) dan mengukuhkan lagi keturunan/zuriat (*hifz al-nasl*) selari dengan kaedah *maqasid al-syariah* (Yusuf Hamid al-‘Alim. t.th).

KESIMPULAN

Apa yang boleh disimpulkan daripada perbincangan di atas adalah kesemua fatwa yang telah diputuskan oleh institusi fatwa di Malaysia mengenai amalan rentas agama dan budaya bertujuan memelihara *maqasid syariah* seperti menjaga agama, kehormatan diri dan harta benda. Hanya apa yang perlu dan sangat signifikan sekarang ialah kajian dan pertimbangan semula terhadap beberapa aspek berikut bagi menjamin keberkesanan penguatkuasaannya dalam mencapai objektif melahirkan suasana dan masyarakat yang berpegang kepada akidah yang sah sebagaimana yang dituntut oleh Islam:

- a. Aplikasi hukuman murtad dan ta’zir yang sistematik dari aspek jenis hukuman perlu dipertingkatkan sebagai memenuhi falsafah ‘*uqubah* dalam Islam.
- b. Fatwa berkaitan kesalahan akidah perlu diperkasakan dengan cara diwartakan dan dikuatkuasakan agar ia lebih konsisten dan jelas supaya masyarakat Islam tidak bertentangan dengan dasar-dasar akidah dan hukum syarak.

- c. Penggunaan terminologi yang lebih jelas dan tidak kabur bagi mengelakkan kekeliruan dan kontroversi dalam proses pelaksanaan dan penguatkuasaan terhadap mereka yang melakukan kesalahan berkaitan akidah.
- d. Disarankan agar institusi fatwa diberi autoriti yang lebih luas terutama dalam kes yang berkaitan akidah dalam kalangan masyarakat semasa supaya akidah Islam tidak terus dipandang remeh dan rendah.
- e. Penjelasan dan penerangan perlu dibuat secara lebih meluaskan dan berterusan mengenai perkara yang boleh merosakkan akidah agar masyarakat Islam tidak terjerumus dalam kesesatan akidah.

Walaupun dalam fatwa yang dikemukakan diatas tidak disebut dan dinyatakan secara jelas perkaitannya dengan fokus penulisan berkaitan *maqasid syariah*, penulis sangat optimis bahawa keputusan-keputusan tersebut yang lebih bersifat penjelasan dan maklumat tetap mempunyai tujuan dan objektifnya tersendiri bagi memelihara kesucian agama Islam itu sendiri dan dalam masa yang sama menjaga hubungan antara orang Islam dan bukan Islam.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Ibrahim al-Kailani. 2000. *Qawa'id al-Maqasid 'Inda al-Imam Al-Syatibi*. Damsyiq : Dar al-Fikr.
- Al-Suyuti Jalâl al-Din 'Abd al-Rahmân ibn Abû Bakr. 1990, *al-Asybâh wa al-Nazâ'ir*, Beirut: Dâr al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Badran Abu al-'Ainain Badran. 1969, *Usul al-Fiqh*, Mesir: dar al-Ma'arif.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.
- Hasan hj. Ahmad. 1999, Maqasid Syariah: Konsep dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum, dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Azahari, *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- <http://www.e-fatwa.gov.my>.
- Maxwell dan Gibson (1924), *Treaties and Engagements Affecting Malay States and Borneo*. London: Truscott and Son Ltd.
- Mas'ud Sobri. 2010, *Fatawa Ulama al-Ummah fi al-Ahdath al-Mu'asarah*, El-Monofeya Egypt: Mua'assasah Saut al-Qalam al-Arabi.
- Mohd Salleh Abas (1984), *Sejarah Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Hisyam al-Burhani 1985, *Sadd al-Dhara'i' fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, Tesis M.A dikemukakan kepada Universiti Kaherah Mesir, Beirut: Matba'ah al-Rayhani.
- Perlembagaan Persekutuan, Perkara 11(3).
- Shukeri Mohamad. 1996, *Maqasid al-Syariah* dalam Pengurusan Harta, dalam Abdul Kadir et. Al, *Monograf Syariah*, Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Wan Zulkifli Wan Hassan. 2013, Pluralisme Agama di Malaysia: Antara Prinsip dan Toleransi, dalam Khairul Anwar et. al, *MALIM* (Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara), Bangi: Pusat Pengajian Umum, UKM
- Yusuf Hamid al-'Alim. t.th, *al-Maqasid al-'Ammah li al-Syaria'ah al-Islamiyyah*, Kaherah: dar al-Hadith

* Wan Zulkifli Wan Hassan
Pusat Citra Universiti,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
Mel-e: wenzoul@ukm.edu.my

Adab *Ikhtilaf* dalam Dakwah Islamiyah

Ethics of *Ikhtilaf* in Islamic Da'wah

MOHAMAD ZULKIFLI ABDUL GHANI*
ABDUL GHAFAR DON
ADAWIYAH ISMAIL
ABU DARDAA MOHAMAD

ABSTRAK

Ikhtilaf merupakan lumrah kehidupan yang tidak dapat dielakkan bahkan perlu diuruskan mengikut ketetapan syarak. Dakwah islamiah sangat memerlukan kepada adab *Ikhtilaf* supaya pelaksanaan dakwah sampai, difahami dan dihayati dalam kehidupan masyarakat Muslim. Antara persoalan yang dikenal pasti dalam penulisan ini ialah adakah dakwah islamiah hari ini menepati kehendak adab *Ikhtilaf* dan bagaimana penerapan adab *Ikhtilaf* dalam dakwah? Justeru artikel ini bertujuan mengkaji maksud adab *Ikhtilaf* terutamanya dalam dakwah islamiah dan mengkaji pendekatan yang perlu dalam menjayakan penyebaran Islam secara menyeluruh. Kajian ini adalah berbentuk analisis kandungan. Hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa masyarakat perlu memahami adab *Ikhtilaf* dan pemahaman adab *Ikhtilaf* menjamin kejayaan dakwah pada hari ini. Pendekatan adab *Ikhtilaf* sangat perlu kepada para pendakwah, pemilihan isi yang tepat, penerapan *wasilah* semasa dan juga *uslub* yang bersesuaian.

Kata Kunci: *Dakwah, pendakwah, Ikhtilaf, adab Ikhtilaf, manhaj, wasāil, uslub*

ABSTRACT

Ikhtilaf is part of life that cannot be escaped but need to be managed in accordance with Islamic principles. Islamic da'wah greatly requires the ethics of disagreement (adab al-*Ikhtilaf*) so that the mission is understood and appreciated in the life of the Muslim community. Among the questions answered in this paper are whether the Islamic da'wah today meets the requirements of ethics of disagreement and also how it is applied in the da'wah itself. Thus, this article aims to reveal the meaning of ethics of disagreement, especially in Islamic da'wah and then examines the appropriate approaches to bring the success of spreading Islam. This study is a content analysis. The results of this research show that people need to understand the ethics of disagreement and the understanding of it can guarantee

the success of da'wah. The approach of adab al-*Ikhtilaf* is very necessary to preachers, as well as the selection of appropriate contents and contemporary medium.

Keywords: *Da'wah, disagreements, ethics of disagreement, methodology, medium.*

PENDAHULUAN

Pengertian *Ikhtilaf*

Perbincangan *Ikhtilaf* lebih sempurna dengan memberi pengertian dari sudut bahasa dan istilah. Sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan para ulama membincangkan pengertian terlebih dahulu supaya perbincangan lebih tersusun dan mudah. Dengan memahami maksud *Ikhtilaf* membawa kepada pemahaman terhadap perbincangan yang lain.

Ikhtilaf dari Sudut Bahasa.

Ikhtilaf menurut bahasa memiliki beberapa makna yang saling berdekatan antaranya tidak sefaham atau tidak sama dan tidak sepakat. Menurut al-Mu'jam al-Wasit (2004: 252) perkataan al-*Ikhtilaf* adalah kata nama (masdar) dari (ختلف) yang berasal dari kata dasar (خلف) yang bererti tidak sepakat.

Menurut kamus Lisān al-Arab (1414H): Ikhtalafa al-amr in lam yattafiqa, sesuatu disebut *Ikhtilaf* ketika tidak bersatu atau bersepakat. Demikian juga pengertian lain kepada al-*Ikhtilaf* dari sudut bahasa bermaksud percanggahan. Iaitu apabila bercanggah pandangan antara satu sama lain (Alī Jumāh 2007: 20).

Khilaf dan *Ikhtilaf* dengan makna yang sama iaitu tidak bersepakat sebagaimana yang dinyatakan oleh Fairuz abadi (2005) bahawa *Ikhtilaf* ialah salah seorang daripada mereka berbeza pandangan pada keadaan atau perbuatan.

Khilaf merupakan lawan bagi persepakatan. Ertinya berbeza antara yang satu dengan yang lainnya, perbezaan tersebut sama ada dalam rupa, warna, bahasa, fikiran, pendapat atau yang lainnya. *Khilaf* juga diertikan berselisih.

Ikhtilaf dari Sudut Istilah

Maksud *Ikhtilaf* dari segi istilah ialah perbezaan pandangan, perbezaan pemahaman. Al-Jurjani (1985) mendefinisikan *Ikhtilaf* sebagai perselisihan yang berlaku antara dua pihak yang saling berbeza pendapat

dalam usaha mengenal pasti sesuatu kebenaran atau menentukan kebatilan sesuatu. Manakala Al-Roghib (1992: 294) mendefinisikan *Ikhtilaf* ialah:

وَالْخِتْلَافُ أَن يَأْخُذُ كُلُّ وَاحِدٍ طَرِيقًا غَيْرَ طَرِيقِ الْآخَرِ فِي حَالِهِ أَوْ قَوْلِهِ

Maksudnya: *Ikhtilaf* ialah seseorang mengambil jalan/cara berbeza dari seorang yang lain dalam sesuatu hal atau pandangannya.

Menurutnya lagi *khilaf* berbeza dengan perpecahan. Ini kerana *khilaf* adalah lebih umum dari perpecahan, semua perpecahan termasuk dalam *khilaf* dan tidak semua *khilaf* adalah perpecahan. Contohnya, warna hitam lawannya warna putih, manakala warna merah berbeza dengan warna hijau, tetapi tidak berlawanan.

Menurut Sulaiman al-Audah (2012: 147) *Ikhtilaf* ialah perbezaan pandangan, perbezaan pemahaman, Perbezaan kecenderungan dan kemauhan dengan salah seorang mengambil hukum tertentu, manakala seorang lagi mengambil hukum yang berbeza. Perbezaan pendekatan dalam melaksanakan sesuatu, salah seorang mengambil pendekatan tertentu dan seorang lagi mengambil pendekatan yang berbeza.

Menurut Ali Jumaah (2007: 20) pula ialah satu ilmu penyelidikan yang mengkaji perbezaan pandangan antara para ‘ulama mujtahidin dari cara pengubahan hukum mereka yang berbeza-beza. Ia merangkumi penelitian percanggahan ‘ulama mujtahidin dalam mengutarakan dalil-dalil secara rambang mahupun secara terperinci.

Dengan demikian, pengertian *Ikhtilaf* dari sudut istilah terbahagi kepada dua pengertian. Pertama: Perlawanan, perpecahan, perdebatan dan perbalahan yang boleh menimbulkan permusuhan dan kebencian. Kedua: Perbezaan pendapat dan pandangan yang disebabkan oleh perbezaan kepintaran, kecerdasan dan informasi. (Abdul Halim Hamid: 1990: 102) Perbezaan pandangan dan pendapat dalam memahami sesuatu perkara merupakan *Ikhtilaf* yang harus difahami. Namun bukan bererti semua *Ikhtilaf* tidak bersatu. Ada perbezaan yang membawa kepada kesepakatan dalam tindakan. Ada *Ikhtilaf* yang membawa kepada percanggahan dan permusuhan yang tidak dapat disatukan.

Secara keseluruhannya, *Ikhtilaf* ialah perbezaan, percanggahan, perlawan dan perbalahan sama ada dalam pemikiran, pemahaman, pendekatan dan tindakan. Ia boleh diurus dengan baik dan boleh menjadi keunikan kepada kehidupan manusia. Jika sebaliknya boleh membawa kepada kerosakan.

Khilaf Dan Ikhtilaf

Pada dasarnya penggunaan kalimat *khilaf* (خلاف) dan *Ikhtilaf* (اختلاف) berkongsi makna yang satu, iaitu percanggahan dan perbezaan pandangan. Walau bagaimanapun terdapat dua pandangan ulama dalam membincangkan berkaitan dengan *khilaf* dan *Ikhtilaf*. Terdapat sebahagian ulama berpendapat bahawa *khilaf* dan *Ikhtilaf* adalah berbeza. Manakala sebahagian ulama mengatakan *khilaf* dan *Ikhtilaf* adalah sama.

Justeru, dalam kajian ini pengkaji menggunakan kalimah *khilaf* dan *Ikhtilaf* dengan kehendak makna yang sama, iaitu perbezaan pandangan sesama para ‘ulama mujtahidin. *Ikhtilaf* dalam kajian ini lebih memberi tumpuan pada aspek perbezaan yang sama-sama dibenarkan Islam. Bukan dari aspek perbezaan salah satu benar dan salah satu salah. Selagi tiada kesepakatan para ‘ulama dalam definisi-definisi tersebut, pengkaji bebas memilih untuk menyatakan dua istilah tersebut dalam bentuk yang umum.

Ikhtilaf dan Iftirāq

Ikhtilaf boleh dibahagikan kepada dua dari sudut membawa kepada perpecahan ataupun tidak. Bukan semua perbezaan membawa kepada perpecahan dan semua perpecahan adalah perbezaan. Oleh yang demikian, boleh dibahagikan *Ikhtilaf* dari sudut ini kepada:

Pertama: *Ikhtilaf al-Qulūb* (perbezaan dan perselisihan hati) yang termasuk kategori tafarruq (perpecahan). Islam melarang umatnya berpecah dan saling bermusuhan antara satu sama lain kerana boleh menyebabkan mereka lemah dan mudah dikuasai oleh musuh Islam.

Kedua: *Ikhtilaf al-‘Uqūl wa al-Afkār* (perbezaan dan perselisihan dalam hal pemikiran dan pemahaman). Islam memberi keluasan dalam *Ikhtilaf* pemahaman dan pemikiran. Namun begitu, *Ikhtilaf* ini boleh dibahagi kepada *Ikhtilaf* dalam masalah usul (prinsip). Perbezaan dalam kategori ini termasuk kategori Tafarruq atau Iftirāq (perpecahan). *Ikhtilaf* dalam masalah-masalah furū‘ (cabang bukan prinsip). Inilah perbezaan dan perselisihan yang secara umum termasuk kategori *Ikhtilaf al-tanawwū‘* (perbezaan kepelbagai) yang diterima dan dibenarkan, selama tidak berubah menjadi perbezaan dan perselisihan hati.

Masalah yang timbul dalam kalangan masyarakat dewasa ini ialah tidak dapat membezakan antara perbezaan dan perpecahan. Hasil daripada masalah ini, berlaku perkara yang tidak diingini dalam masyarakat

sehingga membawa kepada permusuhan dan caci mencaci antara satu sama lain.

Ikhtilaf Dalam Dakwah Islamiyah

Perbincangan berkaitan dengan *Ikhtilaf* dalam dakwah lebih menjurus kepada perbincangan pendekatan yang digunakan oleh pendakwah dalam menyampaikan Islam kepada masyarakat. Terdapat pelbagai pendekatan yang digunakan dalam dakwah Islamiah. Oleh itu, perbezaan dalam konteks dakwah lebih terbuka dan menuntut para pendakwah supaya memilih pendekatan yang terbaik yang dibenarkan oleh Islam.

Dakwah islamiah bertujuan untuk mengajak manusia kepada akidah yang benar, menyeru kepada pelaksanaan syariah dalam kehidupan dan menghiasi masyarakat Islam dengan akhlak yang terpuji. Oleh yang demikian, pelbagai pendekatan dan teknik boleh digunakan untuk mencapai tujuan tersebut. Pendekatan yang digunakan mesti bersesuaian dengan sasaran dakwah. Pendekatan kepada orang bukan Islam berbeza dengan orang Islam. Pendekatan yang sesuai kepada kanak-kanak mungkin tidak sesuai kepada orang tua. Dengan ini, pendekatan yang digunakan mesti sampai kepada tujuan sebenar iaitu akidah yang satu.

Fokus perbincangan berkaitan dengan dakwah islamiah lebih memberi tumpuan kepada pendekatan dan pelaksanaan dalam kehidupan. Dengan erti kata lain apakah pendekatan yang digunakan? Sejauh mana keberkesanan pendekatan tersebut? Adakah pendekatan tersebut sesuai untuk semua lapisan masyarakat? Pendekatan yang digunakan bersifat sementara atau berpanjang? Pelbagai lagi persoalan yang perlu dibincangkan apabila sampai kepada tahap pelaksanaan. Perbincangan ini lebih memberi tumpuan kepada perbincangan yang berkait rapat dengan dakwah islamiah. Antara perbincangan *Ikhtilaf* dalam dakwah islamiah ialah pendakwah, *manhaj*, *wasilah* dan *uslub*.

Pertama: Pendakwah

Ikhtilaf dalam kalangan pendakwah merupakan perkara yang perlu dielakkan. Oleh kerana para pendakwah merupakan rujukan dalam pemahaman masyarakat terhadap Islam yang sebenar. Tohmahan demi tohmahan dilemparkan kepada para pendakwah sehingga sedikit sebanyak menggugat kredibiliti para pendakwah. Jika mereka sendiri *Ikhtilaf* dan bercanggah antara satu sama lain, bagaimana boleh melahirkan masyarakat

yang baik. Sudah pasti masyarakat yang dilahirkan juga bercanggah antara satu sama lain.

Kemampuan para pendakwah dalam melaksanakan dakwah berbeza-beza antara satu sama lain. Kemahiran yang dimiliki oleh para pendakwah juga berbeza. Perkara ini tidak menjelaskan dakwah islamiah. Bahkan ia boleh membawa kepada keluasan dakwah islamiah kepada seluruh aspek dan sasaran dakwah jika mereka saling bantu-membantu. Kekurangan yang ada ditampung oleh orang lain dan dengan demikian dapat melahirkan dakwah yang sempurna.

Oleh yang demikian, ada yang mampu memberi sumbangan dalam kata-kata, ada yang mampu dalam gerak kerja, ada yang mampu dalam penulisan dan pelbagai bidang lagi. Dengan ini boleh menampung kekurangan yang ada. Jika mereka bersatu dengan kekuatan masing-masing, akan terbina satu kekuatan yang mantap merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia. Namun jika tidak diurus dengan baik akan menimbulkan fitnah kepada dakwah. Justeru para pendakwah mesti dipenuhi dengan ilmu adab *Ikhtilaf* supaya perbeaan yang berlaku ke arah memantapkan pelaksanaan dakwah dan bukan meruntuhkan.

Terdapat pelbagai faktor yang boleh membawa kepada perpecahan dan perbeaan para pendakwah yang tidak sihat terutamanya dalam melaksanakan perkara yang penting dalam agama. Antara faktor penyebab kepada berlaku perkara ini ialah jahil tentang adab *Ikhtilaf*, saling menonjolkan kehebatan masing-masing, tidak meraikan pandangan orang lain, suka dipuji dan sebagainya. Bagi melahirkan dakwah yang menyeluruh pemahaman tentang adab *Ikhtilaf* sangat penting bagi para pendakwah. Para pendakwah yang mahir tentang adab *Ikhtilaf* dapat menyelesaikan permasalahan yang berlaku dengan cara dan kaedah yang terbaik. Masalah diselesaikan berpandukan kepada kebijaksanaan dan kesesuaian dengan masa dan tempat. Bukan menambahkan lagi masalah kepada masyarakat.

Contoh yang boleh dijadikan panduan dalam perkara ini ialah berkaitan dengan kalimah Allah kepada orang bukan Islam. Ramai dalam kalangan masyarakat yang tidak memahami isu ini sehingga menimbulkan pelbagai kemusykilan yang sukar diatasi. Ada yang berpendapat bahawa kalimah Allah tidak boleh digunakan. Manakala pendapat lain mengatakan boleh digunakan oleh bukan Islam.

Masyarakat keliru dan menyalahkan para pendakwah kerana anggapan mereka percanggahan berlaku antara pendakwah. Sedangkan kalau isu ini dikaji dengan teliti, kedua-dua pandangan adalah benar. Ini kerana kedua-dua pandangan ini melihat dari persepsi dan sudut yang

berbeza. Pandangan yang mengatakan boleh melihat kepada pelaksanaan dakwah kepada orang bukan Islam bahawa tuhan untuk kita semua adalah satu. Manakala pandangan yang mengatakan tidak boleh melihat dari sudut penghinaan kepada kalimah tersebut.

Menurut Yusuf al-Qardhawi (2001) para pendakwah mesti memahami lima fiqh utama supaya apa yang disampaikan tepat, sesuai, bermanfaat dan menyeluruh. Lima fiqh yang penting adalah seperti berikut:

1. *Fiqh Maqasid* (sasaran), suatu fiqh yang tidak hanya berhenti pada juz'iyat (cabang) dan kulit syariat saja, tetapi menembusi kuliyyat (keseluruhan) dan sasaran-sasaran syariat dalam segala aspek kehidupan.
2. *Fiqh Aulawiyat* (keutamaan) dengan mendalami keutamaan yang perlu dalam Islam. Mengutamakan yang paling utama dari yang utama, mendahulukan yang fardhu dari yang sunat dan sebagainya.
3. *Fiqh Sunan*, yakni sunnah-sunnah kauniah (sifat alam) dan ij'tima'iyyah (sosial) yang telah ditetapkan oleh Allah di alam ini. Sunnah-sunnah itu bersifat pasti dan tidak berubah, seperti sunnah perubahan dan sebagainya.
4. *Fiqh Muwāzanah Bainā al-Maṣōlih wa al-Mafāsid* (pertimbangan antara kemaslahatan dan kemudharatan) yang didasarkan kepada pemahaman, kajian ilmiah, objektif dan ketelitian terhadap realiti, baik realiti kita maupun realiti orang lain dengan memanfaatkan semua data, informasi dan kemudahan moden.
5. *Fiqh Ikhtilaf* (perbezaan pendapat) yang sudah dikenali sejak abad terbaik umat, yakni masa para sahabat, tabi'in dan para Imam mazhab. Perbezaan ilmiah yang terjadi di kalangan mereka tidak pernah menimbulkan impak negatif sama sekali. Kealpaan dalam menekuni *Fiqh Ikhtilaf* menyebabkan kita saling bermusuhan lantaran masalah-masalah kecil atau tanpa sebab sama sekali.

Kedua: Kandungan Dakwah

Kandungan dakwah sangat penting dan perlu menepati ciri-ciri kesyumulan, rabbāniah dan bertepatan dengan panduan al-Quran dan al-Sunnah. Bagi menjayakan perkara ini perlu kepada manhaj sebagai pengukur kepada kejayaan dakwah menurut kaca mata ilmu dakwah. Manakala wasilah dan uslub sebagai penyempurna kepada penyampaian dakwah. Terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian bagi perbincangan *Ikhtilaf* dalam kandungan dakwah seperti berikut:

1. Kandungan Utama Isi

Isi kandungan sangat penting dalam penyebaran Islam bahkan ia merupakan perkara utama yang perlu diberi perhatian. Kejayaan dakwah terhasil dengan mengutamakan yang paling utama dalam penyampaian isi kandungan. Perkara ini lebih menjamin kefahaman yang jelas dan memudahkan mereka untuk menghayati agama Islam. Menurut Padzal (1997: 295-296) turut mengutarakan, mesej dakwah juga perlu disampaikan dengan mendahului aspek akidah dari aspek-aspek syariah dan akhlak.

Perkara pertama yang harus dibina dalam jati diri manusia ialah iman. Iman bermakna menanamkan akidah yang benar di dalam hatinya, yang dapat meluruskan pandangannya kepada dunia ini. Akidah ini ialah akidah yang mengenalkan kepada manusia mengenai prinsip, perjalanan hidupnya dan tujuan hidupnya di dunia ini. Akidah ini adalah akidah yang dapat menjawab pelbagai pertanyaan yang sangat membingungkan bagi orang yang tidak beragama Islam. (Al-Qaradawi: 1996: 318). Malah, Rasulullah SAW sendiri pada permulaan dakwah lebih mementingkan pembinaan ilmu dan kekuatan akidah dalam kalangan para sahabat tanpa tergesa-gesa hendak menghancurkan berhala di sekeliling Kaabah pada ketika itu. (Rumaizuddin: 2003: 12).

Oleh sebab itu, perkara yang paling utama didahulukan dan harus diberi perhatian lebih daripada yang lainnya adalah pembentukan akidah, pemurnian tauhid, penyingkiran kemosyrikan dan khurafat sehingga membawa hasil yang boleh dinikmati dengan izin daripada Tuhan. Akhirnya kalimah tauhid dapat tersemat di dalam sanubari, menjadi cahaya dalam kehidupan, menerangi kegelapan pemikiran manusia dan kegelapan tingkah laku.

2. Mengutamakan Isu Yang Disepakati

Terlalu banyak isu yang disepakati oleh umat Islam kini terutamanya dalam kehidupan zaman sekarang. Akan tetapi amat mendukacitakan umat Islam kini kerana lebih gemar menyentuh isu yang *Ikhtilaf* daripada isu yang disepakati. Perkara utama dalam Islam perlu diperjelaskan kepada masyarakat, difahami dan dihayati terlebih dahulu sebelum membincangkan isu yang tidak disepakati supaya tidak berlaku kekeliruan dalam memahami agam Islam.

Sebagai contoh keutamaan isi kandungan yang disampaikan kepada mereka yang baru berjinak dengan Islam perlulah berhikmah. Kandungan isi yang disampaikan mengikut keutamaan. Dalam kes ini, strategi penyampaian isi kepada saudara kita mengikut keutamaan ialah membina

hubungan dengan mereka, membina asa kepercayaan antara pendakwah dan sasaran dakwah dan menghilangkan kesamaran dan salah faham sasaran dakwah terhadap dakwah.

2.1 Bina hubungan.

Penyampaian dakwah dimulakan dengan membina hubungan antara pendakwah dan madu. Hubungan yang baik memudahkan pendakwah menyampaikan kandungan Islam dengan penuh hikmah. Perkara ini lebih jelas lagi sebagaimana yang dilakukan oleh tuan guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, beliau akan memulakan percakapan dengan non-Muslim atau mereka yang berjinak dengan Islam dengan mengatakan kita adalah bersaudara. Kata-kata tersebut boleh menyentuh hati mereka sehingga mereka merasakan ada hubungan antara mereka dengan orang Islam dan tertarik dengan Islam. Dengan itu mereka lebih mudah untuk menerima apa yang disampaikan. (Zulkifli: 2010)

2.2 Membina asas kepercayaan antara pendakwah dan mad'u.

Apabila proses pembinaan sudah dilakukan, para pendakwah berpindah kepada peringkat seterusnya dengan membina asas kepercayaan antara madu dan pendakwah. Penjelasan yang baik terhadap agama Islam boleh menarik minat mereka terhadap agama Islam. Pada peringkat ini para pendakwah hanya memberi penumpuan kepada pemahaman yang jelas terhadap agama Islam.

2.3 Menghilangkan kesamaran dan salah faham madu terhadap Islam.

Peringkat yang terakhir dalam strategi penyampaian isi kepada saudara baru adalah menghilangkan kesamaran dan salah faham terhadap Islam. Ramai dalam kalangan saudara baru yang masih keliru dengan agama Islam. Peringkat ini sangat penting dalam memahamkan mereka dengan keyakinan yang teguh dan tidak dicampuri dengan kesamaran.

3. Pandangan Yang Jelas Tentang Islam.

Menghilangkan kekeliruan terhadap orang Islam dan bukan Islam merupakan langkah ke arah memberi penerangan kandungan Islam yang sebenar. Penjelasan yang jelas amat diperlukan. Ini berikutnya beberapa kekeliruan yang ditimbulkan berkenaan dengan agama Islam terutamanya dalam masyarakat Melayu sebagaimana berikut:

- 3.1. Masuk Islam mengubah bangsa.
- 3.2. Masuk Islam bukan memutuskan silaturahim.
- 3.3. Masuk Islam bukan Masuk Melayu.

Penjelasan yang tepat dapat memberikan kefahaman yang mantap kepada saudara baru. Kefahaman belum mantap jika masih ada kekeliruan. Kekeliruan akan hilang dengan adanya pandangan yang jelas, kukuh dan teguh.

Ketiga: Manhaj

Manhaj merupakan tunjang utama bagi memastikan perjalanan dakwah mengikut kaedah yang telah ditetapkan dan juga memastikan perjalanan secara berterusan. Menetapkan manhaj sangat penting sebelum mencari wasail yang sesuai dan uslub yang mantap. Ketiga-tiga perkara ini bersatu bagi menjayakan penyebaran secara menyeluruh dan berkesan. Antar perkara yang perlu diberi perhatian terhadap manhaj adalah sebagaimana berikut:

1. Mempunyai manhaj Syumūliah Islamiah.

Menurut Al-Bayānūnī (2001) dakwah islamiah mesti menepati ciri-ciri kesyumulan manhaj Islam seperti al-Rabbāniyah, al-kamal, al-wudūh, al-Syūmūl, al-Tawāzun dan al-‘Amaliyah. Dengan menepati perkara ini dapat direalisasikan Islam itu mudah, pelaksanaan secara berperingkat-peringkat, syarak sebagai panduan dalam beribadat dan bergabung antara keterikatan dengan Islam yang sempurna dengan kesesuaian pelaksanaan mengikut masa dan zaman.

2. Saling Bantu membantu antara manhaj yang pelbagai

Berpunca daripada perbezaan manhaj timbulnya pelbagai aliran dalam menyampaikan dakwah dengan memberi penekanan kepada sudut yang pelbagai. Secara keseluruhan daripada manhaj yang pelbagai dalam dakwah, terdapat manhaj yang hanya memberi fokus kepada sudut tertentu sahaja tanpa menolak sudut yang lain, ada juga yang memberi penumpuan kepada pelaksanaan menyeluruh. Dakwah Islamiah tidak akan sempurna kecuali memberi tumpuan kepada keseluruhan elemen dakwah sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Bayānūnī (2001) bahawa dakwah merangkumi penyampaian, pemahaman dan pelaksanaan. Ketiga elemen ini sangat penting dalam dakwah islamiah. Semua ini berpandukan kepada firman Allah SWT:

هُوَ اللَّهُ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأَمَمِ تِنَانَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَشْرُكُوا عَلَيْهِمْ أَيْمَنِهِ، وَيُزَكِّهِمْ وَيَعْلَمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا
مِنْ قَبْلِ لَفِي صَلَلٍ مُّبِينٍ

(Al-Quran, Al-Jumuah 62: 2)

Maksudnya: *Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.*

Bertitik tolak daripada perkara ini timbulnya bermacam-macam aliran dalam dakwah islamiah. Ada yang menggunakan manhaj yang mudah dan ada yang menggunakan manhaj yang syadid. Ada yang memberi tumpuan kepada penyampaian sahaja tanpa menolak yang lain, ada yang memberi tumpuan kepada pengajaran sahaja dan ada juga yang mengutamakan kesemuanya dalam dakwah.

Namun begitu ada juga golongan yang menggunakan nama Islam tetapi dengan menggunakan manhaj yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti memisahkan dunia dan akhirat, mengambil salah satu sudut dan menolak sudut yang lain dalam Islam, mengutamakan akal fikiran dalam menafsirkan Islam, mengikut hawa nafsu dalam menentukan hukum hakam Islam, menggunakan manhaj yang terlalu ekstrem sehingga mengeluarkan orang Islam daripada Islam dan sebagainya. Semua manhaj ini tidak bertepatan dengan ajaran Islam yang sempurna. Apa yang perlu diberi perhatian dalam perkara ini ialah manhaj yang digunakan mestilah berpandukan kepada ajaran Islam yang mulia dan salin bantu membantu antara satu sama lain. Kekurangan dan kelemahan yang ada saling tampung menampung antara satu sama lain dan bukannya saling melemahkan dan menjauhkan.

3. Mendahulukan Manhaj Yang Utama

Manhaj dakwah yang disampaikan boleh di kategorikan kepada tiga bentuk sama ada manhaj ‘atifi, manhaj aqlī dan manhaj hissī. *Ikhtilaf* dalam kalangan para ulama dalam penentuan manhaj manakah yang patut didahulukan ketika melaksanakan tugas dakwah. Yang sepati mereka sepakat bahawa memilih manhaj yang sesuai didahulukan mengikut sasaran dakwah. Begitu juga berbeza dalam memberi penekanan terhadap ketiga-tiga manhaj ini untuk kali yang pertama dan kali yang seterusnya.

Ketiga manhaj ini melihat kepada sasaran, ada manhaj yang sesuai kepada sasaran tertentu dan tidak sesuai kepada yang lain. Begitu juga dalam

menggunakan manhaj ini perlu mengikut peringkat yang sesuai. Contohnya, bagi golongan yang baru memeluk Islam, manhaj yang sesuai kepada mereka mengikut peringkat sebagaimana berikut:

3.1 *Manhaj ‘Ātifī* (Pendekatan sudut emosi). Sasaran manhaj ini ialah hati dan memerlukan kepada hikmah supaya sampai kepada sasaran dengan baik.

3.2. *Manhaj Hissī* (Pendekatan aspek empirikal). Sasaran manhaj ini ialah pancaindera yang dimiliki dengan memberi tumpuan kepada pengajaran berbentuk amali dan juga contoh tauladan yang baik.

3.3. *Manhaj Aqlī* (Pendekatan aspek akal). Sasaran manhaj ini ialah akal dan mempunyai sasaran tertentu dan juga pendekatan yang tertentu untuk menjayakannya.

Keempat: *Wasā'il Atau Dari Sudut Saluran*

Pelbagai saluran yang boleh digunakan dalam lapangan dakwah. Ada yang mampu menggunakan saluran tertentu akan tetapi tidak mampu menggunakan saluran lain. Kesilapan berlaku bila para pendakwah menganggap saluran yang digunakan olehnya sahaja yang betul. Manakala saluran yang digunakan oleh orang lain tidak betul.

Ada juga yang menggunakan saluran yang sama tetapi berbeza dari sudut teknik. Gaya pelaksanaan berbeza antara satu sama lain yang menampakkan keunikan sesuatu pelaksanaan. Kadang-kadang perbezaan teknik pelaksanaan bergantung kepada kesesuaian sasaran dakwah dan juga kemampuan pelaksananya. Ini tidak bererti hanya tekniknya sahaja yang betul manakala teknik yang lain darinya salah. Sebagai contoh ada orang yang mampu menggunakan penulisan sebagai saluran dakwah. Ini tak bererti orang yang tidak menggunakan saluran ini tidak berdakwah. Begitu juga ada orang yang mampu menulis dengan gaya ilmiah. Ini tak bererti orang yang menggunakan gaya santai tidak menyampaikan dakwah. Contoh lain, program realiti berkoncepkan dakwah rancak di arena media pada hari ini seperti pencetus ummah, pendakwah, imam muda, ustazah pilihan dan sebagainya. Pelbagai pandangan berkenaan dengan program ini antara yang menerima dan menolak. Kedua-dua pandangan mempunyai hujah masing-masing. Jika diteliti secara mendalam kedua-duanya boleh diguna pakai dalam penyampaian dakwah masa kini. Perkara yang sama juga kepada contoh-contoh yang lain seperti masjid, nasyid, dakwah bil al-hal dan sebagainya.

Secara keseluruhannya *Ikhtilaf* dalam konteks dakwah Islamiah begitu luas mengikut kemampuan pelaksananya. Walaupun begitu Islam telah meletakkan garis panduan dalam perkara ini supaya wasā'il yang

digunakan tidak melampaui batas yang dibenarkan oleh Islam. Oleh yang demikian, ulama Islam telah sepakat bahawa wasāil yang digunakan tepat dengan slogan matlamat tidak menghalalkan cara. Menurut al-Bayānūnī (2001) Islam telah meletakkan ketetapan yang jelas dalam penggunaan wasāil dakwah supaya menepati slogan matlamat tidak menghalalkan cara. Ada lima ketetapan yang patut dipatuhi supaya wasāil yang digunakan mencapai matlamat. Lima perkara tersebut seperti berikut:

1. Sepakat bahawa wasāil yang keseluruhannya haram adalah diharamkan dan terdapat nas yang mengharamkannya.
2. Sepakat bahawa wasilah yang dibolehkan keseluruhannya adalah diharuskan dan terdapat nas yang mengharuskannya.
3. *Ikhtilaf* pada wasāil yang bercampur antara haram dan halal kepada:
 - 3.1. Boleh dipisahkan. Wajib memisahkan antara yang halal dan haram, ambil yang baik dan tinggal yang haram.
 - 3.2. Tidak boleh dipisahkan. Boleh dibahagikan kepada dua bahagian dari sudut pelaksanaan. Pertama boikot dengan ketetapan tertentu. Kedua menggunakan dengan ketetapan tertentu.
4. Wasilah yang digunakan bukan menjadi syiar kepada orang kafir.
5. Kelonggaran dalam menggunakan sebahagian daripada wasāil yang ditegah pada sesetengah keadaan seperti Ḍorūrat.

Kelima: Uslub Atau Dari Sudut Persembahan Isi.

Uslub merupakan elemen yang perlu diberi perhatian demi memastikan dakwah sampai kepada sasaran dengan penuh penghayatan. Tujuan uslub adalah untuk memastikan dakwah sampai kepada matlamat dengan cara yang terbaik. Para pendakwah mesti pandai memilih uslub yang sesuai dengan sasaran. Dengan uslub yang sesuai dakwah akan menjadi unik dan berkesan. Uslub untuk orang tua tidak sama dengan uslub untuk kanak-kanak. Uslub untuk wanita tidak sesuai untuk lelaki. Oleh yang demikian, untuk memastikan uslub yang digunakan sesuai sampai kepada sasaran dengan memberi perhatian kepada perkara berikut:

1. Cari persamaan dan elakkan perbezaan

Permulaan yang baik adalah dengan mencari persamaan dan mengelakkan perbezaan. Perkara ini juga perlu diketengahkan dalam interaksi dengan sasaran dakwah. Lagi banyak persamaan lagi senang untuk menuju ke arah kebaikan. Hakikat untuk mencari persamaan sukar dicapai menurut Muhammad Isa (2004: 673) terdapat jemaah yang pelbagai dalam melaksanakan dakwah Islamiah. Akan tetapi berlaku *Ikhtilaf* dari sudut

matlamat, uslub dan manhaj sehingga menimbulkan keburukan dalam pelaksanaan dakwah dan boleh menyebabkan waktu terbuang dengan sia-sia. Lebih parah lagi peluang tersebut digunakan oleh bukan Islam untuk menghancurkan kesatuan umat Islam.

Persamaan yang dimaksudkan ialah dari sudut kehidupan yang tidak bercanggah dengan Islam seperti hobi, makanan kegemaran, pakaian dan sebagainya. Saling bekerjasama pada perkara yang ada titik persamaan. Contohnya, mempunyai hobi yang sama seperti bersukan, peluang bersukan bersama diisi dengan perbincangan yang berfaedah dan lebih khusus lagi memahamkan tentang Islam.

Perbezaan ini ialah sensitiviti berkaitan dengan bangsa dan budaya seperti cara pemakaian, pemakanan dan percakapan. Mengelakkan daripada mengeluarkan, melakukan dan mendatangkan perkara yang menjadi sensitiviti sesebuah bangsa dan budaya. Contohnya, kenduri dan menjemput saudara baru, dalam masa yang sama juga mesti menyediakan makanan yang sesuai untuk mereka. Bukan menjemput mereka tetapi tidak disediakan makanan untuk mereka.

2. Penggunaan Uslub yang mudah dan terang

Konsep keutamaan dalam menjalankan dakwah iaitu keringanan dan kelonggaran. Antara keutamaan-keutamaan yang dituntut di sini khususnya dalam bidang dakwah ialah mendahulukan keringanan dan kemudahan ke atas sikap menyusahkan. Seseorang ilmuwan mungkin berfatwa dengan hukum yang lebih berhati-hati kepada golongan yang kuat agama, tabah dan warak manakala orang awam pula hukum yang patut dikemukakan kepada mereka ialah hukum yang lebih ringan. Perkara ini lebih diberi penekanan terutamanya berdakwah kepada bukan Islam seperti kalangan orang asli.

Pada zaman ini, kita lebih memerlukan supaya keringanan itu disebar luaskan kepada orang ramai khususnya orang yang baru mengenali Islam. Ini amat jelas dalam cara nabi Muhammad SAW menyampaikan ajaran Islam kepada orang yang baru memeluk agama Islam. Baginda tidak memberatkannya dengan tugas-tugas yang banyak malah baginda hanya memberi pendedahan kepadanya tentang kewajipan-kewajipan asas agama.

Dalam berhadapan dengan sasaran awam yang kebanyakan daripada mereka berada dalam tahap orang yang kurang pengetahuan agama. Oleh itu, keutamaan harus diberi kepada perkara yang diperintahkan atau perkara asas berbanding dengan perkara cabang. Pendakwah tidak perlu mengemukakan masalah yang pelik-pelik, jangan

memperkatakan perbandingan mazhab-mazhab mahupun perbandingan agama kerana hal ini akan menimbulkan keraguan dalam kalangan mereka. Tetapi terangkan masalah itu secara lurus, tanpa membuat perbandingan dengan pendapat-pendapat lain. Tetapkan saja dengan pendapat yang kuat dan apabila perlu tidak perlu pendakwah menyatakan, ini menurut mazhab itu dan ini akan tetapi hanya cukup memadai dengan menyatakan firman Allah SWT dan Rasul-Nya sahaja. Bagaimanapun, apabila ada di antara mereka yang bertanya, bolehlah kita sebagai pendakwah menyampaikan perbandingan atau perbezaan pendapat. Namun sebaiknya jangan dijawab dalam khalayak umum kerana akan menjadi tanda tanya bagi mereka yang masih rendah ilmu agamanya.

Kaedah merealisasikan pendekatan yang mudah kepada sasaran awam mengikut tahap pengetahuan mereka sebagaimana berikut:

- 2.1. Penjelasan yang nyata dan jelas.
- 2.2. Berperingkat-peringkat.
- 2.3 Menjinakkan.
- 2.4 Penjelasan di sebalik suruhan dan larangan.
- 2.5 Bersesuaian dengan keadaan sasaran.

Begitu juga dalam perkara keutamaan mencapai pemberian. Pemberian pertama yang perlu ditekankan adalah pembinaan individu itu sendiri sebelum pembinaan masyarakat atau melakukan revolusi diri sebelum melakukan revolusi sistem dan institusi (Al-Qaradawi: 1996: 317). Sehubungan dengan revolusi diri, kita sewajarnya mempergunakan istilah yang paling tepat yang digunakan oleh al-Quran iaitu:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

(Al-Quran, al-Ra'd 13: 11)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum Muslimim sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Allah tidak mengubah sesuatu nikmat atau sesuatu penderitaan, Allah tidak mengubah sesuatu kemuliaan atau sesuatu kehinaan melainkan apabila manusia itu sendiri yang mengubahkan perasaan mereka, amalan-amalan mereka dan realiti hidup mereka dan ketika itulah Allah akan mengubahkan keadaan mereka mengikut perubahan yang berlaku kepada keadaan jiwa dan amalan-amalan mereka. (Yusoff Zaky: 2000: 335).

Inilah sebenarnya yang menjadi asas bagi setiap usaha pemberian, perubahan dan pembinaan sosial iaitu usaha yang dimulai dari individu yang merupakan asas bangunan secara menyeluruh. Oleh sebab itu kita tidak boleh berharap untuk mendirikan sebuah bangunan yang selamat dan kukuh sekiranya batu asasnya tidak kuat dan rosak. Oleh itu, kita sebagai pendakwah perlu menguatkan diri kita terlebih dahulu untuk melaksanakan tugasannya dakwah. Kita juga perlu memfokuskan kepada individu-individu tertentu dahulu sebelum menyebarkan kepada masyarakat setempat.

3. Pelaksanaan secara berperingkat.

Antara konsep keutamaan yang perlu diambil kira oleh para pendakwah ialah mengambil kira prinsip mengubah secara berperingkat. Hal ini kerana mengikut perintah Allah SWT dalam bidang penciptaan dan bidang perintah serta larangan juga kerana mematuhi metode perundangan Islam dalam menunaikan ibadat solat, puasa dan kewajipan-kewajipan lain serta dalam mengenakan pengharaman terhadap perkara-perkara terlarang. Contoh yang paling jelas yang kita boleh lihat dalam perkara ini ialah pengharaman arak mengikut beberapa peringkat tertentu sepertimana yang telah sedia maklum dalam sejarah perundangan Islam.

Peraturan Ilahi dalam meraikan perubahan secara berperingkat harus menjadi kelaziman dalam memimpin umat manusia apabila sistem Islam hendak dikuatkuasakan dalam kehidupan hari ini iaitu selepas era di mana kehidupan Islam diserang dari segi kebudayaan, perundangan dan kemasyarakatan. Jika para pendakwah hendak membangunkan sesebuah masyarakat Islam Orang Asli yang sejati, seseorang pendakwah itu tidak boleh berkhayal yang ia akan menjadi kenyataan dengan hanya sebatang pen atau dengan sesuatu keputusan yang dikeluarkan oleh pemerintah malah ianya akan menjadi kenyataan melalui perubahan secara berperingkat. Apa yang dimaksudkan di sini ialah dengan menyediakan dan melengkapkan seseorang individu dari segi pemikiran, psikologi, moral dan sosial serta mencari jalan untuk mereka meninggalkan perkara batil yang telah diamalkan setelah sekian lamanya.

Dalam hal ini, tidak dimaksudkan dengan perubahan secara berperingkat ialah untuk melengah-lengahkan penguatkuasaan hukum syarak dan memperalatkan perkataan berperingkat itu untuk mematikan pelaksanaan Islam secara menyeluruh. Berperingkat dini bermaksud untuk menentukan matlamat, mencipta strategi dan menggariskan tahap-tahap dengan insaf dan jujur di mana setiap tahap membawa kepada tahap berikutnya secara terancang sehingga ia sampai ke tahap yang dikehendaki dan terakhir iaitu menegakkan Islam sepenuhnya.

Pendekatan ini adalah selaras dengan apa yang digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. untuk mengubah kehidupan jahiliah kepada suatu kehidupan Islam. Begitu juga dengan kehidupan asal saudara baru yang pada asalnya mereka kebanyakannya bukan beragama Islam dan tidak beragama dan membawa mereka untuk mendalamai ajaran Islam. Ini semua tidak lain dan tidak bukan ialah untuk memastikan sesuatu hukum itu sampai kepada matlamat ianya disyariatkan. Sesuatu hukum tidak mencapai maqāsid sekiranya dijalankan pada masa yang tidak sesuai atau dalam keadaan masyarakat yang masih belum dapat menerima hukum itu.

Menurut Ali al-Tontowi (2008) apabila para pendakwah menyampaikan dakwah kepada remaja, jangan lupa panduan daripada Rasulullah SAW dengan memulakan akidah terlebih dahulu, kemudian mengajar mereka menjauhi dosa-dosa besar dan perkara yang diharamkan secara ijmak dan kemudian memerintahkan supaya melaksanakan kefardhuan yang wajib. Apa yang berlaku sebaliknya, ada di antara para pendakwah memulakan dengan yang sunat dahulu seumpama perbahasan berkaitan dengan janggut, tetapi tidak memulakan dengan rukun Islam yang utama. Oleh yang demikian dakwah yang disampaikan susah dan sukar kerana tidak mengutamakan apa yang utama.

RUJUKAN

- Abdul Halim Hamid. 1990. *Ma‘an ‘Alā Ḥorīq al-Dakwah*. Kaherah: Dar al-Ṣodiqiyah Wa al-Naṣr Wa al-Tauzī‘.
- Abu al-Husain, Ahmad bin Faris. 1392h. *Mu‘jam Maqayis al-Lughah*. Kaherah: Matba‘ah Mustafa al-Babiy al-Halabiy.
- ‘Alwānī, Tāhā Jābir. 1992. *Adab Al-Ikhtilāf Fī Al-Islām*. USA: Al-Ma‘had al-Islāmī Li al-Fikr al-Islāmī.
- ‘Ali Jumā‘ah. 2007. *Al-Madkhāl*. Kaherah: Dar al-Salam.
- ‘Athiyyah, Jamaluddin. 2001. *Nahwa Taf‘il Maqāsid-Maqāsid al-Syari‘ah*. Syria: Dar al-Fikr.
- Al-‘Audah, Salman. 1433H. *Kaif Nakhtalif*. Riyadh: Muassasah al-Islam al-Yaum Li al-Nasr.
- Azizee Hasan. 2011. *Kaedah Berdakwah di Jalan Allah*. Kuala Lumpur: Percetakan Salam Sdn. Bhd.
- Al-Bayānūnī, Muhammad Abdul Fatah. 2001. *Al-Madkhāl ilā Ilm al-Dakwah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Fairuz Abadi, Muhammad bin Yaakub. 1987. *Qamus al-Muhit*. Beirut: Dar al-Risalah.

- Ibn al-Manzur, Muhammad bin Mukram. 1990. *Lisān al-Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Mansi, Muhammad Qasim. 2010. *Taghayyur al-Zurūf Wa Athāruhu Fi Ikhtilāf al-Ahkām*. Kaherah: Dar al-Salam Li al-Tabati Wa al-Nasr Wa al-Tauzi Wa al-Tarjamah.
- Muhammad al-Amin. 2002. *Mura'ah al-Khilāf Fi al-Mazhab al-Mālikī*. Dubai: Dar al-Buhuth Li al-Dirasat al-Islamiyyah Wa Ihya' al-Turath.
- Muhammad Muhammad Isa. 2004. Al-Wehdah al-Islamiyyah Wa Ahammiyatuhā fi Ḫilaj Hādir al-Islāmi. *Jurnal Kuliah Dakwah al-Islamiyyah*, Jil. 18. Kaherah: Cetakan Universiti al-Azhar.
- Mustafa Malaikah. 1999. *Fi Usūl al-Dakwah Muqtabasun Min Kutubi al-Doktor Yusuf al-Qardawī*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Mustafa Murad Subhi Muhammad. 2004. Hadis Iftirāq al-ummah Fi al-Mīzān. *Jurnal Kuliah Dakwah al-Islamiyyah*, Jil. 18. Kaherah: Cetakan universiti al-Azhar.
- Padzal Haji Mokhtar. 1997. *Dakwah Di Kalangan Masyarakat Orang Asli Negeri Terengganu*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Rugi, Muhammad. 2000. *Nazariyyah al-Taq'id al-Feqhi*. Lubnan: Dar Ibnu Hazm Beirut.
- Al-Sadlan, Ṣalih Bin Ghanim. 1417h. *Il-i 'tilāh Wa al-Ikhtilāf Asasuhu Wa Dhawābituhu*. Saudi Arabia: Dar Balansia Li al-Nasr Wa al-Tauzi.
- Tala'at Mohammad Afifi. 2002. *Adab al-Ikhtilafat al-Fiqhiyah Wa Asaruhi Fi al-Amal al-Islami al-Ma'ashir*. Kaherah: Maktabah Dar al-Salam.
- Al-Tantawi, Ali (2008). *Fusūl Fi Al-Dakwah wa al-Islāh*. Saudi Arabiya: Dar al-Manarah Li al-Nasr Wa al-Tauzi'.
- Al-Qardhawi, Yusuf. 2000. *Pengantar Pengetahuan Islam*. terj. Mohammad Zaini Yahya. Kuala Lumpur: Al-Syabab Media.
- Al-Qardhawi, Yusuf. 2005. *Kaifa Nata'amalu Ma'a al-Turāth wa al-Tamazhub wa al-Mazmun*. Kaherah: Muassasah al-Risalah.
- Yasir Husain Barhami. 2000. *Fiqh al-Khilāf baina al-Muslimīn*. Kaherah: Dar al-Aqidah.

* Mohamad Zulkifli Abdul Ghani
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
Mel-e: mohdzulkifli@ukm.edu.my

Al-Hikmah 8(2) 2016: 166-183

Sistem Kad Perakam Waktu (KPW) Era Kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad di Malaysia

PUNCH CARD SYSTEM DURING TUN MAHATHIR MOHAMAD ERA IN
MALAYSIA

MUNIROH ABDUL ROHMAN*
AHMAD ZAHARUDDIN SANI AHMAD SABRI**

ABSTRAK

Kajian kepimpinan ini mengkaji mengenai sistem kad perakam waktu kepada kakitangan Awam di Malaysia. Justeru, sepanjang kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad selama 22 tahun di Malaysia terdapat banyak dasar dan pembangunan yang beliau laksanakan. Salah satu sistem yang dilancarkan untuk membangunkan kakitangan awam adalah memperkenalkan sistem kad perakam waktu. Kajian ini mendapati bahawa sistem KPW diperkenalkan adalah untuk memastikan supaya semua kakitangan tidak datang lewat ke pejabat atau keluar untuk pulang sebelum waktu yang sewajarnya. Islam juga memerintah umatnya untuk konsisten terhadap peraturan Allah yang ditetapkan. Justeru, kakitangan awam perlu memiliki sifat disiplin bagi menangani masalah kelewatan ke tempat kerja. Hal ini kerana sifat disiplin dapat mengetahui yang lebih utama dan mengutamakan perkara yang lebih utama. Sifat disiplin juga dapat dilihat dalam penilaian pengurusan masa dan janji. Selain itu, dengan berdisiplin kakitangan awam dapat mengamalkan cara bekerja yang kemas dan terancang disamping mempunyai etika kerja serta profesionalisme yang tinggi. Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dan data diperolehi melalui semakan dokumen dan analisis kandungan bagi mendapatkan hasil kajian. Sifat disiplin adalah satu sifat yang murni untuk dijadikan sebahagian daripada jati diri umat Islam khususnya masyarakat Melayu di Malaysia. Hal ini kerana dengan adanya sifat ini dalam diri, setiap pengurusan sama ada diri atau masyarakat akan lebih cepat, pantas dan kemas. Oleh sebab itu, pengurusan yang baik akan dapat meningkatkan taraf setiap pekerjaan untuk lebih maju dari masa ke semasa.

Kata Kunci: *Sistem Perakam Waktu, Kepimpinan, Tun Dr Mahathir Mohamad, Malaysia*

ABSTRACT

This study on leadership analyses the Punch Card System for the public servants in Malaysia. During the 22 years' leadership of Tun Dr Mahathir Mohamad in Malaysia, he implemented a lot of policies and development. To develop public servants, one of the systems launched during that time was the introduction of the punch card system. This study shows that the system was introduced in ensuring that the public servants do not come late to the office or leave from work before the prescribed time. In Islam, Muslims are ordered to be consistent based on what God had ordained. Hence, the public servants should exhibit discipline to overcome lateness in coming to the work. This is because if one exhibit this trait, one will know their priorities and able to prioritise better. Discipline can also be used in assessing time management and promises. In addition, public servants can practice a well ordered and organised work culture besides having good work etiquette and high-level of professionalism. This study was conducted using a qualitative approach and the data were obtained through the checking of documents and analysing the content to obtain the result. The discipline trait is one of the noble traits and forms parts of Muslim core values especially among the Malay community in Malaysia. This is because, with this trait, any management be it, self-management or society management will become faster and well-ordered. Therefore, a good management can increase the standard of every occupation and lead to its prosperity from time to time.

Keywords: *Punch Card System, Leadership, Tun Dr Mahathir Mohamad, Malaysia*

PENGENALAN

Kepimpinan merupakan salah satu aspek yang terpenting dalam menentukan samada sesebuah negara itu berjaya mencapai matlamat yang hendak dicapainya (Moten, 2011). Walau bagaimanapun, terdapat banyak definisi kepimpinan namun bagi kajian ini kepimpinan dimaksudkan oleh Bernard (1984) sebagai "*the behaviour of an individual while he is involved in directing group activities*".

Kepimpinan bukanlah aktiviti yang bersifat teori tetapi berdasarkan perhubungan keakraban pemimpin dengan pengikut. Keberkesanan kepimpinan bergantung kepada pemimpin, pengikut dan lain-lain sumber situasi. Untuk mencapai keberkesanan sewaktu menjalankan tugas pengurusan pemimpin mestilah boleh mendiagnosis tingkah laku kepimpinan dalam konteks persekitarannya (Aminuddin, 1990).

Dalam suasana pemimpin untuk mendapat kuasa serta pengiktirafan, mereka mestilah bijak dalam menguruskan organisasi. Perubahan-perubahan yang berlaku sama ada di luar atau dalam organisasi perlu diatasi dengan sebaik mungkin (Mat Chek, 2003). Malah, setiap permasalahan, pertentangan, krisis dan bantahan perlu dicari penyelesaiannya. Sehubungan itu, kewibawaan pemimpin diperlukan bagi membawa perubahan di samping peka dengan setiap isu yang muncul dan mereka tidak seharusnya membiarkan setiap permasalahan begitu sahaja tanpa tindakan positif.

Oleh itu, Jamaie Hamil (2003) dan (Van Wart, 2013) menjelaskan bahawa keberkesanan kepimpinan adalah petunjuk utama yang menjadi asas sesebuah sistem politik yang stabil sama ada ketika mengatasi konflik dalaman atau sebagai perancaang dasar dan strategik untuk peningkatan pembangunan negara.

Selain itu, untuk melahirkan sebuah masyarakat yang bermoral Sayid Qutb menegaskan bahawa kepimpinan yang diamalkan harus dilandaskan kepada prinsip yang digariskan dalam Islam. Demi mencapai matlamat ini Sayid Qutb berpendapat bahawa pemimpin mempunyai kedudukan yang tinggi dan berpengaruh. Namun begitu, kekuatan dan prasarana yang ada menyebabkan rakyat meletakkan harapan yang tinggi kepada pemimpin. Malah dengan kekuatan ini, pemimpin mampu mencorak pemikiran rakyat (Ibrahim Mazlan, 2003).

Dalam konteks Malaysia, Pandian (2005) kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan suatu yang unik berbanding dengan kepimpinan sebelum ini. Hal ini kerana sejak beliau mengambil alih kepimpinan negara pada tahun 1981, rakyat mengharapkan perubahan memandangkan Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan tokoh yang berwawasan, berjiwa rakyat, radikal dan dahagakan kemajuan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing (Saravanamuttu, 2009; Schottmann, 2011).

Tun Dr Mahathir Mohamad dianggap sebagai pemikir serta revolusioner yang mengetengahkan pemikiran dan tindakan yang radikal serta tidak konvensional. Malah, sepanjang pemerintahan beliau telah membawa Malaysia melalui satu proses perubahan yang singnifikan. Dari sebuah negara yang mengamalkan ekonomi berteraskan pertanian, Tun Dr Mahathir Mohamad menerajui Malaysia sehingga memasuki kegiatan ekonomi yang berdasarkan pembuatan atau produk. Dalam jangka waktu tersebut, Malaysia menyaksikan era perindustrian bagi menggantikan era pertanian.

Justeru, Ahmad Abdul Muati @ Zamri (2007) menyatakan bahawa pada alaf baharu, beliau membawa pula negara ini memasuki ambang k-economii iaitu kegiatan ekonomi yang berteraskan pengetahuan tatkala dunia memasuki era globalisasi atau dunia tanpa sepadan. Justeru, pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad mengutamakan kecemerlangan serta keunggulan. Selain itu, beliau cuba mengaplikasikan konsep kerajaan yang bersih, mempunyai kecekapan mengurus dan menitikberatkan amanah dalam pemerintahannya. Sepanjang 22 tahun pemerintahan, Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan negarawan yang berusaha mengubah negara dan rakyat khususnya kaum bumiputera tentang erti pembangunan serta kemajuan.

Sehubungan itu, perkara ini dapat dilihat berdasarkan Teori Pemimpin Karismatik yang mendapat perhatian banyak pihak. Pemimpin karismatik dapat diertikan sebagai kemampuan pemimpin untuk memenuhi emosi pengikut secara berkesan. Para pengikut tidak menganggap pemimpin sebagai ketua tetapi bertindak sebagai tokoh serta wira utama sepanjang masa (House R.J, 1977). Pemimpin seperti ini dikenali ramai kerana memiliki lima ciri istimewa iaitu tahap keyakinan diri yang tinggi, mempunyai idea yang menyakinkan, semangat hebat kecemerlangan berkomunikasi dan kekuatan peribadi yang menjadi ikutan ramai.

Kepimpinan jenis karismatik ini sangat terkenal dalam lapangan politik berbanding lapangan lain serta sifat karismatik pemimpin ini kekal lama. Walau bagaimanapun, mereka tidak begitu berjaya sebagai pemimpin organisasi awam dan swasta namun mereka akan muncul sebagai tokoh negarawan apabila tercetus revolusi atau kekacauan awam yang tidak dapat diselesaikan oleh pemimpin-pemimpin lain. Kegagalan pemimpin karismatik akan digantikan oleh pemimpin yang bercorak “instrumental” yang berfungsi untuk menggerakkan anggota organisasi. Malah, ciri-ciri pemimpin “instrumental” dibayangkan menerusi kebijaksanaan dalam mereka bentuk organisasi, pasukan bekerja, standard serta pencapaian prestasi tinggi.

Namun begitu, ia turut diakui oleh Mohamad (1999) menegaskan bahawa kesemuanya memenuhi ciri-ciri kepimpinan berkarismatik, populis dan pragmatik. Walau bagaimanapun, Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan antara kelompok kecil yang boleh digelarkan “*thinking politician*” kerana kepimpinan yang berteraskan pemikiran yang cintakan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

Walau bagaimanapun, tahap modenisasi yang lebih meluas telah berlaku semasa Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri keempat pada tahun 1981. Era ini merupakan satu era perubahan drastik

atau dengan kata lain sebagai dekad berlakunya ‘revolusi teknologi’ dalam dunia. Hal ini menunjukkan bahawa telah wujudnya transformasi terutamanya dalam negara industri maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Revolusi teknologi ini menjadi sasaran utama Tun Dr Mahathir Mohamad apabila beliau menjadi Perdana Menteri dan pelbagai kelengkapan, metod, gaya pengurusan dan teknologi dari begara industri maju tersebut telah diperkenalkan secara meluas di Malaysia.

Sehubungan itu, bagi memastikan negara tidak ketinggalan dalam kemajuan dan sentiasa bergerak ke hadapan selaras dengan matlamat pemimpin, pembaharuan pentadbiran yang dibuat juga selari dengan kehendak persekitaran. Dalam pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad, terdapat pembaharuan pentadbiran yang dilaksanakan secara dristik bertujuan untuk mencapai kemajuan dalam negara serta mengorak langkah yang lebih luas khususnya dalam bidang teknologi dan ekonomi. Pembaharuan yang dibuat telah dapat mengubah corak pentadbiran dan perkhidmatan kepada yang lebih sistematik serta ia menjadi tunjang utama dalam memastikan kelincinan dan kejayaan sesuatu program (Hussain, 1997).

Faktor kepimpinan merupakan elemen penting dalam memastikan kejayaan sesuatu pembaharuan yang dilaksanakan. Dalam hal ini tidak dapat dinafikan bahawa pembaharuan dinamik yang berlaku dalam perkhidmatan awam di Malaysia banyak bergantung kepada kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad kerana beberapa faktor.

Oleh itu, Junaidi (2006) menyatakan bahawa antara faktor yang pertama, beliau adalah seorang pemimpin yang dinamik dan berkarakteristik dengan wawasan yang jelas ke arah pembangunan dan kemajuan di Malaysia. Hal ini dapat dibuktikan melalui pelbagai program yang telah diperkenalkan secara umum serta dapat diterima dengan baik oleh sektor awam dan swasta. Kedua, beliau teliti serta sentiasa memelihara kepentingan individu dalam setiap program yang dilaksanakan. Namun begitu, beliau juga sentiasa melakukan lawatan secara peribadi untuk memastikan projek yang dilaksanakan berjalan dengan lancar. Ketiga, beliau merupakan seorang pemimpin yang berani menghadapi risiko untuk memastikan rancangan pembangunan yang dilakukan berjaya dilaksanakan dengan sempurna. Keempat, beliau menitikberatkan penglibatan aktif sektor swasta yang dilihat berfungsi sebagai penggerak dalam pembaharuan yang diperkenalkan.

Justeru, sepanjang kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad selama 22 Tahun di Malaysia terdapat banyak dasar dan pembangunan yang beliau laksanakan sama ada di dalam negara maupun luar negara.

Pelbagai dasar, rancangan dan tindakan beliau itu memperlihatkan kewibawaan, kecekapan, kelainan corak kepimpinan, malah kecekalannya. Namun begitu, ada juga yang berpandangan bahawa sejak menjadi Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad telah melakukan dominasi berlebihan terhadap kehidupan awam, bersikap sinis terhadap demokrasi dan hak asasi manusia, membentuk politik mengikut kemahuannya, autoritarian, kombatif, konfrantasional dan jenis cakap lepas. Sehubungan itu, Aman (2004) berpendapat bahawa Tun Dr Mahathir Mohamad telah memberi impak pada tahap tertentu dalam dunia kepimpinan politik. Salah satu sistem yang dilancarkan untuk membangunkan kakitangan awam adalah memperkenalkan sistem kad perakam waktu.

Sistem Kad Perakam Waktu (KPW) diperkenalkan pada tahun 1982. Sistem ini digunakan bagi menggantikan sistem mendaftar kedatangan dan kepulangan kakitangan awam melalui sebuah buku daftar (Aman Hashim, 1981). Ia memerlukan sekeping kad khas bagi kakitangan menggunakan untuk diketik pada sebuah mesin pada waktu datang ke pejabat setiap pagi dan waktu keluar untuk pulang. Oleh itu, jadual waktu kakitangan masuk dan keluar dari pejabat akan dirakam pada kad itu. Jika jadual waktu masuk dan keluar mengikut waktu yang ditetapkan oleh kerajaan rakaman itu akan berwarna hitam atau hijau namun jika ia bertentangan akan bertukar menjadi warna merah.

Namun begitu, penggunaan teknologi kad pintar telah dipraktikkan di Malaysia bagi megantikan kad pengenalan diri yang sedia ada. Pengguna kad pintar di Malaysia telah diaplikasikan ke atas pengenalan diri, lesen memandu, kad rawatan, kad kredit e-tunai dan sebagainya. Oleh itu, terdapat sistem K-Kedatangan yang dibangunkan bagi menggantikan sistem kedatangan yang lama iaitu sistem Kad Perakam Waktu. K-Kedatangan membolehkan pengguna mengimbas kedatangan di lokasi pengimbas yang disediakan. K-Kedatangan juga membolehkan para pengawal atasaran dapat melihat kedatangan dan pergerakan kakitangan bawahan mereka dengan cepat, pantas dan jitu. Setiap data yang dimباس akan diproses dalam waktu yang singkat dan laporan kedatangan akan dipaparkan secara atas talian (Hussin Kamarudin, Abd Shukor Nasrudin, 2005).

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji sistem kad perakam waktu kepada kakitangan Awam di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dan data diperolehi melalui semakan dokumen dan analisis kandungan bagi mendapatkan hasil kajian.

Dapatan Kajian

Kajian ini mendapati bahawa sistem KPW diperkenalkan adalah untuk memastikan supaya semua kakitangan tidak datang lewat ke pejabat atau keluar untuk pulang sebelum waktu yang sewajarnya.

PERBINCANGAN

Daripada dapatan kajian mendapati Abdul Ghani Azmi ilhaamie (2013) menjelaskan bahawa kelewatan merupakan aduan yang paling banyak diterima oleh Biro Pengaduan Awam pada tahun 2003 berbanding aduan lain bagi kakitangan Awam.

Oleh itu, etika perkhidmatan awam diperkenalkan pada 1 Januari 1979 merupakan satu usaha untuk menimbulkan kesedaran dalam kalangan kakitangan awam supaya memberikan perkhidmatan yang jujur, cekap dan berkesan. Serentak dengan ini, kerajaan telah memilih moto perkhidmatan awam iaitu “Berkhidmat Untuk Negara”.

Etika Perkhidmatan awam juga bertujuan untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan da kualiti pengeluaran, mewujudkan anggota yang bersih, cekap, amanah dan berakauntabiliti. Ini kerana kakitangan awam yang berkualiti mempunyai hubungan yang erat dengan kecemerlangan dan kejayaan negara. Selain itu, ia juga bertujuan untuk melahirkan organisasi yang bertanggungjawab dan diyakini rakyat. Di samping itu, Abdul Ghani Azmi ilhaamie (2013) menyatakan bahawa terdapat etika-etika dalam pentadbiran awam turut dikenal pasti sebagai kejujuran, keadilan, kebenaran, keberanian, kesopanan, kemaafan, kesabaran, ketenteraman, mudah didampingi dan simpati. Namun begitu, terdapat tujuh teras perkhidmatan awam iaitu berazam meninggikan mutu perkhidmatan, bekerja dengan penuh tanggungjawab, berusaha mengikis sikap mementingkan diri, berkhidmat dengan penuh muhibah dan kemesraan, bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara, bekerjasama dalam membanteras kelemahan dan musuh-musuh negara serta berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Walau bagaimanapun, hal ini boleh diklasifikasikan sebagai konsep nilai. Nilai merupakan satu konsep yang mencerminkan pegangan, kepercayaan dan amalan seseorang dalam sesuatu industri. Oleh itu, kerajaan Malaysia telah menggariskan kepentingan nilai dalam perkhidmatan awam seperti amanah, kejujuran, disiplin, bermoral tinggi dan sebagainya yang perlu dihayati oleh kakitangan awam. Oleh yang demikian, Syed Ismail Al-Qudsy (2009) menyatakan bahawa Unit Perancangan dan Pemodenan Malaysia (MAMPU) telah mengeluarkan buku panduan Perkhidmatan Cemerlang dengan cogan kata “berkhidmat untuk negara” pada tahun 1979. Ia menggariskan tujuh teras perkhidmatan iaitu;

1. Berazam meninggikan mutu perkhidmatan dan membaiki mutu perkhidmatan melalui latihan-latihan, kajian, perbincangan dan sebagainya.
2. Bekerja dengan penuh tanggungjawab terhadap tugas yang diserahkan kepada mereka.
3. Berusaha mengikis sikap mementingkan diri atau kelompok tertentu dengan menggunakan kedudukan yang diperolehi tetapi menjadi pendorong kepada kemajuan negara.
4. Berkhidmat dengan penuh muhibbah dan kemesraan khasnya Malaysia yang mempunyai rakyat dari pelbagai anutan agama, budaya, bangsa dan keturunan.
5. Bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat terutama dalam memberi kefahaman kepada rakyat tentang dasar-dasar dan hasrat kerajaan dalam kemajuan negara yang ingin dicapai.
6. Bekerjasama dalam membanteras kelemahan pentadbiran dan menghapukan musuh-musuh negara. Ia memerlukan penglibatan semua pihak atau golongan masyarakat seperti penggabungan pengurusan awam dan swasta di samping terdapatnya golongan-golongan tertentu menggembeling tenaga dalam menaужkan dan menguatkan negara.
7. Berpegang teguh kepada ajaran agama. Penekanan ini dilakukan bagi menerapkan nilai-nilai positif yang terdapat dalam semua agama untuk membentuk peribadi pekerja yang taat, amanah, bertanggungjawab dan sebagainya.

Kesemua teras ini menggambarkan fokus nilai dan etika perkhidmatan yang diamalkan oleh kakitangan awam di Malaysia. Bagi merealisasikan

perkara ini ketujuh-tujuh teras tersebut perlu diperingat dan dipantau dari semasa ke semasa pada setiap jabatan kerajaan.

Selain itu, beberapa ciri kakitangan awam yang beretika serta berpontesi dalam memajukan sebuah organisasi juga telah dinyatakan sebagai panduan kakitangan awam. Antaranya yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awan (INTAN, 1996) iaitu;

1. Menggunakan masa dengan sebaiknya dan berusaha menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan.
2. Melakukan kerja dengan sempurna, tidak mengharapkan orang lain dan rasa bersalah jika tidak dapat menyempurnakan tugas sebagaimana yang ditetapkan.
3. Tidak memilih kerja serta tidak menunjuk-nunjuk dalam menjalankan tugas kepada ketua.
4. Bekerja tanpa rasa jemu atau bosan serta sedia menjalankan sebarang tugas yang dipertanggungjawabkan.
5. Mengutamakan kepentingan tugas daripada kepentingan diri dan sanggup berkorban masa dan tenaga demi kepentingan perkhidmatan di samping mengamalkan sikap tolol menolong terhadap kebaikan dan menghindarkan diri daripada perbuatan buruk.
6. Patuh dan taat kepada peraturan serta berpegang teguh kepada ajaran agama disamping sentiasa menjaga imej dan maruah diri daripada cuai dan keji.
7. Menjalankan tugas secara kolektif dan menyedari idea yang diperolehi secara berkumpulan lebih berasas dan mantap bagi mencapai kejayaan organisasi.
8. Menuturkan kata-kata yang baik dan bersopan santun serta sentiasa menajaga kebersihan diri, pakaian dan tempat kerja.
9. Sedia menerima nasihat, cadangan dan pendapat, bijaksana dalam membuat pertimbangan dan mudah memaafkan kesilapan orang lain.

Oleh itu, hal ini dapat dilihat melalui Pandian (2005) menyatakan bahawa Tun Dr Mahathir Mohamad menganggap melalui kesinambungan pengurusan berorganisasi dan disiplin dapat mengukuhkan kedudukan masyarakat Melayu. Ini jelas digambarkan melalui penentangan ke atas Malayan Union pada tahun 1946 (Mohamad, 1976).

“..... the UMNO which was set up to oppose the Malayan Union was extremely lacking in funds, in educated leaders and other aspects. But because the members were more organized than in the

past and were prepared to obey their leader's directives, the British government could not reject UMNO's demands".

Disamping itu, kedua-dua sifat tersebut iaitu disiplin dan amalan berorganisasi juga dikatakan penting untuk masyarakat Melayu untuk kekal bersaing dengan bangsa lain. Disiplin yang baik perlu diperkuuhkan dengan pemikiran, idea dan tindakan positif. Perkara ini boleh dilakukan dalam bentuk penyenaraian keutamaan bertindak secara peribadi dalam organisasi. Justeru, Mat Chek (2003) menegaskan bahawa terdapat sepuluh keutamaan yang perlu diberikan perhatian dalam usaha untuk memperbaiki disiplin diri, iaitu;

1. Mnyediakan keutamaan kerja.
2. Mencatatkan keutamaan kerja dalam kalendar aktiviti.
3. Berikan masa yang sesuai untuk berfikir panjang dan jangan terlalu kaku.
4. Merangka program tindakan dengan teliti berdasarkan sumber dalaman dan lauaran.
5. Menyelaras tugas menerusi gaya kepimpinan kreatif.
6. Menetapkan waktu bekerja yang paling sesuai dan seronok dengan tidak menyusahkan orang lain.
7. Memperkembangkan sistem bekerja dengan betul berdasarkan pelan tindakan yang telah ditetapkan.
8. Membuat dokumentasi atau catatan bertulis bagi setiap aktiviti yang telah dibuat.
9. Mendapat cadangan, maklum balas serta penganalisisan semula.
10. Memberi fokus terhadap hasil yang dicapai berdasarkan aktiviti berkenaan.

Namun begitu, disiplin secara langsung mencerminkan keperibadian seseorang pemimpin. Pemimpin mesti percaya akan diri sendiri sebelum dia percayakan orang lain seta buktikan dengan contoh-contoh yang baik. Oleh sebab itu, pada setiap masa masyarakat sering mencari tokoh-tokoh hebat untuk membawa perubahan. Oleh yang demikian, usaha untuk mempertingkatkan disiplin diri dalam organisasi dapat dilakukan dalam berbagai bentuk. Pengukuhan keperibadian, sikap, cara hidup dan dorongan berterusan akan menyebabkan masyarakat untuk terus bersedia untuk berubah. Ketrampilan, kawalan diri serta bertindak berdasarkan tujuan murni merupakan seni disiplin diri. Selain itu, ia juga turut

dikatakan tidak bertentangan dalam nilai agama Islam (Ahmad Atory & Malike, 2004).

Dalam Islam, Zainal Yang (2003) menerangkan bahawa melakukan pekerjaan adalah termasuk dalam jenis ibadat umum. Ibadat umum ini mempunyai maslahat umum yang unggul dan tinggi sehingga mengatasi maslahat peribadi yang sempit dan terhad. Justeru, umat Islam melakukan sesuatu pekerjaan kerana menyahut tuntutan agama dan meningkatkan pencapaian tugasnya untuk kepentingan diri dan masyarakat sekeliling.

Namun, Daud Mustafa (1988) bersetuju menyatakan bahawa Al-Maudadi turut menjelaskan beriman kepada Rukun Iman sahaja belum lagi sempurna Islam seseorang, melainkan ia patuh, menyembah dan menyerahkan dirinya kepada Allah s.w.t. serta undang-undang-Nya. Oleh kerana seseorang itu telah menyaksikan akan keesaan, kesempurnaan Allah s.w.t. dan sebagai pemilik dirinya sudah sewajar ia mentaati segala perintah-Nya.

Al-Maudadi selanjutnya menjelaskan ibadat ialah ketaatan, kepatuhan serta penyerahan diri manusia kepada qudrat dan iradat Allah s.w.t. sama ada dari segi maknawi atau hakiki. Dalam erti kata lain, sebarang tindakan manusia untuk mentaati titah perintah Allah s.w.t. adalah dinamakan ibadat. Contohnya seseorang yang bercakap benar, menyempurnakan janji, menjauhkan diri daripada mengumpat dan sebagainya adalah ibadat kerana bertepatan sekali dengan perintah serta tegahan Allah s.w.t.

Demikian juga dalam menjalankan urusan perdagangan, berbuat baik kepada ibu bapa, jiran dan masyarakat dengan ikhlas. Selain itu, memberi makan kepada orang yang lapar, menyelamatkan orang yang dizalimi dan sebagainya juga adalah ibadat. Namun begitu, Al-Maududi menyatakan bahawa terdapat ibadat yang lebih asas dan penting iaitu ibadat khusus yang merupakan tiang sendi bagi kehidupan masyarakat Islam. Ia lebih dikenali sebagai Rukun Islam iaitu, syahadah, sembahyang, puasa, zakat dan haji.

Oleh itu, sembahyang merupakan pengulangan memperingati Allah s.w.t. yang didirikan lima kali sehari semalam. Sebaik sahaja seseorang bangun dari tidur sebelum melakukan sebarang pekerjaan dan mendirikan sembahyang Subuh serta mengakui akan keesaan, keagungan Allah s.w.t. Kemudian, seseorang itu melakukan pekerjaan harian sama ada menuntut ilmu, mencari rezeki halal atau sebagainya. Itulah yang akan menjiwai diri masyarakat Islam sepanjang masa sama ada melakukan sembahyang Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak. Hal ini kerana manusia

sentiasa berdampingan dengan Allah s.w.t. serta memegang erat tali ajaran-Nya (Vol, Zainuddin, Aurani, & Rosmani, 2014).

Walau bagaimanapun, Islam menekankan tentang pelaksanaan sembahyang fardu secara berjemaah ke arah pengukuhan serta peningkatan prestasi perpaduan umat Islam. Sembahyang berjemaah melatih umat Islam untuk berdisiplin, tolong menolong dan bersatu padu. Ia juga melatih umat Islam patuh kepada pemimpin yang memimpin mereka ke arah kebijakan dan penghapusan kemungkaran. Di samping itu, sembahyang berjemaah dapat meningkatkan perasaan kasih sayang sesama Islam dan menghapuskan perasaan hasad dengki, buruk sangka dan permusuhan. Sembahyang turut bertanggungjawab mewujudkan persamaan antara golongan kaya dan berpangkat dengan golongan miskin serta golongan awam. Perkara ini dapat dilihat melalui firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Nisa' ayat 4, yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah RasulNya dan Ulil Amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul (Sunnah) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat. Yang demikian itu lebih utama bagimu dan lebih baik akibatnya”.

Begitu juga dengan puasa iaitu tindakan menahan diri daripada makan, minum dan segala sesuatu yang membantalkan puasa daripada terbit fajar sehingga terbenam matahari. Puasa mempunyai matlamat yang istimewa dan tersendiri. Ia melatih orang yang beriman mempertingkatkan tahap ketaqwaan mereka kerana bukan mudah untuk melaksanakan puasa sedangkan makanan dan minuman terhidang depan mata. Puasa juga mendidik diri agar menjadi sabar dan lasak apabila berada dalam keadaan susah atau medan jihad. Selain itu, membentuk akhlak yang mulia dalam erti kata puasa dapat melatih seseorang mengawal hawa nafsu yang sering terjerumus dalam melakukan maksiat.

Justeru, ketahanan jasmani dan rohani diperlukan untuk membentuk akhlak yang terpuji serta menjauhkan diri daripada perbuatan keji. Puasa dapat menimbulkan keinsafan tentang penderitaan saudara Islam lain yang menimpa malang atau kemalangan dan sebagainya. Dengan ini wujudlah kerelaan untuk memberi pertolongan kepada mereka. Pertolongan ini dapat mengeratkan ikatan kasih sayang sesama umat Islam. Manakala zakat pula diwajibkan ke atas setiap umat Islam dari harta yang cukup nisab dan haul untuk diberikan kepada yang berhak menerimanya.

Zakat menjadi lambang ketinggian semangat pengorbanan umat Islam dalam membantu saudara-saudara. Golongan yang kaya dengan rela hati untuk membantu meringankan penderitaan golongan yang miskin. Disini dapat dilihat bahawa zakat dapat menghapuskan perasaan ego, mementingkan diri serta sompong. Selain itu, zakat dapat menanamkan perasaan belas kasihan, kasih sayang dan rasa saling mencintai. Hal ini dapat mengeratkan semangat perpaduan dan persaudaraan sesama manusia. Zakat juga dapat mendidik manusia supaya menghapuskan sifat-sifat tamak serta melatih manusia supaya tidak menjadi hamba kepada harta.

Ibadah Haji merupakan puncak kemanisan ibadah kepada Allah s.w.t. kerana seseorang yang ingin mengerjakan haji memerlukan banyak pengorbanan, kesabaran dan ketabahan. Hal ini kerana perjalanan dari satu tempat ke satunya yang lain semasa mengerjakan haji, dapat melihat tempat-tempat bersejarah seperti maqam-maqam para sahabat dan *syuhada'* yang mengorbankan nyawa mereka untuk menegakkan kalimah Allah s.w.t. Dengan ini seseorang akan dapat mengukur pengorbanan yang dilakukan kepada jalan Allah s.w.t.

Sehubungan itu, Islam juga memerintah umatnya untuk konsisten terhadap peraturan Allah s.w.t. yang ditetapkan. Hal ini sesuai dengan firman Allah s.w.t dalam surah Huud ayat 112, yang bermaksud:

“Maka tetaplah kamu pada jalan benar, sebagaimana diperintahkan kepadamu dan juga orang yang telah taubat beserta kamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya dia maha melihat apa yang kamu kerja”.

Daripada ayat diatas menunjukkan bahawa disiplin bukan hanya tepat waktu tetapi juga patuh kepada peraturan-peraturan yang ada. Malah, melaksanakan yang diperintahkan dan meninggalkan segala yang dilarangNya. Disamping itu, melakukan perbuatan tersebut secara teratur dan konsisten walaupun hanya sedikit.

Disamping itu, berpandukan usaha-usaha ini Islam sangat menitikberatkan persoalan nilai ke arah kecemerlangan dalam apa juar pekerjaan yang dilakukan oleh manusia. Antara perkataan-perkataan yang melambangkannya dalam Al-Quran adalah perkataan “*ahsanu amala*”, “*aflaha*” dan “*ihsana*”. Malah dalam laungan azan telah terkandung seruan ke arah kecemerlangan iaitu “*hayya ‘ala al-falah*” berkali-kali. Antara ciri cemerlang ialah apabila sesuatu pekerjaan dilaksanakan dengan berkualiti seperti tekun,disiplin, khusyuk, ikhlas, amanah dan sebagainya (Syed Ismail, Al-Qudsy, Ab Rahman , Asmak & Mohd Zain, 2009).

Justeru, Al-Ghazali Abu Hamid (1973) berpendapat bahawa nilai utama dalam akhlak yang membentuk kecemerlangan terbahagi kepada empat iaitu;

1. *Al-Hikmah*- Kebijaksanaan atau kesesuaian ilmu dengan amal atau tindakannay.
2. *Al-'Adl*- Keadilan iaitu jiwa yang dapat dikawal dari sifat marah, rakus, ego dan sebagainya untuk mencapai *al-hikmah*. Nilai ini mampu menelamat dan membimbing manusia ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan.
3. *Al-Shaja'ah*- Keberaniaan iaitu kekuatan dan keteguhan hati dalam mempertahankan kebenaran (*Al-Haq*), tidak berundur kerana dicela dan tidak maju kerana dipuji.
4. *Al-Iffah*- Kemuliaan iaitu mempunyai kemuliaan dengan menjaga maruah diri dari melakukan perbuatan yang dilarang Allah.

Oleh yang demikian, jika ditinjau kepada pemerintahan awal Islam didapati bahawa para pemerintah berjaya menangani pelbagai cabaran dalam pemerintahan mereka dan membawa pelbagai kemajuan dari segi ekonomi, pertahanan, sosial dan sebagainya kerana menghayati nilai-nilai murni sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam. Malah penghayatan nilai-nilai murni juga dapat membendung konflik yang berlaku dalam kalangan kakitangan awam dan seterusnya membolehkan mereka bekerja dengan lebih baik dan cekap.

Sehubungan itu, perkara ini boleh dirujuk kepada teori perubahan sosial sesebuah masyarakat dan kaitannya dengan pembentukan modal insan yang diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun (Kamil, Majid, Affandi, & Rahim, 2009). Antaranya;

1. Teori yang menegaskan masyarakat sebagai suatu organisme yang bersifat hidup, mempunyai potensi untuk berubah dan berkembang maju seandainya perancangan pembangunan yang rapi dan tersusun dapat dilakukan.
2. Teori tentang jatuh dan bangun sesuatu tamadun manusia, dilihat dari segi usia sesuatu tamadun dan faktor-faktor yang menyumbang ke arah kecemerlangan serta kemunduran sesuatu tamadun.
3. Teori tentang proses pembangunan sesuatu tamadun bergantung kepada nisbah perpaduan sejati dalam masyarakat berasaskan kepada gabungan antara semangat *asabiyah* dan agama.
4. Kepentingan mewujudkan perancangan pembangunan yang bersifat bersepdu antara fizikal dan spiritual.

5. Teori jiwa hamba yang dimiliki oleh bangsa yang pernah dijajah dan kebiasaannya akan menganggap kuasa penjajah sebagai suatu bangsa yang maju dan agung.
6. Kepentingan ilmu sejarah untuk masyarakat yang merangkumi persoalan manfaat serta disiplin yang harus dijaga oleh ahli sejarah.
7. Kepentingan mewujudkan kaedah penyelidikan sosiologi untuk membantu sarjana Islam untuk menajamkan daya artikulasi mereka terhadap permasalahan ummah Islam.

Ironinya, kakitangan awam perlu memiliki sifat disiplin bagi menangani masalah kelewatan ke tempat kerja. Hal ini kerana sifat disiplin dapat mengetahui yang lebih utama dan mengutamakan perkara yang lebih utama. Sifat disiplin juga dapat dilihat dalam penilaian pengurusan masa dan janji. Selain itu, dengan berdisiplin kakitangan awam dapat mengamalkan cara bekerja yang kemas dan terancang disamping mempunyai etika kerja serta profesionalisme yang tinggi (Prime Minister's Office Goverment Malaysia, n.d.).

CADANGAN

Dalam usaha memantapkan sifat disiplin dalam diri kakitangan awam, sistem pengurusan harus sentiasa disesuaikan dengan keperluan dan kehendak semasa. Selain itu, sifat disiplin harus disemai ketika di alam persekolahan supaya ia dapat dijadikan amalan harian dalam kehidupan. Disamping itu, bagi memantapkan sifat disiplin dalam diri, galakan untuk mengikuti kursus kendiri yang berkaitan Modal Insan serta memperkenalan mata pelajaran yang bersesuaian dengan Modal Insan dalam sistem persekolahan dan memberi peluang kepada para pendidik untuk mencorakkan pemikiran dan pengurusan diri.

KESIMPULAN

Sifat disiplin adalah satu sifat yang murni untuk dijadikan sebahagian daripada jati diri umat Islam khususnya masyarakat Melayu di Malaysia. Hai ini kerana dengan adanya sifat ini dalam diri, setiap pengurusan sama ada diri atau masyarakat akan lebih cepat, pantas dan kemas. Oleh sebab itu, pengurusan yang baik akan dapat meningkatkan taraf setiap pekerjaan untuk lebih maju dari masa ke semasa. Perkara ini boleh dirujuk kepada

teori perubahan sosial sesebuah masyarakat dan kaitannya dengan pembentukan modal insan yang diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Azmi ilhaamie, S. I. S. H. & B. S. A. (2013). *Kualiti Perkhidmatan Awam Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Muati @ Zamri Ahmad. (2007). *Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Atory, H., & Malike, B. (2004). Politik pentadbiran di Malaysia : Penilaian pegawai awam terhadap dasar politik dan kepimpinan nasional. *Jurnal Kemanusiaan*, 8, 92–112.
- Al-Ghazali Abu Hamid. (1973). *Ihya' 'Ulumuddin* (1st ed.). Cairo: Amal Kitabi Al-Araby.
- Aman Hashim. (1981). *Surat Pekeliling Am Kerajaan Malaysia*. Kuala Lumpur.
- Aman, I. (2004). Bahasa dan Kepimpinan : Pengkhalayakan Wacana Perdana Menteri Dato ' Seri Dr . Mahathir Mohamad. *Akademika*, 65, 3–25.
- Aminuddin, M. Y. (1990). *Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bernard, M. B. (1984). *Leadership-Multidisiplinary Perspectives*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Daud Mustafa. (1988). *Beberapa Aspek Pemikiran Al-Maududi*. (A. K. Mohamed, Ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamil Jamaie. (2006). Dinamika Kepimpinan Politik UMNO. In D. S. & O. Z. Mayudin Ghazali, Hamil Jamaie (Ed.), *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam politik Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- House R.J. (1977). Theory of Charismatic Leadership. In J.G. Hunt & L.L. Larson (Ed.), *Leadership: The Cutting Edge*. Carbondale: University of Illinois University Press.
- Hussain, A. A. (1997). The Leadership Factor in Administrative Reform in Malaysia, with a Specific Study on the Leadership of Dr. Mahathir Mohamad, Prime Minister of Malaysia. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 5(2), 103–123.

- Hussin Kamarudin, Abd Shukor Nasrudin, K. N. S. & Y. M. N. (2005). Sistem K-Kedatangan di Kampus Teragih. *Jurnal Penyelidikan Dan Pendidikan Kejuruteraan*, 2, 9–16.
- Ibrahim Mazlan, A. J. (2003). Pemikiran Siasah Sayid Qutb: Satu Analisis Berdasarkan Kitab Fi Zilal Al-Quran. In Y. U. & O. I. Othman Mohd Radzi, Muhammat Zaleha, Abdullah Atikullah, Mat Akhir Noor Shakirah (Ed.), *WARISAN AL-QURAN: Politik dan Pemikiran Semasa*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- INTAN. (1996). *Panduan Etika Kerja Urusetia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur.
- Jamaie Hamil. (2003). Kepimpinan Politik: Pola Kepimpinan Politik UMNO. *Akademiqa*, 62, 17–39.
- Kamil, M., Majid, A., Affandi, R., & Rahim, A. (2009). Perubahan Sosial dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun. *Jurnal Hadhari*, 1, 45–76.
- Mat Chek. (2003). *Kemahiran Memimpin*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohamad, M. (1976). *The Challenge*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications Sdn Bhd.
- Mohamad, M. (1999). *A New Deal For Asia*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications Sdn Bhd.
- Moten, A. R. (2011). Leadership in the West and the Islamic World : A Comparative Analysis. *World Applied Sciences Journal*, 15(3), 339–349.
- Pandian, S. (2005). *Legasi Mahathir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications& Distributors Sdn Bhd.
- Prime Minister's Office Goverment Malaysia. (n.d.). Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran.
- Saravananuttu, J. (2009). Malaysian Foreign Policy in the Mahathir Era 1981–2003: Dilemmas of Development. *Contemporary Southeast Asia*. <http://doi.org/10.1355/cs31-3g>
- Schottmann, S. A. (2011). The Pillars of “Mahathir’s Islam”: Mahathir Mohamad on Being-Muslim in the Modern World. *Asian Studies Review*, 35(3), 355–372. <http://doi.org/10.1080/10357823.2011.602663>
- Syed Ismail, Al-Quds, Ab Rahman , Asmak & Mohd Zain, M. I. (2009). Pengukuran Nilai dan Profesionalisme di Kalangan Penjawat Awam Ke Arah Efektif Governan di Malaysia. *Shariah Journal*, 17(3), 559–592.

- Van Wart, M. (2013). Lessons from leadership theory and the contemporary challenges of leaders. *Public Administration Review*, 73(4). <http://doi.org/10.1111/puar.12069>
- Vol, J. I., Zainuddin, N. A., Aurani, J., & Rosmani, A. F. (2014). Solat Bio Therapy Module Kajian-Kajian Terdahulu Berkaitan. *Jurnal Intelek*, 9(1), 23–33.
- Zainal Yang. (2003). Nilai dan budaya kerja dalam pentadbiran sektor awam di Malaysia dari perspektif Islam. *Jurnal Pengurusan Awam*, 2(1), 45–67.

* Muniroh Abdul Rohman
Department of General Studies, Universiti Utara Malaysia
Mel-e: Muniroh.abdulrohman@yahoo.com

** Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri
Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad
Mel-e: zaharsani@uum.edu.my

Anti-Muslim Campaign in Sri Lanka and Responses of the Buddhists

AHAMED SARJOON RAZICK*
KHAIDZIR HJ ISMAIL
AHMAD SUNAWARI LONG
KAMARUDIN SALLEH

ABSTRACT

Sri Lanka is a country where multi ethnic, multi language, multi religious people live. Buddhist is the predominant religious group in Sri Lanka, while the Muslims formed second biggest religious group, next to Tamils. The Buddhist-Muslim relationship has been prevailing and everlasting for centuries, but for a couple of years, a disturbing trend has wide spread, between them. This conflictual nature has come to appear aftermath of the anti-Muslim campaign by few Buddhist Nationalist Groups (BNGs) in Sri Lanka. The basic purpose of the anti-Muslim campaign in Sri Lanka is to propagate bad image of Islam and the Muslims of Sri Lanka, to create a negative perspective among Buddhist public about Islam and Muslims and to distort the good relationship of Buddhists and Muslims in Sri Lanka. In recent past years, few Buddhist Nationalist Groups, campaigned against Halal certification on consumer goods, Hijab of Muslim women, cattle slaughtering, worship places and prayer services in Sri Lanka. Furthermore, they have spread out the idea, that the latest Muslim developments within the country; especially in terms of religion; is a notable threat to Buddhism and to the Buddhist people. These wrong perceptions, ideas and point of views are major factors in Muslim-Buddhist bad relationship, in recent past years. This research attempts to analyze the point of views of few Buddhists, on recent campaigns, against the Muslims, undertaken by the BNGs, in recent past years, by conducting a semi structured interviews in 14 selected Buddhist majority districts of Sri Lanka. Based on the results, it is clearly affirmed that, the recent anti-Muslim campaign, by the BNGs, have created a suspicious nature Muslim stereotype among a group of Buddhists in the society, over a fact that a Buddhist-Muslim relationship in recent past years has damaged a lot. However, these campaigns have not changed the whole Buddhist's mood and point of views, in terms of maintaining a good relationship with Muslims in Sri Lanka, without any break, as the majority know and respect Muslim citizens of Sri Lanka, because of the behavior and support of Muslims towards the Sri Lankan state, during the civil war (1984-2009) and pre-war time in Sri Lanka.

Keywords: *Sri Lankan Muslims; Islam; Anti-Muslim Campaign; Buddhism; Buddhist Nationalist Groups*

INTRODUCTION

Sri Lanka is a diverse country, which is the home of many religions ethnicities and groups, belong to different languages. The Sinhalese are the main ethnic group in the country, constituting three quarters of the total population. Among them, the Sinhala-Buddhists are 70.19% (Department of Census and Statistics, 2012), and they speak Sinhala, an Indo-Aryan language. Tamils are the second major ethnic group, constituting 15.37% of the population. This group consists of Sri Lankan Tamils and Indian Tamils; 12.61% of them are Hindus (Department of Census and Statistics, 2012). Tamils live predominantly in the north-eastern part of the Island. The Muslims in Sri Lanka constitute 9.4% of the country's population (Department of Census and Statistics, 2012), and live in various parts of the country. In some regions, Muslims are more in numbers, compared to the Buddhists, and belong to three different ethno-social backgrounds: Sri Lankan Moors, Indian Moors and Malays. Others include, the Memons and the Bohras (Imtiyaz, 2012). The Muslims are a multilingual ethnic and religious group, and speak Tamil, a Dravidian language.

